

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 19**

**Khamis**

**2 Julai 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015

(Halaman 30)

Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015

(Halaman 48)

Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang  
dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan ) 2015

(Halaman 62)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 2 Julai 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Yoo Kei How** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apa perkembangan dengan *ASEAN Economic Community* yang sepatutnya ditubuhkan pada tahun 2015 mengikut *ASEAN Economic Community Blueprint*, dan bagaimana ia akan memanfaatkan rakyat Malaysia.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How kerana mengemukakan soalan berkaitan dengan Komuniti Ekonomi ASEAN atau *ASEAN Economic Community* dalam tahun yang cukup penting bagi ASEAN, dan juga sudah pasti bagi Malaysia. Penting kerana tahun 2015 ini negara ASEAN telah membuat keputusan untuk mengisytiharkan ASEAN sebagai satu komuniti. Malaysia diberi penghormatan selaku Pengerusi ASEAN dan kita jangka bulan November, pengisytiharan ini akan dibuat di Kuala Lumpur.

Jadi, tahun ini tahun yang amat bersejarah dan seluruh jentera kerajaan bermula tahun lepas lagi telah pun menjalankan beberapa tindakan persiapan untuk memastikan bahawa tahun 2015 ini dapat memenuhi cita-cita kita untuk melonjakkan nama Malaysia di persada dunia. Setakat ini, kita telah mengadakan beberapa mesyuarat di peringkat ASEAN. Mesyuarat itu penting. Setakat ini ialah Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur dan Langkawi, 26, 27, 28 April lalu. Selepas ini, banyak lagi mesyuarat-mesyuarat akan diadakan. Satu lagi *summit*, dengan izin, akan diadakan pada bulan November yang bukan sahaja melibatkan negara ASEAN tetapi pemimpin-pemimpin yang merupakan rakan-rakan ASEAN. Seluruh dunia akan berkunjung ke Kuala Lumpur. Jadi, tahun ini tahun yang bersejarah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967. Jadi, hampir 50 tahunlah, satu peristiwa yang bersejarah dan Malaysia merupakan salah sebuah negara, dengan izin, *Founding Member* yang merupakan salah sebuah negara yang bertanggungjawab untuk menubuhkan

ASEAN, 8 Ogos 1967. ASEAN ini antara tujuan utamanya ialah untuk mewujudkan keamanan di rantau ini kerana keamanan, kestabilan itu penting untuk kemajuan kita semua. Selain kestabilan politik, juga tujuan utama ASEAN antara lainnya ialah untuk merencanakan pembangunan ekonomi di negara-negara ASEAN, terkandung dalam Deklarasi Bangkok apabila ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967.

Di sudut ekonomi, merujuk soalan Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How. Pada peristiwa penting, satu lagi pada tahun 2007. Seperti yang disebut dalam soalan Yang Berhormat, di mana Ketua-Ketua Negara ASEAN telah membuat keputusan untuk memperkenalkan satu Pelan Tindakan Komuniti ASEAN. Di mana tersebut dalam pelan tindakan yang diisytiharkan pada tahun 2007 itu untuk mewujudkan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015. Jadi, peristiwa ini, 2015, bermula pada tahun 2007 apabila Ketua-Ketua Negara ASEAN telah membuat pengisytiharan untuk memperkukuhkan lagi integrasi ekonomi ASEAN.

Jadi persoalannya, soalan Yang Berhormat dua. Yang pertama, perkembangan terkini berkaitan dengan *ASEAN Economic Community* (AEC) ataupun Komuniti Ekonomi ASEAN. Kedua ialah bagaimana ia memberi manfaat kepada rakyat Malaysia. Bahagian pertama mengenai perkembangan, kita berani menyatakan bahawa ASEAN telah mencatatkan banyak kejayaan. Antaranya, kadar pertumbuhan yang antara tertinggi di dunia iaitu 5.1% secara puratanya.

Pendapatan yang bertambah sekarang ini, pendapatan per kapita semua negara ASEAN telah meningkat kepada kira-kira USD4,000. Jadi selain itu, ASEAN yang mempunyai kira-kira 630 juta orang penduduk, 120 juta merupakan *middle class* ataupun golongan pertengahan yang mempunyai kuasa belian yang besar. ASEAN juga telah berjaya untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara ASEAN kepada USD2.5 trilion. ASEAN juga telah menarik pelaburan asing sebagai satu kumpulan lebih USD130 bilion. Ini antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh ASEAN.

Secara umumnya, ASEAN telah membawa kepada kemakmuran ekonomi. Setiap negara ASEAN, termasuklah Malaysia seperti yang dapat dilihat angka-angka berkaitan dengan kadar pertumbuhan, berkaitan dengan perdagangan dan juga pelaburan. Selain itu, kita dapati ASEAN menjadi tumpuan kepada negara-negara lain. Ramai negara ataupun banyak negara lain yang ingin berkawan, menjalinkan hubungan yang rapat dengan ASEAN. Negara China, Jepun, Australia, New Zealand, India, Amerika Syarikat, kita ada rakan-rakan dialog yang kerap kali diadakan pertemuan. Ini melambangkan bahawa ASEAN merupakan sebuah pertubuhan yang *credible*.

Ada beberapa buah pertubuhan serantau ataupun *regional economic grouping* yang kurang berjaya tetapi ASEAN ini jelas telah mempunyai satu *track record*, dengan izin, yang membanggakan. Dengan itu banyak negara yang ingin mengadakan hubungan dan ini terbukti daripada beberapa perjanjian perdagangan yang diadakan di antara ASEAN dengan Jepun, umpamanya ASEAN dengan China, dengan Australia, New Zealand, dengan India.

#### ■1010

Ini bukti-bukti kukuh yang menunjukkan bahawa ASEAN menjadi tarikan. Itu secara ringkas Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan perkembangan terkini AEC. Selain daripada itu, kita mempunyai ukuran

setakat mana kita telah berjaya. Kita ada 550 langkah yang kesemuanya yang kita laksanakan untuk meningkatkan integrasi ekonomi ASEAN. Setakat ini 90.5% dah tercapai, kita ada 9.5% lagi. Kira-kira 50 langkah lagi belum dilaksanakan dan kita sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan langkah-langkah yang belum terlaksana menjelang akhir tahun ini supaya menjelang akhir tahun ini kita dapat isytiharkan ASEAN sebagai komuniti ekonomi Asian.

Bahagian yang kedua ialah berkaitan dengan manfaat kepada rakyat Malaysia. Manfaat ini yang pertamanya perdagangan kita meningkat, 27% daripada perdagangan kita adalah dengan negara-negara ASEAN Singapura, Thailand dan Indonesia. Ini merupakan negara-negara yang paling banyak kita berdagang. Dengan adanya ASEAN ini, maka tarif ataupun cukai import telah dikurangkan ataupun dengan negara-negara termaju ASEAN, 99% tarif sudah pun kosong, tidak ada tarif. Ini telah menyebabkan aliran perdagangan yang meningkat. Maka ini telah memberi manfaat kepada negara kita, Malaysia. Barangan kita dapat dijual di negara ASEAN dan barangan negara ASEAN juga dapat memasuki pasaran Malaysia, memberi faedah kepada pengguna dalam bentuk harga yang lebih kompetitif.

Di sudut pelaburan, ia juga memberi faedah kepada kita. Kita ada syarikat-syarikat daripada negara ASEAN yang melabur di negara kita. Dari Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia juga mempunyai kepentingan yang besar di negara-negara Singapura dan Indonesia, umpamanya kelapa sawit. Kita baru-baru ini dua minggu lepas dibuka satu Jalan Cikopo ke Palimanan, 117 kilometer. Kosnya lebih USD1 bilion, milik UEM, UEM syarikat Malaysia. Jadi dengan adanya ASEAN ini membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN.

AirAsia satu contoh lagi. Dengan adanya dasar yang liberal, *open skies policy*, dengan izin, dalam ASEAN membolehkan AirAsia menembusi pasaran Indonesia, Thailand, Vietnam dan lain-lain. AirAsia merupakan salah sebuah syarikat yang mendapat manfaat daripada integrasi ekonomi Asian dan akhirnya rakyat Malaysia beruntung kerana ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang bekerja dengan AirAsia kerana AirAsia bukan sahaja Malaysia, juga di luar Malaysia.

Bank-bank kita seperti Maybank, CIMB merupakan bank yang besar di Indonesia dan juga di Singapura umpamanya dan ini memberi manfaat kepada syarikat-syarikat Malaysia. Beberapa buah syarikat automotif Malaysia berada di Thailand. Oleh sebab pasaran ataupun rejim pelaburan semakin liberal membolehkan syarikat-syarikat Malaysia menerokai pasaran luar. Negara kita ini negara yang tidaklah besar sangat. Jadi oleh sebab ada peluang negara ASEAN, syarikat-syarikat Malaysia sudah mula menerokai pasaran di luar Malaysia dan ini memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pertama, kita telah mencapai banyak kemajuan ke arah AEC dan *inshaa-Allah* hujung tahun ini kita akan dapat isytiharkan ASEAN sebagai satu komuniti. Yang kedua, pada pandangan kerajaan, penubuhan ASEAN telah menguntungkan rakyat Asian termasuklah Malaysia dan ini telah membawa kepada keamanan, kestabilan dan juga kepada kemakmuran negara Asian dan kita bertekad, sepuluh buah negara ahli ASEAN bertekad untuk meneruskan proses integrasi untuk

merapatkan hubungan antara negara-negara Asian termasuklah *people-to-people*, dengan izin, hubungan antara penduduk setiap negara perlu kita tingkatkan supaya integrasi ASEAN ini menjadi satu realiti dan kita akan menjadi sebuah kawasan yang aman dan makmur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yoo Wei How:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Menteri kerana telah bagi kita jawapan yang sangat terperinci itu. Tahun ini memang merupakan satu tahun di mana Malaysia sebagai pengerusi tetap kepada ASEAN, kita tahu dan saya rasa ini merupakan satu masa keemasan di mana kita boleh mempromosikan AEC tersebut. Lima unsur utama, aliran bebas dalam barangan, perkhidmatan, pelaburan, modal serta pekerja asing telah dirangka.

Soalan saya kepada kementerian, bagaimana kementerian boleh membantu perusahaan kecil ataupun sederhana ataupun kita selalu sebut SME, dengan izin? Ini supaya kita boleh tolong mereka untuk mengembangkan ataupun membesarkan perniagaan mereka dan beroperasi di atas landasan ASEAN ini di bawah AEC tersebut. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Yoo. PKS ataupun SME ini merupakan komponen yang terpenting dalam mana-mana negara. Kira-kira 98% daripada *establishment* ataupun pertubuhan ataupun syarikat di Malaysia merupakan syarikat-syarikat kecil sederhana. Jadi sebarang yang kita lakukan kalau tidak menyentuh mereka, kalau tidak memberi kesan kepada mereka maka sudah pasti dasar itu boleh dianggap dasar yang gagal, yang tidak berjaya. Oleh itu, kerajaan amat prihatin kepada usaha-usaha untuk memastikan bahawa PKS juga mendapat faedah daripada integrasi. Malah kalau boleh kita mahu PKS merupakan pihak yang paling banyak mendapat faedah.

Perkara itu kita sedang menggubal pelan tindakan untuk memajukan PKS di rantau ini dan pada hujung tahun ini kita harap *blueprint* mengenai PKS untuk ASEAN akan dapat kita perkenalkan. Malaysia telah mengambil beberapa langkah. Pada bulan Mei yang lalu, kita mengadakan buat pertama kalinya apa yang dipanggil *ASEAN Assembly Showcase*, pertama kali. Lebih 600 *booth*, 17 buah negara yang datang termasuklah negara bukan ASEAN. UK ada, Amerika ada. Selain daripada negara ASEAN, negara luar pun mengambil bahagian. Terdapat 100 *booth* daripada negara-negara ASEAN, SME dan 500 dari Malaysia. Tujuannya ialah untuk mempromosikan PKS ASEAN untuk menembusi pasaran di luar negara.

Jadi, ini antara usaha-usaha yang telah kita lakukan. Ada juga cadangan di pihak swasta supaya ditubuhkan bank SME untuk ASEAN. Kita dah ada, setiap negara ada. Kita ada SME Bank di Malaysia, MIDF, ini merupakan bank khusus untuk membantu SME. Bank-bank besar pun ada juga, SME Willow dengan izin. Ada cadangan supaya ditubuhkan bank untuk semua negara ASEAN.

Jadi satu lagi yang kita laksanakan di Malaysia ialah program bernama *Go-Ex*. *Go-Ex* ini khusus untuk memperkasakan usahawan kecil dan sederhana untuk mengeksport. Contoh kecil umpamanya musim Ramadhan, raya ini, orang Johor, PKS Johor mengeksport keluaran mereka ke Singapura, ke

Brunei. Itu contoh kecil yang sudah pun berlakulah tapi contoh ini beberapa buah syarikat francais Malaysia, bidang makanan sudah menembusi pasaran Thailand.

Jadi kita mahu, kerajaan mahu supaya syarikat-syarikat Malaysia bukan duduk tak buat apa, kita nak mereka aktif dan agresif memasarkan keluaran mereka ke luar negara kerana pasaran Malaysia ini 30 juta, tak lah besar sangat. Jadi kalau kita tertumpu pada kampung kita, halaman kita, jaguh kampung, maka kita tak ke mana. Oleh itu kerajaan bertekad untuk memastikan lebih banyak lagi. Sekarang sudah pun ada beberapa PKS yang berjaya menembusi pasaran ASEAN, kita mahu lebih banyak lagi PKS kita menembusi pasaran ASEAN untuk memperluaskan pasaran, dengan itu mendatangkan lebih banyak faedah kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah bagaimana AEC dan kebetulan pula Malaysia selaku Pengerusi ASEAN boleh dimanfaatkan oleh Malaysia untuk meraih sumber kewangan daripada ASEAN *Infrastructure Investment Bank* atau AIIB, memandangkan terdapat banyak persamaan dari sudut objektif penubuhan AEB, AEC dan AIIB terutamanya inisiatif pelaburan berkaitan *infrastructure connectivity* di mana Malaysia adalah di antara laluan projek *Maritime Silk Road* anjuran negara China. Sekian.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Dr. Hou. AIIB ini *Asian Infrastructure Investment Bank* ya, sebuah bank yang ditubuhkan ataupun inisiatif datang dari negara China, lebih 50 buah negara menjadi ahli. Tiga hari lepas di Beijing telah ditubuhkan secara rasmi, baru empat hari lepas di Beijing. Penubuhannya telah diusahakan tahun lepas, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menjadi *founding member*, dengan izin. Dijangkakan bahawa *capital contribution*nya mungkin melebihi USD100 bilion. Tujuannya adalah untuk bantuan infrastruktur-infrastruktur di negara ASEAN. Infrastruktur ini kereta api, jalan kereta api, jalan raya, *power plant*, dengan izin, itu infrastruktur termasuklah lapangan terbang, termasuklah pelabuhan.

#### ■1020

Jadi infrastruktur ini meliputi semua. Tujuan ditubuhkan bank ini oleh China ialah untuk membantu melengkapkan keperluan negara Asia. Kita sudah ada dua buah bank yang besar di dunia ini, satu Bank Dunia berpusat di Washington dan kedua *Asian Development Bank* (ADB) di Manila. Ini merupakan dua buah bank yang telah banyak membantu Malaysia umpamanya projek MADA di Kedah, tanam padi dua kali setahun antara projek pertama yang dapat bantuan Bank Dunia, FELDA apabila peringkat penubuhannya pinjaman dan Bank Dunia.

Ini projek-projek yang telah dibantu oleh Bank Dunia dan ADB di Malaysia berubah jalan raya dibina dengan tajaan ADB. Akan tetapi kita dapati bahawa Bank Dunia dan ADB tidak mencukupi. Itu sebabnya negara China menubuhkan bank ini. Dua buah negara utama tidak menjadi ahli. Cuma Amerika Syarikat dan Jepun. Negara lain seperti Jerman, UK dan Malaysia menjadi ahli.

Jadi itu soalnya bagaimana ia boleh membantu ASEAN. Pertama ASEAN memerlukan pembiayaan untuk membangunkan infrastruktur. Malaysia sedang membangunkan beberapa buah pelabuhan seperti Pelabuhan Kuantan sedang diperbesarkan, pelabuhan lain juga. Melaka mempunyai

perancangan untuk membina pelabuhan dengan kerjasama negara China. Thailand mempunyai satu program yang begitu agresif untuk membangunkan rangkaian jalan raya dan juga kereta api, Vietnam juga ada perancangan untuk menghubungkan Vietnam dengan negara China.

Jadi memanglah kita harap dengan tertubuhnya AIIB ini mampu untuk menambah sumber pembiayaan. Kita sudah ada dari Bank Dunia, Bank ADB dan bank-bank yang lain termasuklah sukuk yang banyak kita keluarkan di Malaysia ini tetapi tidak mencukupi. Jadi AIIB ini dialu-alukan dan kita jangka ia akan dapat membantu untuk menambah kemudahan infrastruktur di negara ASEAN. Selain daripada itu, salah satu daripada tujuan asalnya ialah untuk meningkatkan *connectivity*, hubungan antara negara ASEAN. *Connectivity* ini manusia, penduduk, infrastruktur, jalan raya, kapal terbang, *aviation* semua sekali.

Jadi kita hendak supaya *connectivity* antara ASEAN dapat ditingkatkan dan AIIB kita harap akan dapat membantu meningkatkan *connectivity* dan dengan itu dapat meningkatkan lagi integrasi antara negara-negara ASEAN. Terima kasih.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai AEC ini dalam satu aspek yang khusus iaitu pasaran kenderaan. Kita ada kelebihan Malaysia kerana kita ada kenderaan buatan Malaysia. Pasarannya tentu juga lebih luas kalau kita dapat masuk ke pasaran ASEAN. Ini memberi kelebihan kepada kita. Akan tetapi saya perhatikan perkara ini bukan tidak berlaku tetapi tidak dapat kita optimumkan. Saya hendak tanya apakah kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Malaysia?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak jual apa juga barang bergantung dua perkara. Pertama harga. Keduanya kualiti. Banyak lagi perkara lain tetapi secara umumnya harga dan kualiti. Jadi dalam industri auto ini kita belum berjaya sepenuhnya. Umpamanya tahun lepas kita cuma berjaya untuk eksport hampir 10,000 kenderaan sahaja kebanyakan ke negara ASEAN. Paling banyak tahun lepas kereta *Mazda* hampir 7,000 buah itu sahaja.

Kebanyakan eksport daripada itu *Mazda*, ada sedikit *Perodua* ke Indonesia. Sedikit sangatlah berbanding dengan- biasanya dalam sektor automotif ini Yang Berhormat Dato' Adam dibandingkan Malaysia dengan Thailand. Thailand mempunyai dasar terbuka di mana banyak insentif dan juga daripada segi *ownership* diberikan kepada syarikat-syarikat. Tidak ada had dan tidak ada dasar-dasar yang boleh mengekang kemajuan industri auto.

Maka itu kita di Malaysia ini kita mengeluarkan kira-kira 650,000 buah kenderaan tahun lepas dan di Thailand kapasitinya lebih dua juta. Di Thailand kalau tahun lepas pasarannya cuma 800,000 ataupun 1.314 juta adalah untuk eksport. Kita hampir 20,000 buah kenderaan kita eksport kenderaan berbanding negara Thailand lebih sejuta. Itulah. Ia ada kaitan dengan harga dan juga kualiti.

Jadi berniaga ini seperti sedia maklum kita tidak boleh paksa pengguna untuk beli barang kita. Kalau barang itu elok, cantik kualiti dan harga munasabah maka dia akan beli. Jadi sekarang ini untuk kereta-kereta ini di bawah ASEAN untuk masuk ke Malaysia tidak ada sekatan dari Thailand, daripada ASEAN. Kalau kereta dari Indonesia hendak dieksport ke Malaysia tidak ada sekatan.

Maknanya tidak ada duti import, yang ada duti eksais. Kereta ini ada tiga buah komponen. Satu ialah duti import; yang kedua, duti sekarang ini GST dan duti eksais; tiga, komponen. Pertama duti import, kedua, duti eksais; dan ketiga, GST; tiga, komponen. Jadi sekarang *import duty* sudah tidak ada. Makna kereta Thailand lebih kurang 40,000, 50,000 unit kereta diimport dari Thailand setiap tahun dalam dua tahun, ke-tiga tahun ini.

Maknanya ASEAN ini membolehkan kita, membolehkan syarikat-syarikat Thailand mengeksport kereta ke Malaysia kerana tidak ada duti import. Begitu jugalah kita umpamanya *Exora* dijual di Thailand tidak ada duti import. Jadi bukan sahaja Thailand dapat manfaat, kita pun boleh eksport kereta kita, *Proton, Perodua, Mazda* ke negara Thailand.

Jadi akhir sekali, kalau Yang Berhormat bertanya, apa sebabnya kita tidak mampu lagi mengeksport banyak antara lainnya ialah, apa juga yang kita keluarkan hendaklah kompetitif daripada segi harga, daripada segi kualiti. Jadi cabaran untuk kita ialah untuk memastikan bahawa barangan kita bukan sahaja kereta hendak jual luar negara hendaklah kompetitif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) jumlah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan keberkesanan program KR1M yang bertujuan membantu rakyat khususnya berpendapatan rendah dan sederhana; dan
- (b) berapakah purata jualan sehari bagi setiap KR1M, dan berapa jumlah KR1M yang dirancang dibuka dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Hasan bin Malek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali yang mahu bertanyakan berkenaan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia. Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini adalah berkonsepkan kedai serbaneka atau dalam bahasa Inggeris *convenient store* yang menyediakan pelbagai barangan keperluan isi rumah berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat iaitu satu 1MKR dan harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal dan kualiti tetap diutamakan.

Sehingga kini sebanyak 163 buah Kedai Rakyat 1Malaysia telah beroperasi di seluruh negara. Sehingga akhir tahun ini kerajaan menyasarkan untuk membuka 23 buah lagi Kedai Rakyat 1Malaysia untuk di seluruh negara. Sebanyak 163 buah yang ada dan 23 buah akan dibuat akhir tahun ini.

Pelaksanaan KR1M telah berjaya membantu mengurangkan perbelanjaan harian rakyat secara terus *direct saving* dan sambutan yang diterima oleh KR1M di seluruh negara amat menggalakkan. Purata jualan sehari bagi setiap KR1M adalah di antara sebanyak RM4,711. Jumlah jualan yang sebenar bagi setiap *outlet* adalah bergantung kepada lokasi dan juga saiz premis kedai tersebut.



Prestasi jualan ini dijangka akan terus meningkat dengan pembukaan cawangan baru KR1M sebagaimana yang telah dirancang. Kementerian percaya dengan sokongan semua pihak termasuk pengguna, nilai jualan KR1M akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Penubuhan KR1M ini juga telah memberikan lebih pilihan kepada pengguna di negara ini untuk mendapatkan bekalan barangan pada harga yang berpatutan. Pengenalan produk 1MKR telah memberikan persaingan sihat kepada barangan jenama lain untuk menawarkan produk mereka pada kadar harga yang lebih kompetitif oleh sebab pengguna mempunyai pilihan yang lebih banyak dalam pasaran.

■1030

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, sebagaimana soalan Yang Berhormat Tan Sri Senator, kerajaan mensasarkan supaya setiap kawasan Parlimen mempunyai sekurang-kurangnya sebuah Kedai Rakyat 1Malaysia beroperasi bagi memberi kemudahan dan peluang kepada penduduk di kawasan Parlimen berkenaan bagi menjimatkan perbelanjaan harian mereka. Terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan yang memuaskan. Saya hendak tanya, berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan sehingga kini dalam mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia? Juga, adakah kementerian ada rekod berapa juta orang pengguna yang telah mendapat faedah daripada kewujudan KR1M? Soalan ketiga, adakah KR1M akan buat *outlet* secara francais agar memberi peluang kepada peniaga-peniaga biasa untuk menyertai program ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Senator, saya minta maaf kerana soalan itu tadi lebih merupakan satu soalan yang khusus yang saya tidak bawa maklumat ini. *Inshaa-Allah*, saya akan bekalkan berapa kosnya? Sebenarnya pembinaan Kedai Rakyat 1Malaysia ini bergantung pada lokasinya. Kalau ia jauh lagi dari kawasan pedalaman ataupun premisnya kecil, mungkin harganya rendah sedikit. Ia berbeza-beza. Akan tetapi secara umumnya saya tidak dapat memberi angka yang tepat tetapi *inshaa-Allah*, saya akan bekalkan maklumat ini kepada Yang Berhormat.

Cadangan untuk memfrancaiskan ini sedang giat kita rancangkan. Kita hendak jadikan Kedai Rakyat 1Malaysia ini sebagai satu francais untuk kita francaiskan dan gunakan francaisor KR1M ini di beberapa buah kawasan Parlimen. Kalau mengikut daripada angka yang kita ada pada hari ini, saya bawa angka benda Yang Berhormat tidak tanya, saya kena beritahulah sebab saya bawa angka ini. Saya amat banggallah sehingga hari ini, tiga buah negeri yang Kedai Rakyat 1Malaysia sudah ada, semua Parlimen ada iaitu di Putrajaya, di Melaka dan Negeri Sembilan. Melaka ini mudah saya hendak jawab sebab di bawah kepimpinan bekas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dulu yang begitu minat tentang soal KR1M ini, kita buat setiap Parlimen ada. Maknanya ada enam Parlimen tersebut, semua keenam-enam ini ada Kedai Rakyat 1Malaysia.

Yang Berhormat sendiri pun akan lihat bahawa memang sambutannya begitu baik. *Inshaa-Allah*, yang lain-lain itu yang belum ada, kita akan ikhtiarkan sebab akhir tahun kita ada lebih kurang 23 lagi.

Yang belum ada ialah sebanyak 83 buah kawasan Parlimen. Itu masalahnya. Yang dulu perancangannya kadang-kadang satu Parlimen itu ada dua tiga Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi tidak wajarlah. Jadi saya cakap, penekanan untuk kali ini tiap-tiap Parlimen ada satu. So Melaka okey.

Saya ingat tadi hendak memuji kita, tidak ada. Jadi itulah Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd. Sharif:** Terima kasih. Ini puji ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Menteri yang datang menjawab dan juga tahniah kerana telah berjaya membuka banyak *outlet* untuk Kedai Rakyat 1Malaysia di semua kawasan dan juga negeri di seluruh negara dan di mana mendapat tempat di hati rakyat.

Apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir pada hari ini ialah barang yang ditawarkan kepada Kedai Rakyat 1Malaysia ini berjumlah 250 jenama yang telah di *branding* atas nama Kedai Rakyat 1Malaysia. Barang yang ada di Kedai Rakyat 1Malaysia ini ada sesetengah barang yang saya dapati perlu ditambah baik. Contohnya barang minuman, *Ribena* contohnya. *Ribena* Kedai Rakyat 1Malaysia jenamanya sendiri berbanding dengan *Ribena* yang ada dalam pasaran, kualiti barangan tersebut murah tetapi *content* ataupun *pureya* itu macam suasana kelikatan ataupun tidak pekatlah kalau dibandingkan dengan *Ribena* yang ada dalam pasaran. Murah tetapi kalau kita hendak buat air *Ribena* ini perlukan tiga sudu kalau Kedai Rakyat 1Malaysia. Kalau kita beli barangan di pasar raya, hanya sesudu. Maksudnya *content* yang ada pada barangan tersebut dikurangkan sebab hendak murah.

Ini bagi saya ada sesetengahnya baik kerana mereka yang berpendapatan rendah dapat membeli dan merasa makanan tersebut ataupun minuman tersebut. Jadi kalau keadaan ini bagi saya dapat kita kaji, kita rapatkan jurang rasa yang ada di Kedai Rakyat 1Malaysia ini agar rakyat yang berpendapatan rendah ataupun sederhana dapat menikmati bersama keenakannya, rasanya dan sebagainya.

Yang keduanya soalan saya, berapa banyakkah barang-barang PKS yang Kedai Rakyat 1Malaysia ini menerima dan sejauh mana sumbangan PKS kepada Kedai Rakyat 1Malaysia? Juga, adakah pihak kementerian KPDNKK untuk memperluaskan lagi supaya tidak satu syarikat contohnya Mydin memonopoli Kedai Rakyat 1Malaysia supaya kita lebih luaskan agar ada persaingan yang sihat, menawarkan harga yang lebih baik daripada apa yang ada pada hari ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Salim yang mengemukakan beberapa soalan yang ada hubung kait berkenaan dengan KR1M.

Saya hendak maklumkan bahawa soal barangan yang saya sebut awal tadi, ia adalah lebih murah, harganya lebih kurang 50% lebih murah daripada kedai-kedai yang lain macam Milo dan sebagainya. Jadi cuma yang dibuat oleh pihak KR1M, pihak MRT yang kita berikan francais untuk membekalkan ataupun menjual barangan ini, kadang-kadang rasa itu agak berlainan dan sebagainya, maklumlah, maknanya tadi dia punya *brand* itu tetapi rasanya tadi berlainanlah sedikit sebab seperti saya sebutkan tadi, kita hendak cuba membawa barang-barangan yang daripada segi harganya murah, itu

yang penting untuk rakyat yang mempunyai pendapatan kecil. Jadi, bagi membolehkan rakyat juga dapat sama-sama merasai *brand* tersebut.

Cuma daripada segi rasa dan sebagainya tadi, kita sedang membuat kajian tentang cara macam mana supaya harganya rendah dan rasanya pun hampir, misalnya lebih daripada seperti mana juga *brand* yang asal. Jadi kerana harga-harga barang itulah, soal pekat atau tidak pekat itu, kadang-kadang rasa masing-masing, nafsu berlainan kan. Walau bagaimanapun, kita akan mencuba.

Begitu juga dengan soal tadi, soal PKS. Ini pun kita dah bincang dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa sebab PKS ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Menteri ada di sini. Kita sedang berusaha, bukan lagi sedang, telah pun berusaha untuk menempatkan barang-barang PKS yang baik ini, yang berkualiti ini dan harganya murah ini dijual di dalam Kedai Rakyat 1Malaysia kita. Tumpuan kita barangan Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi kita bawa juga sedikit-sedikit supaya membolehkan barangan PKS ini dijual sama. Jadi, ini pun untuk rakyat. Maknanya bagi kita, kita sentiasa memikirkan cara macam mana rakyat boleh dapat manfaat daripada perancangan kita. So, pandangan Yang Berhormat tadi akan kita ambil kira dan akan kita usahakan. Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada kementerian, apakah status terkini dengan kempen Menu Rakyat 1Malaysia yang pernah dilancarkan oleh pihak kerajaan? Dan sekiranya ada ataupun masih lagi berfungsi, bolehkah kerajaan menyatakan lokasi-lokasi yang masih wujud Menu Rakyat 1Malaysia dan apakah kerajaan memikirkan untuk meneruskan program ini ke seluruh negara? Kalau kita lihat, baru-baru ini dilaporkan bahawa Menu Rakyat 1Malaysia ini di beberapa buah premis itu diberhentikan kerana tidak mendapat sambutan. Saya kira perlu ada satu langkah daripada pihak kerajaan untuk mempopularkan semula kerana ia banyak membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk merasai sesuatu yang lebih baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Apabila bercakap soal kesejahteraan rakyat dan sebagainya, ramai daripada kita *coming forward* dengan soalan-soalan sebagainya. Menunjukkan masing-masing minat untuk hendak pastikan rakyat sejahtera. Soalan Yang Berhormat tadi ada satu berlainan daripada Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi saya ambil ringkas sahajalah sebab ini bukan soal dan kaitannya dengan Kedai Rakyat 1Malaysia. Menu Rakyat 1Malaysia ini masih lagi berjalan di seluruh negara malahan kita mencari jalan pula soal promosi ini.

Sebab soal promosi ini membabitkan sokongan daripada orang ramai dan sebagainya. Minum pagi RM2, tengah hari RM4 dan sebagainya. Kita sedang kembangkan bukan sahaja di setakat di premis-premis yang sedia ada, tetapi juga di kampus-kampus. Saya sudah pergi ke beberapa buah kampus dan telah pun wujud. Saya tengok peringkat awalnya memang begitu baik.

Di Kuantan misalnya, Universiti Pahang saya rasmikan saya sendiri pergi, *alhamdulillah* sambutan seperti biasa. Kadang-kadang apabila sudah lama kita tengok begitu, makin lama makin mundur tetapi kalau ada Yang Berhormat fikir kita boleh bantu, maklumkan kepada saya. Kita akan

tengok lihat, bagaimana kedainya sudah berhenti dan sebagainya. Memang saya akui ada yang sudah tutup. Kadang-kadang kita tidak tahu sebab jumlahnya pun tidak ada sebab soalan lain. Saya tidak tahu berapa jumlahnya? Akan tetapi masih ada lagi. Kalau ada yang minat, Yang Berhormat boleh maklumkan pada saya dan kita akan cubakan. Asalkan rakyat sejahtera, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga atas kehadiran Menteri pagi ini.

**3. Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, panduan yang jelas berhubung pengurusan sekuriti di taman-taman perumahan, terutamanya berkaitan pembinaan pondok-pondok pengawal serta pembinaan palang penghadang pada jalan-jalan memasuki taman perumahan berkenaan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung, izinkan saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok untuk mengalu-alukan kehadiran barisan kepimpinan Kampung Gerakan Desa Wawasan Long Bedian, Baram, Sarawak seramai 29 orang [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung, keperluan untuk mendapatkan tahap keselamatan yang lebih baik, telah pun menarik minat pembeli khususnya bagi kawasan-kawasan bandar untuk memilih skim-skim kediaman yang menawarkan sistem kawalan keselamatan secara berpagar dan juga berpengawal. Pembangunan skim kediaman ini Tuan Yang di-Pertua semakin berkembang dan menjadi satu fenomena dalam industri perumahan negara malah menjadi satu trend dalam pemilihan hartanah kediaman terutamanya di kawasan-kawasan bandar besar, seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah pun mengeluarkan satu garis panduan khusus berkaitan dengan pembangunan Skim Komuniti Berpagar ataupun *Gated Community*, dengan izin, dan skim kejiranan berpengawal ataupun dengan izin, *guarded neighborhood* pada tahun 2010. Garis panduan perancangan ini Tuan Yang di-Pertua disediakan bagi membantu pihak berkuasa negeri iaitu kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal dan juga persatuan-persatuan penduduk dalam merancang, mengawal dan juga untuk menubuhkan skim-skim perumahan bagi berkonsepkan *gated community*, dengan izin, dan juga *guarded neighborhood*, dengan izin.

Garis panduan perancangan *gated community* dan *guarded neighborhood* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua telah pun dirunding secara bersama dengan semua kerajaan negeri dalam Majlis Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-63 pada 2 September 2010 dan telah pun diterima pakai dan dikuatkuasakan di peringkat negeri dan juga di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung, garis panduan perancangan ini telah pun menggariskan secara terperinci aspek-aspek

perancangan, pengawasan, bagi kedua-dua konsep skim pembangunan iaitu sama ada dia *gated community scheme* yang dibangunkan selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Serata 1985 iaitu kepada Pindaan 2007 yang mula berkuat kuasa pada 12 April 2007 ataupun *guarded neighborhood* yang pada asasnya merupakan pemilikan individu ataupun individual *landed title*, dengan izin yang pembentukannya tidak tertakluk kepada Akta 318.

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan perancangan yang disediakan ini juga telah pun menetapkan beberapa syarat asas bagi sebarang penubuhan *guarded neighborhood*, dengan izin, dan permohonan untuk menubuhkan *guarded neighborhood* perlulah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan melalui persatuan-persatuan penduduk masing-masing yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ataupun ROS dan pihak persatuan penduduk perlu mengemukakan Yang Berhormat dokumen berkenaan dengan persetujuan penduduk dan lain-lain maklumat yang diperlukan dengan pihak berkuasa tempatan dan garis panduan perancangan ini juga Tuan Yang di-Pertua menekankan bahawa sebarang cadangan untuk mewujudkan *guarded neighborhood* perlu mendapat persetujuan majoriti penduduk dan tertakluk kepada tiada sebarang paksaan dan tekanan kepada penduduk yang tidak bersetuju.

Garis panduan ini juga Tuan Yang di-Pertua telah menetapkan bahawa syarikat pengawal keselamatan yang dilantik perlulah berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri dan satu perkara penting yang digariskan dalam garis panduan ini Tuan Yang di-Pertua adalah berhubungan dengan larangan untuk mewujudkan halangan-halangan dalam bentuk sukatan fizikal ataupun pemasangan *boom gate* di pintu masuk. Peraturan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 46(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu Akta 133, dan seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] yang tidak membenarkan sebarang sekatan atau halangan di atas atau merintang jalan raya yang merupakan tempat awam.

Sehubungan dengan itu semua permohonan untuk membina pagar perlulah mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua bertanggungjawab penuh untuk melaksanakan penguatkuasaan dan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang tidak mematuhi kepada peruntukan perundangan yang ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang terperinci tadi. Soalan tambahan saya, selain mengeluarkan garis panduan yang lebih jelas seperti yang dinyatakan tadi, adakah kementerian akan membantu persatuan-persatuan penduduk yang telah berdaftar secara sah dengan ROS memajukan lagi sistem pengurusan sekuriti di taman-taman perumahan dengan mewujudkan dasar baru untuk pihak berkuasa tempatan membantu Persatuan Penduduk mengutip yuran bagi tujuan membiayai kos pengurusan sekuriti tersebut. Misalnya menerusi pungutan cukai pintu. Dengan cara ini, isu sebahagian penduduk yang enggan membayar tetapi ingin mahu menikmati kemudahan tersebut dapat diatasi sekali gus berjaya menjaga kepentingan majoriti besar penduduk yang rajin membuat bayaran.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi kementerian tidak ada halangan malah sudah ada peruntukan garis panduan dan sekiranya ada keperluan untuk mewujudkan *guarded* atau *gated community* yang berkenaan, perlu membuat permohonan kepada pihak berkuasa tempatan dan bergantung dengan persetujuan masyarakat setempat yang ada. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung kementerian belum ada sebarang cadangan untuk memberikan kemudahan peruntukan bagi mewujudkan *guarded* atau *gated community* yang diperlukan oleh masyarakat setempat.

Ini adalah bergantung kepada keperluan inisiatif dan juga kesungguhan kepada masyarakat setempat yang memerlukannya dan bergantung juga kepada kesepakatan masyarakat setempat untuk sama-sama bertanggungjawab untuk mengeluarkan ataupun menanggung kos ke atas sebarang penubuhan *guarded* atau *gated community* yang diperlukan oleh masyarakat yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bertanya mengenai keselamatan taman-taman perumahan di seluruh negara. Hari ini kalau kita lihat taman-taman perumahan adalah menjadi *target* kepada para penjenayah. Jadi saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kementerian tidak bercadang untuk memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) sebagai pengawasan yang mengandungi kamera dan peralatan berkaitan untuk pemantauan transmisi dan pengawalan zon keselamatan tertentu. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1050

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah sebut tadi Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, *guarded neighborhood* seperti yang saya nyatakan tadi tidak boleh paksa. Kalau *gated community* dia strata, maknanya dalam bangunan strata penduduk perlu bayar caj di bawah Akta Pengurusan Strata.

Bagi cadangan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul tadi Tuan Yang di-Pertua, pemasangan CCTV. Pihak kementerian memang setiap tahun memperuntukkan peruntukan untuk pemasangan CCTV. Pada setiap tahun lebih kurang anggaran RM70 juta hingga RM80 juta yang diperuntukkan oleh pihak kementerian untuk pemasangan CCTV. Pemasangan CCTV ini Tuan Yang di-Pertua, adalah berdasarkan kepada makluman dan juga laporan yang dikemukakan, kerjasama pintar, bijak antara pihak kementerian, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dengan pihak PDRM. Senarai untuk pemasangan CCTV terutama di kawasan-kawasan *hotspot* adalah berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada pihak PDRM.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, pada setiap tahun lebih kurang anggaran RM70 juta hingga RM80 juta peruntukan yang saya sebutkan tadi, memberikan kemudahan pemasangan CCTV di lebih kurang 25 pihak berkuasa tempatan pada setiap tahun. Bagi kawasan-kawasan taman yang tertentu

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya mereka tidak masuk dalam senarai *hotspot* seperti yang dinamakan oleh pihak PDRM, maka keutamaan akan diberikan kepada kawasan yang lebih memerlukan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, bagi setiap tahun bukan sahaja pemasangan CCTV yang dilaksanakan oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, termasuklah meningkatkan lagi kemudahan pemasangan lampu-lampu bagi tujuan pencahayaan. Setakat ini kementerian telah pun menyediakan sebanyak 18,102 unit pencahayaan, 496 unit CCTV dan 2,460 unit cermin keselamatan bagi membantu untuk menjaga keselamatan kawasan setempat selain daripada pemasangan kepada kawasan-kawasan *hotspot* seperti yang saya nyatakan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apa strategi kementerian bagi mengurangkan penggantungan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan. Selain daripada itu, berapa peratus pekerja warga tempatan yang bekerja dalam industri pembinaan dan apakah usaha yang dibuat kementerian bagi meningkatkan bilangan pekerja warga tempatan dalam sektor tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pendaftaran personel binaan oleh CIDB sehingga 31 Mei 2015, terdapat seramai 790,017 jumlah personel binaan yang sah berdaftar di negara ini. Daripada jumlah tersebut, 84% atau 663,800 orang terdiri daripada warga tempatan dan baki 16% lagi atau 126,217 orang di kalangan pekerja asing. Maklumat statistik ini adalah merujuk kepada bilangan pekerja binaan yang sah berdaftar sahaja dengan CIDB pada masa kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya amat serius untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam industri pembinaan. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya menerusi CIDB iaitu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan modal insan industri pembinaan telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan yang keterlaluan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan di negara ini.

Dasar atau hala tuju kerajaan itu ialah berdasarkan kepada rujukan pelan induk seperti berikut:

- (i) *Construction Industry Master Plan* atau CIMP for Malaysia dengan izin, bermula 2006 hingga 2015;
- (ii) *Industrialised Building Systems (IBS) Roadmap* 2011 hingga 2015; dan
- (iii) Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme (CITP)* iaitu program transformasi sektor pembinaan negara yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bermula 2016 hingga 2020.

Di samping itu, untuk jangka panjang pula, CIDB juga sedang giat untuk memperkasakan Akademi Binaan Malaysia (ABM) sebagai pusat latihan dan kemahiran vokasional, khusus dalam industri pembinaan. Antara objektif ABM ini ialah untuk membentuk personel binaan mahir dan separa mahir tempatan, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing. Pada masa kini, terdapat enam buah pusat ABM yang beroperasi di seluruh negara, di mana ia telah melahirkan hampir 300,000 orang belia dan personel binaan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya yang pertama ialah sehingga bilakah negara terpaksa bergantung kepada pekerja asing yang ada kalanya ini dilihat seolah-olah kita terpaksa bergantung penuh kepada mereka bagi merencanakan pembangunan negara?

Soalan yang kedua ialah apakah kesan terhadap ekonomi dan pembangunan negara jika pekerja asing dalam industri pembinaan dihapuskan sama sekali? Adakah kerajaan mampu untuk berbuat tindakan sedemikian? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya amat sukar untuk kita menghapuskan kebergantungan kita kepada pekerja asing dalam tempoh yang panjang. Namun dalam soal ini, usaha berterusan akan tetap dilaksanakan di mana kerajaan akan cuba mencari mekanisme-mekanisme baru bagi menangani lambakan pekerja asing di negara kita.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat kepada usaha untuk meminimumkan kebergantungan kita kepada pekerja asing ini. Contoh langkah-langkah di bawah kementerian yang boleh kita laksanakan di dalam mengurangkan kebergantungan ini adalah dengan melaksanakan ataupun mewajibkan pelaksanaan penggunaan komponen IBS dalam bidang industri pembinaan kita, terutama bukan sahaja di sektor awam tetapi juga di sektor swasta.

Walau bagaimanapun, kita secara hakikatnya masih memerlukan pekerja asing dalam sektor-sektor yang lain Tuan Yang di-Pertua, terutama dalam sektor perladangan, perkhidmatan dan juga pembuatan. Untuk sektor pembinaan ini, khidmat pekerja asing masih diperlukan dalam *trade dirty, dangerous and difficult*, dengan izin, yang masih kurang diminati oleh belia-belia ataupun pekerja-pekerja tempatan kita dalam industri ini.

Kerajaan sentiasa berusaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing ini secara berperingkat Tuan Yang di-Pertua, supaya ia tidak menjejaskan sektor pembinaan kita memandangkan *demand* ataupun permintaan yang cukup tinggi dalam sektor ini yang menyumbang kepada KDNK negara.

Saya ingin berkongsi kepada Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, sektor pembinaan negara dijangka akan terus berkembang dan mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar 10.3% setahun dengan sumbangan sebanyak RM327 bilion ataupun 5.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020. Pertumbuhan ini Yang Berhormat, dipacu antaranya atas



permintaan domestik yang tinggi bagi membina lebih banyak infrastruktur moden, termasuklah pembinaan projek-projek mega seperti RAPID Pengerang dan juga MRT dan yang mungkin dekat di hati Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, pembinaan Pan Borneo sendiri di negeri Sabah dan Sarawak.

■1100

Dalam soal kesannya, Yang Berhormat juga bertanya mengenai kesan kepada ekonomi negara jika kita mengurangkan pekerja asing ataupun menghapuskan secara total sudah tentu ia akan menjejaskan sektor pembinaan negara disebabkan oleh permintaan yang tinggi ini, Yang Berhormat kepada pelaksanaan projek-projek mega seperti yang saya sebutkan awal tadi.

Yang Berhormat juga saya ingin maklumkan bahawa kita sentiasa mempunyai mekanisme selain daripada menggalakkan penggunaan IBS kita juga ada satu mekanisme kawalan di bawah kementerian iaitu dengan penubuhan CLAB iaitu *Construction Labour Exchange Centre Berhad* atau CLAB yang dibenarkan untuk mengurus pengambilan pekerja asing sektor binaan melebihi 100 orang.

Peranan CLAB ini Yang Berhormat, diperkukuhkan lagi bagi membantu majikan dalam sektor pembinaan ini mendapatkan lebih pekerja dengan lebih cepat efisien. Peranan CLAB ini Yang Berhormat lebih berbentuk sebagai pemudah cara bagi menerima dan mentadbir pangkalan data maklumat berhubung dengan pekerja pembinaan asing yang memiliki permit sah daripada syarikat yang telah menyiapkan projek dan mengagihkan mereka semula kepada syarikat pembinaan yang lain yang perlukan khidmat pekerja.

Jadi kalau projek tersebut, satu projek telah siap CLAB ini berperanan untuk memindahkan pekerja-pekerja yang sudah melaksanakan projek yang awal tadi kepada projek yang lain. Jadi kita boleh mengawal jumlah dan juga jumlah personel pekerja binaan warga asing ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Shahanim.

**Puan Shahanim binti Mohd. Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya dapati ramai buruh asing mendapat latihan di CIDB. Jadi kenapakah kecenderungan kontraktor menghantar buruh asing berbanding warga tempatan mendapatkan latihan di CIDB? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Sebenarnya Yang Berhormat, di bawah CIDB kita ada ABM seperti dalam jawapan saya tadi. Keutamaan ataupun keseluruhannya kursus-kursus yang dilaksanakan di bawah Akademi Binaan Malaysia ini adalah fokus kepada kaum belia kita dengan personel binaan tempatan, Yang Berhormat. Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim bahawasanya lepasan Akademi Binaan Malaysia ini, kita ada enam secara keseluruhan di seluruh negara dan kebanyakannya lepasan ABM ini mempunyai permintaan yang tinggi, Yang Berhormat.

Ada di antaranya yang bekerja di luar negara. Contoh latihan-latihan yang dilaksanakan di ABM ini termasuklah *welding, plan operation, NDT iaitu non-destructive testing, chargeman* dan juga *under water welding* yang mendapat permintaan yang cukup tinggi. Kadang-kadang mereka tidak habis belajar lagi sudah permintaannya sudah dilakukan sebelum mereka habis belajar sekalipun.

Jadi kita sudah melahirkan 300,000 seperti yang saya katakan dalam jawapan saya yang awal saya, *inshaa-Allah* ini merupakan cara kita untuk mengurangkan lagi kebergantungan kepada pekerja asing iaitu dengan melatih personel binaan tempatan secara berterusan. ABM ini kita akan perkukuhkan dari semasa ke semasa daripada segi pelaksanaan kursus dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jumlah, jenis dan kos beras yg diimport dan negara mama yg terlibat.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Tan Sri Senator Dr. Ibrahim Shah. Sebagai menjawab soalan yang dikemukakan yang bertanyakan jumlah, jenis dan kos beras yang diimport dari negara sumber.

Jumlah beras yang diimport ialah sebanyak 863,000 metrik tan bagi tahun 2014, 853,000 bagi tahun 2013 dan 900,000 bagi tahun 2012. Bagi tahun ini sehingga Jun baru 200,000. Jumlah ini merupakan lebih kurang 30% daripada keperluan beras negara. Keluaran tempatan hanya lebih kurang 100.1 juta metrik tan bagi tahun 2014, 1.685 juta metrik tan bagi 2013. Itu daripada segi jumlah.

Soalan kedua jenis. Jenis beras yang diimport termasuk beras putih atau *white rice*, beras wangi, beras mati, pulut dan sebagainya termasuk beras *calrose*, beras *nishiki*, beras *koshi* dan sebagainya. Ada juga beras *brown rice, organic rice* yang diimport *ponni rice*. Macam-macam *rice* ada. Itu daripada segi jenis. Daripada segi kos terus jawab yang spesifik, jumlah, jenis dan kos.

Kos bagi tahun 2014, RM1.4 bilion. Bagi tahun 2013 - RM1.48 bilion, 2012 – RM1.76 bilion. Di sini segala *averagenya* beras putih kosnya lebih kurang USD400 ataupun RM1,520 - duit kita, Malaysia. Bagi beras-beras putih *averagenya* begitu. Bagi keseluruhan kalau masuk yang disebutkan tadi beras wangi, beras pulut dan sebagainya secara *averagenya*, keseluruhannya harganya ialah USD520 ataupun bersamaan RM1,976 satu metrik tan. Itu kos.

Sumber. Sumber dari negara mana kita mengimport ialah Thailand, Vietnam, Pakistan, India ini bagi beras putih, beras wangi dan beras mati. Beras yang saya sebutkan yang *special* ini *calrose, nishiki, koshi* daripada *United States* dan Jepun. Beras *brown, organik dan ponni* dari India. Ini beras yang orang kencing manis tidak boleh makan. Jadi sudah jawab jumlah, jenis, kos dan sumber negara import. Spesifik, *thank you*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada soalan tambahan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan cukup jelas. Terima kasih banyak. Cuma saya nak tanya Yang Berhormat Menteri bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan, berapa metrik tan jumlah beras ST15 yang telah diberikan oleh pihak kerajaan, dan nilai subsidi tersebut?

Kedua, berapakah nilai beras yang telah disediakan oleh kerajaan terhadap Stok Pengimbang Makanan Negara? Di manakah beras ini disimpan? Dan syarikat manakah yang bertanggungjawab untuk menguruskannya? Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri Senator. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai menjawab dua soalan, satu berkenaan dengan ST15, soalan kedua berkenaan dengan apa tadi? Puasa-puasa ini lembap sedikit. Stok penimbal.

■1110

Pertamanya ST15 kita membekalkan sebanyak 40,000 metrik tan sebulan untuk kawasan Semenanjung. Bagi Sabah dan Sarawak 20,000 metrik tan. Subsidi kerajaan kepada beras ST15 ini adalah kira-kira RM700 satu metrik tan. Jadi dia kira empat kali tujuh, 28, *RM280 million* subsidi, banyak yang disubsidikan oleh kerajaan. Itulah kuantiti dan nilai subsidi.

Soalan kedua berkenaan dengan stok penimbal lebih kurang 300,000 metrik tan. Apa yang disimpan oleh BERNAS sebagai pihak yang telah diberi konsesi untuk mengimport beras dan juga penjaga stok penimbal. Di manakah beras ini berada? Di gudang-gudang BERNAS dan sesetengahnya di peringkat *wholesalers* atau pemborong-pemborong tetapi kita memastikan bahawa jumlah ini cukup setiap masa. Terima kasih.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato Sri. Saya berminat dengan jawapan Yang Berhormat Dato Sri. Soalan saya ialah apakah pada masa akan datang kerajaan bercadang untuk menghentikan import-import beras daripada negara-negara luar? Kenapa kerajaan tidak menggalakkan supaya kita membuka lebih banyak jelapang-jelapang padi di Malaysia khususnya di negeri yang keluasanya besar contohnya Pahang, Terengganu dan sebagainya? Boleh diberi peluang kepada graduan-graduan kita yang mempunyai kelulusan pertanian untuk mereka mengusahakan kawasan-kawasan padi ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini macam soalan bocor pula ini. Ada di sini. Soalan ramalan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mencapai tahap sara diri 100%? Lebih kurang lah kan? Itu lah pertanyaannya [*Ketawa*]

Jadi jawapannya kerajaan telah menyasarkan peningkatan SSL daripada 70% kepada 100% menjelang tahun 2020. Ke arah itu kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) menubuhkan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu di Rompin, Pekan, Batang Lupar dan Kota Belud dengan jumlah keluasan 25,900 hektar;
- (ii) menggunakan *variety* berkualiti dan rintang kepada penyakit;
- (iii) mempertingkatkan sistem infrastruktur pengaliran dan saliran;

- (iv) menggalakkan amalan pertanian baik;
- (v) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;
- (vi) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA, EPP 10 dan 11.

Langkah-langkah ini dijangka akan meningkatkan pengeluaran padi kita dan seterusnya beras kita mencapai tahap 100% SSL atau tahap sara diri pada tahun 2020. Sikit lagi iaitu berkenaan dengan peranan anak muda dan siswazah dan sebagai untuk menceburi bidang pertanian. *This is the problem, dengan izin. Tidak ramai yang minat. So, we are now doing everything, dengan izin, to attract them. We want to change their perception.* Persepsi mereka terhadap pertanian sedang kita ubah. Kita meyakinkan kepada mereka pertanian ini boleh menjamin ekonomi mereka kerana pertanian juga perniagaan. Terima kasih.

**6. Datuk Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes penculikan kanak-kanak yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini dan apakah faktor berlakunya kejadian ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua persoalan dalam satu soalan ini sebenarnya. Satu apa yang dikatakan jumlah penculikan yang berleluasa dan akhirnya apakah fakta berlakunya kejadian ini. Jadi saya tumpukan jawapan kepada perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, penculikan di istilahlah dalam dua perundangan iaitu satu Kanun Keseksaan dan satu lagi ialah Undang-undang Penculikan 1963. Jadi ia kalau ada tuntutan *ransom* ia akan dibawa istilah di bawah Undang-undang Penculikan Tahun 1961 bukan Kanun Keseksaan. Jadi dengan sendirinya klasifikasi penculikan ini banyak. Ada penculikan hendak kahwin, ada penculikan hendak curi kereta, bayar hutang dan sebagainya. Jadi ini diistilahkan di bawah Kanun Keseksaan.

Berkaitan dengan kes penculikan kanak-kanak yang didakwakan semakin berleluasa ketika ini adalah tidak begitu tepat. Secara statistiknya hanya lapan kes sahaja yang di rekod sejak tahun 2012 sehingga tahun 2015. Dari tahun 2012 sehingga Jun 2015 iaitu tiga kes berlaku pada tahun 2012, dua kes pada tahun 2013, dua kes pada tahun 2014 dan satu kes berlaku pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, enam orang mangsa telah berjaya diselamatkan, seorang dijumpai mati lemas dan seorang lagi telah mati dibunuh.

Dakwaan berleluasa hanya disebar melalui media sosial oleh pihak tertentu dan mempunyai agenda tersendiri atau pun untuk maklumat kawan-kawan atau pun dengan niat yang kurang baik. Kes penculikan merupakan satu isu yang kompleks yang berlaku penglibatan semua pihak untuk mengekang jenayah ini daripada terus berlaku memandangkan kes penculikan boleh berlaku atas pelbagai fakta, bukan sekadar menuntut wang tebusan sahaja. Akan tetapi mempunyai motif yang berlainan seperti balas dendam, menuntut kembali wang hutang, melarikan diri dari rumah dan sebagainya atau pun hendak kahwin lari.

Fakta yang menyebabkan berlaku kes penculikan ini fakta kecuaiannya ibu bapa, khususnya anak-anak ini yang membiarkan kanak-kanak bersendirian tanpa pengawasan dan fakta yang ketaranya adalah untuk mendapatkan wang tebusan daripada keluarga mangsa. Secara umumnya daripada siasatan polis, kes penculikan untuk tebusan terhadap kanak-kanak biasanya dilakukan oleh mereka yang mengenali keluarga mangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini yang paling rajin, yang paling kerap datang ke Dewan ini untuk menjawab soalan-soalan di Dewan ini. Tahniah Tuan Yang di-Pertua dan saya tengok orang lama ini kalau jawab, dia memang mantaplah, lain lah, tahniah sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi pelik apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, bukan saya tidak setuju. Ini bukan soalan bocor lah, soalan tidak bocor ini. Ini kerana kita dengar berlaku penculikan ini memang merata-rata. Akan tetapi dia katakan statistiknya sedikit sahaja. Jadi saya minta ini Yang Berhormat Menteri yang orang lama, orang hebat kena buat penyelidikan betul-betul supaya benda ini tidak berleluasa berlaku. Jadi oleh sebab tidak ada laporan, jadi oleh sebab itu makin lama makin banyak kerana benda ini tidak dilaporkan.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, Januari lalu kanak-kanak diculik di Klang, jumpa di Port Dickson, diberi dadah. Kemudian kanak-kanak perempuan diculik di kereta *Alza* dan dapat diselamatkan dan Mei lepas di Kota Bharu budak lima tahun diculik di masjid dan kanak-kanak diculik diberi dadah dan ada yang dijadikan peminta sedekah. Kebelakangan ini didapati banyak isu-isu yang dilaporkan di akhbar-akhbar mengenai dengan penculikan. Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah...

■1120

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa soalan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini soalan atas soalan kah?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya. Ini kerana Menteri jawab ini pun kerana saya kata soalan tak bocor, jadi Menteri mesti dia pandai jawab.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Apakah faktor kanak-kanak ini diculik? Adakah benar ada sindiket penculik menculik kanak-kanak untuk organ dalaman? Ada juga mereka yang diculik dikatakan sindiket hantar ke luar negara untuk menjadi peminta sedekah. Soalan saya yang terakhir, adakah pendakwaan dilakukan ke atas penculik dan sindiket penculikan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih lah kerana puji tetapi sebenarnya pujian ini ada tujuan. Selepas dia puji tinggi-tinggi, dia ketuk pula *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, adalah *balancenya* Tuan Yang di-Pertua, sebab tiap-tiap hari kita dengar apabila Menteri datang, Tuan Yang di-Pertua puji Menteri datang. Timbalan Menteri yang duduk jaga Dewan ini tak pernah hendak puji. Jadi, terima kasih lah Ahli Senator yang puji... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

**Seorang Ahli:** Tahniah lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua buat macam itu pun, dia tarik dia ketuk juga. Itu lah dia kata macam itu dengan Menteri. Teruskan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebetulnya dalam peraturan kita, tidak ada beza antara Menteri dengan Timbalan itu. Istilah perlembagaan dan istilah peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul. Kita faham. Teruskan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, saya berharap tak ada jadi dewa dan tak ada jadi manusia lah dalam Dewan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan tadi, pertama berhubung dgn penjualan organ. Dua kes yang banyak keluar dalam *social media*, yang pertama berlaku di Kuching. Dalam jangka masa 10 hari, satu penculikan di Kampung Gita, seorang kanak-kanak yang berumur enam tahun. Yang satu lagi berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg, anak yang berumur sembilan tahun. Selepas itu, berlaku lagi di Jalan Istana, anak berumur lima tahun. Keluar di dalam *social media*. Selepas itu, *social media* juga menunjukkan *the body parts*, minta maaf-kaki, tangan, kepala, tunjuk dalam *social media*.

Jadi, saya sendiri mengerahkan polis untuk membuat siasatan, tanya dengan orang kampung, betul kah perkara ini berlaku? Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tak ada satu pun kes ini berlaku. Semuanya adalah sensasi yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu yang saya tak tahu kenapa dia buat sesuka hati macam itu. Itu yang pertama. Yang kedua, pada tahun lepas, sesi Parlimen pada bulan Julai. Apabila *body parts* manusia dikatakan ada yang di Johor, ada yang di Klang, ada yang di Kelantan, Terengganu pun ada, *body parts* bersepah di tepi jalan sebab orang sudah ambil dia punya organ. Diambil dia punya jantung, dia ambil dia punya perut, dia ambil dia punya macam-macam lagi.

Saya jemput pakar daripada Kementerian Kesihatan berjumpa dengan saya dan memberi maklum kepada saya. Apakah caranya mengambil *body parts* ini? Pakar itu bersama dengan saya selama dua jam. Saya pun jadi pakar juga selepas itu, sebab dimaklumkan kalau ada motor van yang boleh pergi jalan dan bunuh orang, selepas itu ambil *body parts* itu, kata dia, "*Dato, memang tak jadi lah itu. Body parts itu tak ada orang pakai pun.*"

Orang yang hendak ambil *body parts* ini, *it must be a special person, expert*. Orang yang betul-betul mempunyai kepakaran, dalam bilik yang *clean room*, yang tak ada pencemaran. Jadi, dalam keadaan sedemikian, semua cerita ini adalah cerita yang disensasikan daripada mana *body parts* itu datang, gambar itu dibuat ataupun direka begitu sahaja, macam "*Trojan 300*" dan sebagainya. Mungkin dalam wayang *Hollywood* buatan itu, digrafik macam itu sahaja. Akan tetapi tidak ada realiti, sebenarnya tidak betul. Itu yang pertama.

Kedua, soalan kes-kes yang disebut oleh Yang Berhormat, yang diculik di sini di sana tadi dan dijumpai. Sebenarnya dalam polis, apa yang berlaku sebenarnya secara realiti ialah, apabila dibuat laporan tentang seseorang hilang, dia beri peluang kepada keluarga dan polis itu mencari dalam masa 24 jam. Kalau tidak ada tuntutan *ransom* dalam masa 24 jam, kalau orang itu dijumpai dalam masa 24 jam, dikembalikan kepada keluarga, dengan sendirinya kes itu tertutup begitu sahaja. Akan tetapi kalau ada penculikan, ada *ransom* berlaku, sama ada dalam masa 24 jam ataupun selepas 24 jam, kes itu baru diklasifikasikan sebagai penculikan untuk *ransom* dan akan diselidik di bawah seksyen 3, *Kidnapping Act* 1961.

Akan tetapi kalau kes-kes sedemikian rupa, ada juga orang yang mencuri kereta tetapi anak itu dalam kereta, dia pandu kereta itu dan dia tak tahu, bukan dia hendak culik anak itu, dia hendak curi kereta sahaja. Ini juga berlaku. Jadi, anak itu dikembalikan kepada keluarga itu walaupun kereta itu dicuri oleh dia. Jadi, ini juga tidak diklasifikasikan menjadi satu penculikan. Jadi, ini lah kenapa ada perbezaan sedikit dari sudut pengistilahan penculikan ini. Jadi, kalau orang itu dalam masa 24 jam boleh dikesan oleh polis, dicari oleh polis, dijumpai oleh polis dan dihantar dan tidak ada tuntutan sebagainya, tidak ada *ransom*. Jadi, ia bukan penculikan.

Itulah kenapa daripada fakta *official* ia, memang kita mempunyai fakta yang sedikit. Bahkan, penculikan secara keseluruhannya sudah dibuat *research* tadi. Dalam masa 10 tahun. Keseluruhannya, dalam 10 tahun kita mempunyai keseluruhan penculikan sebanyak 254 kes penculikan. Secara *average*, dua kes penculikan tiap-tiap bulan. Itu sahaja. Maknanya, tiap-tiap bulan, 254 kes dalam satu tahun. Jadi maknanya, tidak lah begitu, boleh dikatakan berleluasa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sentiasa hadir. Saya pun hendak ucapkan terima kasih lah kerana Timbalan Menteri sentiasa berada dalam Dewan bersama kita.

Saya hanya hendak bertanya kepada kementerian sebab apakah tindakan kementerian kepada kanak-kanak yang digunakan untuk mengutip sedekah di jalan raya-jalan raya? Ini kerana baru-baru ini, saya di satu *traffic light* di Ampang, jadi sekumpulan kanak-kanak dalam enam orang, saya rasa berumur dalam sekitar 5-7 tahun, agak kecil, apabila kita berhenti kereta di *traffic light* itu, dia lari ke setiap kereta dan mengetuk tingkap setiap kereta. Mereka ini sangat kecil dan jalan sangat sibuk, jadi kenapa perkara begini berlaku? Jadi, kita kena cari siapakah agen-agen yang membuat kerja-kerja ini. Di mana budak-budak ini dibiarkan dalam keadaan yang sangat membahayakan. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah penguatkuasaan dapat dibuat untuk insiden penggunaan kanak-kanak untuk mengutip sedekah di kawasan-kawasan yang amat merbahaya? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kes meminta sedekah di jalan-jalan raya. Sebenarnya, saya telah memberi arahan dua minggu lepas. Oleh sebab kita

lihat Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur sudah jadi macam Jakarta, Manila, Bangkok dan banyak lagi bandar-bandar di negara dunia ketiga yang mempunyai aktiviti sedemikian. Masalahnya ialah, tindakan-tindakan ini diambil oleh pihak Kementerian Wanita dan Pembangunan Masyarakat bersama dengan pihak berkuasa tempatan. Undang-undang untuk mencegah perkara ini juga bukan ditumpukan kepada polis tetapi juga diletakkan kepada pihak berkuasa tempatan di bawah undang-undang pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan yang sepatutnya.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada laporan berhubung dengan penculikan, penggunaan anak ini kepada pihak polis sebagai dipaksa untuk meminta sedekah. Jadi, ia tidak dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, ia terletak di bawah bidang kuasa kementerian-kementerian lain ataupun agensi-agensi pihak berkuasa tempatan. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, bukanlah menjadi *core business* KDN.

■1130

Saya berharap kementerian lain boleh menjawab soalan, memaksa anak-anak ini meminta sedekah sama ada oleh bapa dia, keluarga dia dan sebagainya ataupun digunakan oleh pihak lain untuk meminta sedekah. Terima kasih.

**7. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan, transformasi memperkasakan institusi perguruan seiring dengan perkembangan dan cabaran semasa termasuk penguasaan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran penyelidikan *research and development*, di samping menjadikan Institusi ini sebagai pusat latihan perguruan bertaraf dunia.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah atas soalan berkaitan Institut Pendidikan Guru Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam menjayakan wawasan negara. Pembangunan modal insan yang mempunyai kaitan kukuh dengan peranan guru menjadi teras kepada perancangan dasar kerajaan yang juga turut terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia tersebut telah menetapkan beberapa inisiatif bagi mentransformasikan IPGM supaya menjadi institut latihan guru bertaraf dunia. Untuk mencapai matlamat ini, IPGM akan melakukan rombakan dalam tujuh kategori iaitu:

- (i) memperkukuh saluran pengambilan guru pelatih;
- (ii) memantapkan kurikulum IPGM;
- (iii) meningkatkan kualiti kepimpinan IPGM;
- (iv) meningkatkan kualiti pensyarah;
- (v) menaiktarafkan prasaran;
- (vi) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi; dan



(vii) meningkatkan profil IPGM.

Bagi memastikan calon latihan guru adalah dalam kalangan calon yang berjiwa guru, cergas, inovatif, boleh mengawal disiplin dan mempunyai kualiti yang baik, IPGM telah melaksanakan penambahbaikan syarat dan kriteria pengambilan calon guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) mulai ambilan 2014. Ini sejajar dalam gelombang satu PPM 2013 hingga 2025 yang mengetatkan Kementerian Pendidikan Malaysia akan menetapkan syarat kemasukan ke IPGM dengan menyasarkan 30% orang pelajar cemerlang.

Seiring dengan PPPM, hala tuju transformasi IPGM ini adalah selaras dengan transformasi pendidikan negara dan latihan bidang keguruan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendak pasaran. Konsep transformasi IPG merangkumi perubahan sistematik yang menjurus kepada perwujudan institusi pilihan atau *preferred institution*, dengan izin. Penghasilan graduan yang boleh diambil bekerja, *employable graduate*, dengan izin, dan pembinaan persepsi positif dalam kalangan masyarakat terhadap pendidikan guru di IPG.

Aspek yang dicakupi melibatkan pemeraksanaan dasar, penambah baik proses reka bentuk, penyampaian dan penilaian program pembangunan kurikulum yang mantap, penjaminan kualiti program pembangunan tenaga kerja yang kompeten, pelajar yang berkualiti, sumber dan fasiliti yang lengkap dan usaha inovasi yang berterusan. Sekian, terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri, yang menjawab dengan begitu baik dan panjang lebar. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang membuka peluang tenaga pengajar di institusi perguruan ini kepada ahli-ahli korporat, sektor swasta yang berkelayakan serta guru-guru contoh yang sudah bersara agar segala ilmu dan pengalaman dapat dicurahkan kepada guru-guru pelatih ini.

Kedua, bagaimana guru-guru yang dilahirkan dari institusi ini mampu memperkasakan sekolah kebangsaan agar menjadi pilihan utama rakyat terutamanya daripada kaum Cina, mampu merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, kaya dan miskin serta meletakkan profesion ini agar dipandang tinggi dan dihormati di mata masyarakat. Sekian terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas dua soalan. Setakat ini Kementerian Pendidikan Malaysia memang memberikan latihan kepada pelajar untuk memenuhi kekosongan yang diwujudkan di sekolah. Selain daripada itu, graduan dari IPGM ditempatkan di sekolah mengikut keperluan perkhidmatan opsyen.

Berkaitan dengan peluang untuk berkhidmat di bahagian korporat untuk guru yang sudah bersara, ini memang menjadi satu peluang untuk guru-guru yang sudah bersara untuk mengambil peluang dan mengambil inisiatif diri sendiri untuk memohon memainkan peranan sebagai seorang pendidik di sektor korporat.

Kedua, ada berkaitan dengan merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar. Ini memang jelas disebut dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan di bawah gelombang satu, kita boleh melihat bahawa salah satu objektif di bawah gelombang satu yang bermula pada tahun 2013 hingga

2015 diikuti dengan gelombang kedua dan ketiga, ini memang ada dalam rancangan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar. Sekian terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah untuk menjadikan institusi perguruan ini sebagai pusat latihan perguruan bertaraf dunia, adakah kementerian bercadang supaya institut perguruan ini masuk sistem setara iaitu ranking sistem universiti kita dan memberikan kita memantau kedudukan mereka dari semasa ke semasa, sekian.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan pengiktirafan ke arah status bertaraf dunia. Kementerian Pendidikan Malaysia memang berhasrat untuk memastikan bahawa pengiktirafan yang dicapai atau yang diberikan kepada IPG sampai satu tahap yang membanggakan. Pada tahun 2013 dan tahun 2014, IPG sudah menjalankan satu penarafan yang berkaitan dengan pengiktirafan dan kriteria-kriteria yang terlibat ada berkaitan dengan pelajar, sumber SPK, pengiktirafan program dan pengiktirafan alumni dan nampaknya perbandingan dengan markah penarafan IPG 2013, markah penarafan IPG 2014 kita memang rekodkan satu peningkatan dalam setiap kriteria.

Peratusan markah dalam semua kriteria adalah melebihi 80% ke atas kecuali dalam kriteria pelajar 73.18%. Peratus perbezaan peningkatan paling tinggi adalah pada kriteria pengiktirafan alumni sebanyak 33.35%, diikuti pada kriteria peningkatan program dan kriteria pelajar, kriteria sumber dan kriteria yang berkaitan dengan sumber. Jadi saya rasa bahawa ini adalah satu permulaan ke arah untuk menetapkan IPG dalam tahap peringkat dunia.

#### ■1140

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Saya memang ada percaya bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil langkah selanjutnya untuk sampai tahap atau sampai objektif yang sudah ditentukan untuk mempertingkatkan standard lagi untuk IPT. Sekian. Terima kasih.

**8. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Kewangan menyatakan, tindakan yang akan diambil untuk membendung atau mengharamkan penjualan minuman arak murah dan haram iaitu *cheap and illicit liquor* yang kini makin berleluasa dan juga tindakan yang akan diambil untuk memperketatkan lagi kawalan dan penyeliaan ke atas kedai-kedai menjual arak.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara umumnya minuman beralkohol dikenal pasti sebagai produk yang memudaratkan kesihatan dan mengakibatkan gejala sosial dalam masyarakat. Sekiranya jumlah penggunaannya tahap kandungan alkohol dan penjualannya kepada masyarakat bukan Islam tidak dikendalikan dan dikawal dengan rapi.

Menyedari impak negatif akibat arak murah dan tanpa lesen tersebut, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurangkan pengeluaran dan pengambilan dengan mengehadkan akses kepada produk itu. Pelbagai langkah telah diambil sebagai usaha untuk membendung pengeluaran, penjualan dan penggunaan produk arak murah dan tanpa lesen.

Antaranya, membekukan pengeluaran lesen di bawah seksyen 20, Akta Eksais 1976 sejak tahun 2006 supaya tiada peningkatan bilangan pengilang minuman keras dalam negara. Pengilangan arak tanpa lesen boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah akta yang sama.

Kedua, menetapkan syarat kepada standard pengambilan dan pembungkusan arak, larangan penjualan kepada mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun dan juga larangan mempamerkan bagi jualan apa-apa minuman beralkohol bersama dengan makanan lain seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983.

Ketiga, kawalan aktiviti penjualan dan pengedaran minuman keras melalui pengeluaran lesen oleh Lembaga Pelesen bagi setiap kawasan pihak berkuasa tempatan seperti yang termaktub di bawah seksyen 35, Akta Eksais 1976.

Keempat, larangan penyiaran iklan minuman keras dalam siaran televisyen kerajaan, swasta dan pawagam melalui Garis Panduan Penapisan Filem 1996.

Kelima, tindakan penguatkuasaan yang terus dijalankan bagi membendung penjualan arak tanpa lesen sama ada arak yang diseludup mahupun arak tempatan yang di kilang tanpa lesen. Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Jabatan Kastam termasuklah mengadakan Operasi *Outlet* dan OPs Pacak bagi menyekat sistem *delivery* penyeludupan dan penjualan minuman keras di *Outlet* dan premis-premis yang menjual minuman keras tidak sah. Selain bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain untuk menjalankan operasi-operasi penguatkuasaan bersepadu. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih. Tadi kita telah dengar langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan. Akan tetapi kalau kita tengok trend sekarang ini bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara yang lain semua, kita nampak satu *correlation* antara peningkatan daripada segi bilangan kedai menjual alkohol, alkohol secara haram dengan populasi pekerja asing. Ada satu *correlation*. Jadi soalan saya, sudah jadi satu *common side* kalau kita tengok pekerja-pekerja asing ini diminum di tempat-tempat awam.

Jadi soalan saya, sama ada selain daripada langkah-langkah atau inisiatif yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah kerajaan akan menimbang melaksanakan satu amalan yang dilaksanakan baru-baru ini di Singapura- *control of supply and consumption* di mana dihadkan kawasan-kawasan tertentu itu tidak boleh minum dan juga daripada segi *take away*, dan daripada segi waktu penjualan terutama kawasan-kawasan tertentu itu tidak boleh secara *public*. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Daripada segi lesen ini, di antara yang terlibat ialah PBT dan sebenarnya di mana juga ia dijual ada syarat-syarat yang tertentu. Contohnya hendaklah premis itu jauh dari kawasan sekolah misalnya. Perlu ada notis yang jelas bahawa ia tidak boleh dijual kepada umur bawah 18 tahun dan tidak boleh dijual kepada orang Islam.

Notis itu mestilah jelas, ada kiraan, dia punya ukuran pun supaya nampak setengah meter panjang kali satu perempat lebar misalnya. Memang ada masa-masa yang tertentu sebenarnya. Jika

penjualan arak secara *wholesale* ataupun borong, dia tidak boleh dijual selepas sembilan malam sehingga tujuh pagi. Untuk penjualan runcit pula, tidak boleh dijual pada waktu yang sama iaitu sembilan hingga tujuh pagi. Bererti ada yang disebut *control supply* dan tempat dan masa itu.

Selain daripada itu saya juga ingin memaklumkan bahawa usaha-usaha ini perlu dibuat secara bersepadu dengan PDRM, dengan Kementerian Kesihatan dan KPDKK, KPKT, PBT barulah boleh kita laksanakan dengan berkesan. Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya bila saya pergi ke Pulau Pinang, di kiri kanan jalan di Pulau Pinang rata-rata menjual arak tanpa ada sebarang sekatan. Bila saya toleh kiri ada kedai jual arak, toleh kanan kedai jual arak.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah penjualan arak di Pulau Pinang hak mutlak PBT dan Kerajaan Negeri dan di peringkat Persekutuan tidak berhak untuk menangani isu penjualan arak berleluasa seperti di Pulau Pinang.

Kedua, saya mohon kalau boleh saya dapat jumlah berapakah jumlah cukai yang diterima oleh kerajaan melalui penjualan arak di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pulau Pinang. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Pulau Pinang, Selangor; PBT yang keluarkan lesen itu Tuan Yang di-Pertua. Pihak berkuasa tempatan kerajaan negeri yang keluarkan patut mereka mengawal kerajaan negeri yang berkaitan.

Jadi, pada kita aduan boleh dibuat, aduan jika diketahui ada perkara-perkara yang tidak betul daripada segi penjualan. Dijual pada orang Islam misalnya, dijual pada umur bawah 18 tahun misalnya, dijual arak yang tanpa lesen itu yang jumlah alkoholnya lebih dan memudaratkan kesihatan yang lebih mereka boleh menghubungi 03-78067200 atau 1-300-888-500 atau mereka boleh menghubungi [www.cutoms.gov.my](http://www.cutoms.gov.my). Di situ ada tersenarai nombor telefon penguatkuasaan kastam mengikut negeri-negeri dan mereka boleh melaporkan perkara-perkara yang tidak bermoral berlaku.

Kemudian, nilai cukai itu tidak ada depan saya, tapi nilai rampasan ada pada saya. Saya hendak beritahu sebab ini mengenai perkara yang arak murah ini. Pada tahun 2013/2014 sehingga Jun 2015 dalam masa dua tahun setengah, nilai rampasan arak yang murah ini RM30.62 juta dan nilai liter jumlah literanya 3.558 juta liter. Itu lah yang boleh saya kongsikan. Terima kasih.

**9. Datuk Kadzim M. Yahya minta** Perdana Menteri menyatakan, bagaimana penculikan di restoran makanan laut di Sandakan baru-baru ini boleh berlaku di mana penculik dapat membolos sistem pengawalan atau *surveillance system* pihak ESSCOM.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua seperti yang telah saya jawab masa penggulangan, saya ulang sekali lagi antara punca berlakunya penculikan di Restoran Ocean King, Sandakan adalah kerana lokasi restoran tersebut adalah di luar kawasan perintah berkurung iaitu dalam kawasan tiga batu nautika.

## ■1150

Selain itu, aktiviti ini dilakukan dengan bantuan orang dalam yang terdiri daripada PATI yang telah berada di kawasan tersebut. Pergerakan bot dan kapal di kawasan perairan Sandakan juga telah menyukarkan ESSCOM untuk membezakan di antara bot penculik dan juga bot awam. Walau bagaimanapun, tindakan susulan mengenainya telah pun diambil dan *inshaa-Allah*, walaupun kita adakan kawalan di kawasan perintah berkurung tetapi di luar kawasan perintah berkurung di mana terletaknya pangkalan-pangkalan kita, ia diberi perhatian yang serius.

**Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya:** Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Ini yang *interestingnya* ialah penglibatan orang dalam sebab kalau kebelakangan ini kita sering mendapat penglibatan daripada pegawai ataupun penguat kuasa daripada agensi berkenaan. Misalnya, penjualan diesel yang bersubsidi, mengelakkan cukai kereta yang mewah dan sebagainya. Ini semua penglibatan pegawai atau penguat kuasa dalam agensi berkenaan. Jadi selain daripada mengambil tindakan yang tegas terhadap pegawai-pegawai yang didapati bersalah ini, adakah kerajaan membuat kajian apakah sebabnya mereka ini melibatkan diri dalam kegiatan tersebut hingga merisikokan kerjaya dan mengkhianati kerajaan sendiri? Mungkinkah ini kerana gaji kecil kah atau kerana ketamakan diri sendiri? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berhubung dengan- apakah sebabnya? Biarlah dijawab oleh pihak yang lain, Yang Berhormat. Akan tetapi di pihak kita, tindakan akan diambil kepada mana-mana anggota awam yang terlibat dengan salah laku. Itu kita tidak bertolak ansur.

Cara kita ambil tindakan ialah yang pertama sekali, tindakan yang kita berdasarkan kepada keputusan PAC setelah dapat Laporan Audit, kemudian PAC akan buat sokongan dan boleh kita ambil tindakan. Itu kepada anggota kerajaan. Kemudian, tindakan yang lain yang kita ambil daripada tindakan dalaman. Kenapa berlaku itu, biarlah bahagian lain yang menjawab, Yang Berhormat.

Jadi saya sekarang menghadapi masalah sebab kalau saya jawab, nanti saya terlanggar kawasan orang lain dan selepas itu *viral*. Selepas itu saya yang kena menerima bebannya. Saya jawab kedai makan 24 jam, orang sebut kedai mamak, saya tidak sebut mamak pun. Oleh sebab banyak kedai makan 24 jam ini terdiri dari restoran-restoran *Thai food*. Jadi biarlah orang lain jawab iaitu Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Bahagian Sosial, Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mendapat laporan daripada Malaysiakini mengatakan bahawa Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Datuk Abdul Rashid Harun mengesahkan berlaku kes berbalas tembak antara anggota keselamatan dengan suspek penjenayah rentas sempadan di kawasan perairan Pulau Pom Pom, Semporna kelmarin. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mohon pencerahan mengenai perkara ini. Juga, apakah aset-aset yang perlu dihantar oleh kementerian untuk menangani masalah-masalah yang berlaku di negeri Sabah?

Seperkara lagi Yang Berhormat Menteri, saya mendapat mesej daripada orang Sandakan dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "*We don't have a rider to detect intruders. How effective is this*

*curfew? Till now, no news about Sandakan on land kidnapping*". Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kejadian pada 30 Jun 2015 pada jam 3 pagi, sebenarnya PGA- ini dekat Pulau Pom Pom ya, dan pulau ini juga dilawati oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis. Saya tidak pasti sama ada hari yang berlainan ataupun selang sehari. Akan tetapi PGA telah menahan seorang PATI dan selepas itu kita lihat pihak keselamatan, pihak PGA semasa di pulau yang berkenaan nampak sebuah bot asing yang datang dan mereka telah cuba menghampiri pulau yang berkenaan dan selepas itu berlaku tembak-menembak. Akan tetapi pada siang harinya kita tidak nampak kesan apa yang berlaku sebab mungkin jaraknya agak jauh sikit. Jadi tentang apa yang berlaku ini menunjukkan bahawa kita sentiasa bersiap siaga di Pulau Pom Pom di mana sebuah pulau yang pernah terjadi penculikan dan pembunuhan.

Berhubung dengan aset, aset telah digembleng. Malah, sebahagian dari tempat-tempat tertentu mungkin kekurangan aset sebab kita menggembleng aset kita ke kawasan ESSZONE atau ke kawasan ESSCOM. Jadi daripada segi aset, kita sentiasa menambah baiknya dan kita juga telah memberi kebenaran kepada ESSCOM untuk membuat pembelian tanpa mengikut peraturan biasa. Jadi peraturan darurat, mereka boleh beli terus aset dan juga lain-lain lagi berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada ESSCOM baru-baru ini. Itu adalah berhubung perkara yang kedua.

Perkara ketiga, Yang Berhormat, memang pelbagai maklumat kita dapat daripada orang ramai. Akan tetapi untuk- saya sendiri sebagai Menteri yang menjaga APMM, jadi kawasan laut itu menjadi kawasan tumpuan saya dan di darat ini ialah Kementerian Dalam Negeri. Di laut dan juga di pulau-pulau, kita memberi perhatian yang serius walaupun radar kita ini belum sampai ke tahap yang terbaik tetapi ia masih mencukupi untuk digunakan bagi tugas-tugas yang berkenaan.

Jadi, berhubung dengan penculikan di darat dan sebagainya, saya tidak dapat maklumat Yang Berhormat, mengenai perkara itu. Akan tetapi yang di laut kita bagi perhatian yang serius kerana yang berlaku baru-baru ini pun sebenarnya kita telah cuba sedaya upaya tetapi mereka juga orang yang menculik ini pandai. Oleh sebab jarak dari Sandakan ke sempadan antarabangsa hanya setengah jam dengan menggunakan bot laju enjin 115 *horse power*, setengah jam sampai masuk ke perairan antarabangsa. Perairan kita yang dekat Filipina itu membolehkan jenayah rentas sempadan ini boleh berlaku dari semasa ke semasa. Akan tetapi tindakan yang kita ambil, kita mampu untuk menghalang mereka untuk berbuat demikian. *In fact*, kita telah halang enam percubaan penculikan cuma terlepas satu di *Ocean King*, dan ia berlaku di luar kawasan perintah berkurung.

Yang Berhormat, walau bagaimanapun, kepada kawan kita di Sandakan yang menonton pada masa ini, kita hendak beritahu bahawa orang ramai boleh menyampaikan maklumat mereka kepada ESSCOM dari semasa ke semasa termasuk juga anggota keselamatan yang bertugas di sana. Kita sentiasa melihat apa maklumat yang disampaikan untuk membolehkan tindakan keselamatan diambil untuk memastikan kawasan ini selamat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahaja soalan-soalan jawapan lisan pada hari ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**11.59 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

#### **■1200**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Perlindungan Pengguna 1999 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna. Penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah terpakai berkenaan dengan semua barang dan perkhidmatan yang ditawarkan atau dibekalkan kepada seorang pengguna atau lebih secara perdagangan termasuk apa-apa urusan niaga perdagangan yang dijalankan melalui secara elektronik. Akta Perlindungan Pengguna 1999 diwujudkan secara umumnya untuk melindungi pengguna daripada amalan perdagangan yang tidak adil, perlakuan yang mengelirukan, representasi palsu, standard keselamatan perkhidmatan dan barang pengguna, hak dan *guarantee* barang, terma tidak adil dan hak mendapatkan ganti rugi di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Akta ini turut memperuntukkan bidang kuasa tribunal untuk mendengar tuntutan pengguna dalam lingkungan akta ini termasuklah tuntutan mengenai apa-apa barang-barang dan perkhidmatan yang baginya tidak ada mekanisme tebus rugi yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015 telah diluluskan oleh Parlimen pada 22 April 2015 yang lalu dan dijangka akan dikuatkuasakan dalam masa yang terdekat. Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015 ini pada amnya digubal bertujuan untuk mengawal

industri penerbangan awam. Suruhanjaya penerbangan ini mempunyai fungsi yang antara lainnya mewujudkan mekanisme perlindungan pengguna termasuklah mekanisme bagi menyelesaikan aduan pengguna dan juga mekanisme bagi penyelesaian pertikaian antara pihak yang terlibat di dalam industri penerbangan. Sehubungan itu, pindaan susulan kepada Akta Perlindungan Pengguna 1999 perlu dibuat bertujuan untuk membataskan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 12 Jun 2015 antara lain juga telah bersetuju agar Akta Perlindungan Pengguna 1999 dipinda berdasarkan kepada Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015 dan cadangan pindaan Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan menumpukan kepada peruntukan seksyen 99 pindaan kepada subseksyen 99(1) seperti berikut.

Seksyen 99 dipinda dengan memasukkan perenggan (c)(a) ke dalam subseksyen 99(1), Akta Perlindungan Pengguna 1999 bagi membataskan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015. Tuntutan pengguna berhubung dengan penerbangan kini akan diuruskan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Boleh seorang menyokong.

**Dato' Lee Chee Leong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, saya harap sebagaimana saya sebut semalam, siapa yang ingin berbahas dalam apa rang undang-undang ini sila kemukakan nama. Tanpa membuang masa saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar, dipersilakan.

**12.05 tgh.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah pasti akta ini akan diluluskan tanpa sebarang bantahan, saya ingin sedikit penjelasan ataupun keterangan daripada Yang Berhormat Menteri tentang beberapa perkara yang saya hendak timbulkan di sini. Yang pertama, sejauh manakah tuntutan-tuntutan pengguna yang berhubung dengan perkhidmatan penerbangan diambil berat dan diberi layanan yang sewajarnya. Satu kes yang saya hendak timbulkan di sini ialah tentang penerbangan yang ditangguhkan ataupun dibatalkan sama sekali.

Dalam kes ini pada bulan lepas, penerbangan saya dari Kota Bharu ke Pulau Pinang yang harus bertolak pada 4.30 petang ditangguh beberapa kali sehingga saya dapat bertolak pada jam 9 malam. Ini



satu kelewatan hampir 5 jam. Saya terpaksa tunggu beberapa jam di Lapangan Terbang Kota Bharu tanpa diberi minuman ataupun diberi ruang untuk rehat. Sebab penerbangan ditangguhkan tidak diberi. Maka ini macam satu kebiasaan dan ini satu perkara yang harus kita dapat satu jawapanlah. Dalam kes begini, bukan saya saja yang terlibat, beberapa orang penumpang termasuk mereka yang sudah berusia pun diberi layanan yang tidak elok.

Maka, jika kita hendak mengemukakan aduan terhadap layanan seperti ini, pihak mana yang akan menerima aduan ini dan bertindak untuk menentukan bahawa perkara semacam ini tidak diulangi? Di samping itu walaupun ada tribunal tapi adakah saluran ini atau mekanisme ini jelas dan dapat difahami yang boleh digunakan untuk mengemukakan aduan-aduan kes seperti ini dan juga kes-kes yang lain kerana bukan semua penumpang itu yang mempunyai pendidikan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa jenis perubahan terhadap rang undang-undang yang dikemukakan di Parlimen, kita ini harus menentukan bahawa kepentingan pengguna dan juga rakyat diutamakan. Jika tidak setiap perubahan yang dikemukakan seolah-olah tidak ambil kira kepentingan orang ramai serta pengguna. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa kepentingan pengguna diperkukuhkan dan saluran bagi mereka untuk mengemukakan aduan mereka tidak menimbulkan sebarang masalah kepada pengadu ataupun aduan mereka itu dipandang ringan. Misalnya kalau aduan telah dikemukakan, berapa lama sebelum aduan itu dapat diselesaikan. Untuk membuktikan bahawa kerajaan benar-benar melindungi hak pengguna, maka penalti yang lebih keras atau berat harus dikenakan kepada mana-mana pihak yang tidak mematuhi apa yang telah dijanjikan dalam urusan sebarang perkhidmatan penerbangan. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek saja Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sekali lagi kita berada dalam perbahasan suatu rang undang-undang yang saya kira satu rang undang-undang yang sangat penting iaitu berkait dengan Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015. Tuan Yang di-Pertua, sekilas bersabit berhubung dengan Akta Perlindungan Pengguna ini, jika kita lihat ia merupakan suatu akta yang begitu menyeluruh dan digubal khusus untuk melindungi pengguna daripada teraniaya melalui kaedah penyelesaian tanpa melibatkan mahkamah yang lebih mudah, murah dan cepat.

**•1210**

Jika kita lihat dari sudut keseluruhan akta tersebut, terdapat 150 seksyen dan di mana daripada 150 seksyen tersebut, 30 seksyen adalah khusus berkait Tribunal Tuntutan Pengguna di mana ia memperuntukkan tentang penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna. Ada juga berkait dengan keterangan dalam tuntutan pengguna ini berkait dengan Awards Tribunal, berkait rujukan pada Mahkamah Tinggi atas persoalan undang-undang, berkait penalti jenayah kerana gagal untuk patuh dan sebagainya.

Jika kita teliti dari sudut Akta Perlindungan Pengguna ini, berkait dengan 37 seksyen ini, Tribunal Pengguna, ia begitu komprehensif dan menyeluruh dan saya kira mampu menjaga dan melindungi hak

para pengguna. Saya kira ia merupakan satu peruntukan undang-undang yang mencukupi dalam menangani aduan pengguna secara adil, cepat, mudah dan murah tanpa melibatkan bidang kuasa mahkamah yang memakan masa, mahal dan menyulitkan dengan mengambil kira jumlah tuntutan yang kecil serta kes-kes yang mudah.

Jika kita lihat, ia telah berkuat kuasa semenjak 1999 dan ia turut mendengar berkait dengan perkhidmatan penerbangan sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Menteri tadi. Seinggalah kini, ia dicadangkan untuk dikeluarkan. Pendengaran berkait dengan aduan perkhidmatan penerbangan ini dicadangkan dipindahkan daripada Akta Perlindungan Pengguna, dipindahkan kepada akta yang baru digubal iaitu Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015. Cuma saya, di sini saya akan membandingkan antara peruntukan-peruntukan yang berada di dalam Tribunal Pengguna yang kita guna pakai hari ini jika dibandingkan dengan akta di bawah Suruhanjaya Penerbangan yang dicadangkan.

Jika kita lihat berdasarkan statistik 2013, tidak sedikit kes-kes berkait dengan aduan kepenggunaan, aduan perkhidmatan penerbangan ini yang telah diadakan iaitu jika kita lihat dalam tahun 2013, berdasarkan aduan ke Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) berhubung agensi pelancongan dan penyediaan perkhidmatan syarikat penerbangan iaitu di mana 40.6% aduan adalah berkait perkhidmatan syarikat penerbangan.

Daripada 930 aduan, 40% daripadanya berkaitan penjadualan semula penerbangan dan 33.1% aduan mengenai pembayaran semula. Jadi sehingga hari ini, aduan-aduan ini ditangani melalui Akta Perlindungan Pengguna yang mana seksyen-seksyennya sebanyak 37 seksyen. Seksyen ini saya kira amat mengambil berat perlindungan pengguna yang jika kita lihat, hampir 1,000 kes setahun. Cuma persoalannya yang ingin saya bangkitkan di sini, apakah keperluan yang begitu mendesak sehingga kerajaan membataskan aduan-aduan berkait perkhidmatan penerbangan mesti dirujuk kepada suruhanjaya? Adakah semata-mata dengan satu sebab yang disebutkan oleh Menteri tadi, apabila kita ada Akta Suruhanjaya Penerbangan, maka kita keluarkan bidang pendengaran berkait aduan penerbangan ini, kita keluarkan daripada Tribunal Pengguna yang sedia ada. Apakah kita tidak menilai keberkesannya? Adakah dengan pendengaran aduan-aduan di bawah Suruhanjaya Penerbangan ini lebih baik ataupun dengan kekal berada dalam akta sedia ada itu lebih baik?

Jadi saya, kalau ikut apa yang dibentangkan tadi hanya satu alasan yang dinyatakan iaitu kita sekarang telah ada Akta Suruhanjaya Penerbangan. Jadi, kita keluarkan daripada bidang kuasa Tribunal Pengguna. Saya kira satu alasan itu tidak cukup, mesti ada alasan-alasan lain lagi yang menyebabkan kita mengubah bidang kuasa ini daripada Tribunal Pengguna kepada Suruhanjaya Penerbangan. Seelok-eloknya kita meletakkan hak pengguna dalam posisi yang lebih terjaga, lebih adil dan lebih dilindungi. Saya kira kalau sekiranya dengan akta baru ini hak pengguna maknanya lebih teruk ataupun lebih tidak terjaga berbanding keadaan sedia ada, maka lebih baik kekal dengan keadaan sekarang.

Saya mohon satu kenyataan daripada pihak Menteri berkait setakat kes-kes aduan yang diuruskan di bawah Tribunal Pengguna yang ada pada hari ini, berapa peratuskah penyelesaian yang dapat dicapai di bawah Tribunal Pengguna? Berapakah *award* ganti rugi yang telah diberikan oleh

syarikat penerbangan kepada pengguna selepas aduan semenjak kuat kuasanya akta tersebut sehingga hari ini, khususnya berkait dengan aduan berkait perkhidmatan penerbangan?

Juga saya mohon di sini pihak Menteri nyatakan, apakah mekanisme penambahbaikan berbanding peruntukan dalam Tribunal Pengguna bagi membolehkan aduan berkait perkhidmatan penerbangan dikendalikan dengan lebih baik di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015? Apakah penambahbaikan yang dibuat berbanding keadaan sedia ada ini dengan apabila ia diubah kepada Akta Suruhanjaya Penerbangan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat kepada bidang kuasa tribunal, tuntutan pembatasan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna iaitu di bawah seksyen 99(1)(a), secara jelas ia telah mengecualikan bidang kuasa ini daripada mengendalikan beberapa perkara iaitu berkait hak milik atau kepentingan mana-mana tanah atau estet atau francais dan pertikaian tentang wasiat atau nama baik. Pertikaian hak dalam tindakan atau apa-apa rahsia perdagangan atau harta intelek dan apabila mana-mana tribunal telah ditubuhkan untuk mendengar di bawah undang-undang lain.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, terdapat akta-akta lain yang lebih melindungi pengguna apabila ia dikecualikan daripada Akta Perlindungan Pengguna seperti, kita ada Kanun Tanah Negara yang menjaga hak milik-hak milik tanah berkait dengan tanah, maka ia dikecualikan di bawah Akta Perlindungan Pengguna. Kita juga ada Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 yang menjaga hak-hak pembeli rumah. Jadi ia dikecualikan daripada akta kepenggunaan.

Namun dalam hal Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015, ia suatu akta yang sangat baru digubal, 2015. Mungkin masih banyak kelompangan yang belum dikenal pasti terutamanya berkait perlindungan pengguna. Ini yang jika kita lihat dalam akta tersebut, hanya terdapat lima seksyen sahaja iaitu seksyen 69, seksyen 70, seksyen 71, seksyen 72 dan seksyen 73. Lima seksyen perlindungan pengguna di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015 suatu peruntukan undang-undang yang sangat terhad berbanding peruntukan sedia ada di bawah Akta Perlindungan Pengguna. Semua sekali ada 37 seksyen.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 71(1) berkait dengan penentuan aduan pengguna Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015, seksyen ini menyebut tentang apabila aduan dibuat oleh pengguna, barulah suruhanjaya akan melantik mana-mana satu anggotanya atau menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mendengar aduan. Bukankah ini adalah suatu yang rumit dan melambatkan berbanding dalam tribunal pengguna? Aduan boleh terus dibuat kepada Tribunal Tuntutan Pengguna tanpa melibatkan proses pelantikan selepas aduan dibuat.

Setelah jika pindaan ini diluluskan, pendengaran aduan akan dibuat di hadapan mana-mana satu anggotanya atau di hadapan satu Jawatankuasa yang tidak dinyatakan secara jelas keperluan kepada syarat kepakaran tentang kehakiman atau kepeguaman atau apa-apa syarat minimum yang diperlukan, berbanding dengan Tribunal Tuntutan Pengguna yang meletakkan kriteria jawatan kuasa yang begitu tinggi seperti Pengerusi mesti daripada kehakiman dan perundangan, tidak kurang daripada lima orang ahli juga mesti mempunyai kelayakan yang sama atau dalam profesion guaman. Jadi saya kira

perbandingan-perbandingan ini sangat penting bagi memastikan pengguna lebih dilindungi sekiranya ia dipindahkan ke Akta Suruhanjaya Penerbangan.

■1220

Seterusnya saya ingin merujuk kepada seksyen 71(3), penentuan aduan pengguna Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015.

Seksyen ini menyebut tentang mana-mana orang yang didapati membuat aduan yang menyusahkan dan remeh hendaklah tertakluk kepada penalti RM200. Peruntukan ini juga saya kira bertujuan tidak menggalakkan pengguna memuat aduan yang bernilai rendah walaupun hak mereka sebenarnya telah dianiaya sewenang-wenangnya. Tambahan pula bagi golongan yang berpendapatan rendah, jika contohnya mereka membeli tiket murah bernilai RM49, mereka kemungkinan tidak akan membuat aduan kerana jika silap-silap hari bulan, dia pula kena bayar RM200.

Jadi, suatu seksyen yang saya kira tidak menggalakkan pengguna membuat aduan yang walaupun sebenarnya aduan-aduan ini suatu mekanisme yang sangat penting bagi menambah baik sebarang perkhidmatan penerbangan.

Bagi tujuan menggalakkan pengguna membuat aduan dan memastikan peningkatan mutu perkhidmatan, saya kira penalti ini tidak sepatutnya ada dan tambahan pula dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999, saya dapati tiada juga unsur penalti sebegini.

Seterusnya saya merujuk kepada seksyen 73(1), penguatkuasaan keputusan aduan mengenai aduan pengguna, Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015.

Seksyen ini menyebut bahawa keputusan yang diberikan oleh Suruhanjaya hendaklah dipatuhi dalam masa 30 hari dan jika tidak dipatuhi, Suruhanjaya akan memohon pada Mahkamah Tinggi untuk didaftarkan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi.

Persoalannya, jika keputusan yang dibuat hanya bernilai ratusan ringgit atau puluhan ringgit, adakah jumlah ini juga sesuai untuk dibawa dan didaftarkan ke Mahkamah Tinggi untuk dikuatkuasakan? Jika dibandingkan dengan kes tuntutan pengguna di bawah Tribunal Pengguna, keputusan atau penyelesaian dalam Tribunal Pengguna disifatkan sebagai suatu perintah Mahkamah Majistret dan sesaliran perintah akan diserahkan pada Mahkamah Majistret berdekatan.

Hal yang sama diperuntukkan dalam Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) di mana keputusan yang dibuat dalam TTPR disifatkan sebagai suatu perintah oleh Mahkamah Majistret dan boleh dikuatkuasakan sewajarnya. Kegagalan pematuhan keputusan juga tertakluk terus kepada penalti jenayah di mana seksyen 117, Akta Perlindungan Pengguna menyebut keputusan tribunal hendaklah dilaksanakan dalam masa 14 hari. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pihak berkenaan tertakluk kepada penalti jenayah di Mahkamah Majistret.

Jadi, itulah saya sorot beberapa peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan. Begitu juga jika dibandingkan dengan Akta Perlindungan Pengguna yang saya kira jika pindaan ini dilaksanakan, dari sudut penambahbaikan, adakah, apakah dengan pindaan ini hak pengguna akan berada di posisi yang lebih baik? Hak pengguna akan jadi lebih terjamin sedangkan jika dilihat daripada

peruntukan-peruntukan yang ada, hak-hak saya kira lebih terjamin di bawah Akta Perlindungan Pengguna yang lebih komprehensif dan menyeluruh dengan kuasa-kuasa yang telah sekian lama kita guna pakai semenjak 1999 lagi.

Saya kira kita perlu lihat pencapaian akta ini sebelum kita buat sebarang pindaan dan mungkin pencapaian-pencapaian ini perlu diambil kira dalam menambah baik mungkin Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Penerbangan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan ataupun perbahasan itu cukup relevan. Bermakna, Yang Berhormat itu sudah membuat satu kajian dalam akta yang berkenaan. Saya harap ini satu contoh yang baik dan saya harap juga sebelum kementerian menjawab, perlu membuat rujukan sedikit kepada pihak perundangan ataupun Penasihat Undang-undang (DPP) di kementerian yang berkenaan supaya dapat kita jelaskan apa yang dibangkitkan sebentar tadi.

Tanpa membuang masa, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul. Tidak ada di dalam Dewan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

**12.25 tgh.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perlindungan Pengguna 1999.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, dia sekejap dia keluar buang airkah apa, nanti sekejap dia masuk saya akan beri peluanglah. Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Saya sebenarnya ada hanya dua atau tiga isu yang saya hendak menimbulkan pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Kebanyakan itu telah ditimbulkan oleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau yang sudah ditimbul itu, tak payah itu lagilah. Satulah tinggal.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Isu pertama, serupa juga seperti yang ditimbulkan tadi, kenapa hendak keluarkan perlindungan pengguna perkhidmatan penerbangan dari bidang kuasa Akta Perlindungan Pengguna. Ini saya hendak pandang daripada segi berlainan sedikit pasal saya hendak tengok daripada segi *effect* pindaan ini.

Kalau kita tengok sebelum pindaan ini, pengguna dia ada dua pilihan. Kalau terdapat apa-apa tuntutan dia hendak buat, dia ada dua pilihan. Satu, dia boleh pergi di bawah Akta Perlindungan Pengguna, yang kedua, dia boleh pergi di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, ada dua pilihan. Akan tetapi sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, maka daripada segi pilihan itu, pengguna tak ada lagi pilihan di bawah Akta Perlindungan Pengguna, dia terpaksa pergi kepada Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Itu daripada segi hak pemilihan. Fasal kalau seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah, seksyen 99 ini, seksyen 99 ini tujuan Seksyen 99 ini, tujuan ia untuk membataskan.

Kalau sekarang kita tengok yang dicadangkan ada pindaan kepada seksyen 99 supaya memasukkan perkhidmatan penerbangan di bawah seksyen 99. Maka dengan itu akan dibataskan, so tak boleh pergi ke Akta Perlindungan Pekerja. *Now*, pada saya kalau kita nampak secara mata kasar, macam tak ada *problem*, bukan satu isu. Fasal kalau tak boleh kompelin di bawah Akta Perlindungan Pengguna, boleh kompelin di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Akan tetapi kalau kita tengok daripada segi implikasinya, daripada segi perbezaan dua-dua akta ini, ada banyak implikasinya. Pertama, daripada segi skop.

Seperti yang telah diterangkan tadi, daripada segi skop ini, Akta Perlindungan Pengguna itu, dia punya skop lebih luas kalau banding dengan akta yang dicadangkan ini, *Malaysian Aviation Commission Act* itu. Daripada segi skop dia, skop dia *narrow*. Kalau kita tengok di Akta Perlindungan Pengguna, Bahagian VII, Bahagian IX, sekarang di sini, bukan sahaja lima seksyen tetapi khususnya seksyen 70 sahaja yang kita boleh pakai sekarang untuk membuat aduan berkaitan dengan perkhidmatan penerbangan. *So* daripada segi *scope coverage*, Akta Perlindungan Pengguna itu lebih luas. Itu isu yang pertama. Saya cuba akan bangkitkan isu yang tidak dibangkitkan sebelum ini. Contohnya kalau kita tengok perbezaan antara dua akta ini, daripada segi perbezaan penalti.

Penalti kepada pihak atau mana-mana pihak yang tidak mematuhi dengan *award*. Pada saya, kuantum penalti kepada mereka yang tak mematuhi dengan *award* ini penting fasal dia ada *correlation* dengan *rate of compliance*. Kalau penalti kepada mana-mana pihak yang tak mematuhi hak *award* itu ringan sahaja dan ia akan menggalakkan orang supaya tak payah ikut dengan *award* atau perintah tribunal. Kalau kita tengok daripada segi perbezaan daripada segi penalti, kalau kita bandingkan Akta Suruhanjaya Penerbangan dengan Akta Perlindungan Pengguna, kalau kita tengok ke Akta Perlindungan Pengguna, penalti dia lebih berat untuk mereka yang tak mematuhi dengan *award*.

#### ■1230

Contohnya menurut seksyen 117, Akta Perlindungan Pengguna, mana-mana orang yang gagal mematuhi *award* selepas 14 hari itu akan dianggap sebagai telah membuat satu kesalahan dan akan disabitkan denda RM5,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya dan untuk kesalahan yang berterusan akan dikenakan denda sebanyak RM1,000 untuk setiap hari. Itu di bawah Akta Perlindungan Pengguna, penalti untuk tidak mematuhi.

Akan tetapi kalau sekarang isu tuntutan-tuntutan berkaitan dengan perkhidmatan penerbangan ini masuk bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan, kalau sekiranya berlaku di mana orang tidak mematuhi arahan suruhanjaya, penalti dia berbeza. Di bawah Akta Suruhanjaya ini proses dia lebih panjang daripada segi hukuman untuk mereka yang tidak ikut kalau kita tengok kepada seksyen 73. Kalau kita tengok kepada seksyen 33, kalau sesiapa yang tidak mematuhi, maka suruhanjaya kena pergi ke Mahkamah Tinggi untuk mendapat atau untuk mendaftarkan arahan ini sebagai satu penghakiman Mahkamah Tinggi, itu *first*.

Selepas itu, kena pergi ke Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan satu perintah untuk mengarahkan sesiapa pun untuk mematuhi dengan arahan. Ini proses dia panjang kalau kita banding

dengan Akta Perlindungan Pengguna, daripada segi masa dan juga daripada segi hukuman. Itu yang keduanya.

Implikasi yang ketiga yang saya nampak ini yang juga dibangkitkan ialah isu berkenaan aduan yang remeh. Isu bahawa *vex* atau kita panggil *vexatious complaint*. Seperti yang dibangkitkan tadi seolah-olah macam dia tidak menggalakkan pasal isu ini tidak ada di Akta Perlindungan Pengguna, isu *vexatious complaint*. Di Akta Perlindungan Pengguna tak ada hukuman macam itu tetapi kalau kita tengok walaupun denda dia hanya RM200, daripada segi dendanya RM200 tetapi seolah-olah macam tidak menggalakkan aduan dibuat. Isu yang saya nak bangkitkan di sini ialah tafsiran apa itu aduan remeh atau aduan yang dalam akta dia menggunakan perkataan aduan yang menyusahkan atau aduan yang remeh.

Kalau sekarang kita tengok mungkin kerana dia satu akta yang baru, tak ada tafsiran untuk apa itu aduan yang menyusahkan atau aduan yang remeh. Jadi ini akan balik kepada budi bicara *official* ya. Kalau dia anggap itu sebagai aduan remeh, maka benda itu akan jadi aduan remeh dan kalau kita tengok kepada Akta Suruhanjaya Penerbangan, sekarang ini tak ada peruntukan yang spesifik kalau seseorang itu nak *contest* isu aduan remeh itu, tak ada peruntukan. Kalau dia cakap aduan remeh, maka itu dia akan jadi aduan yang remeh. Ini apa yang saya nampaklah secara *briefly* apa yang saya nampak. Jadi saya harap pegawai-pegawai berkenaan akan ambil kira komen-komen yang saya timbulkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas.

**12.33 tgh.**

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Penggunaan (Pindaan) 2015. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan mengenai fasal 2 bertujuan memasukan perenggan baru (ca) ke dalam subseksyen 99(1) Akta 599 bagi membataskan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Tuntutan pengguna berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan kini akan diuruskan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Beberapa persoalan di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu selepas ini apakah bidang kuasa utama Tribunal Pengguna? Sejauh mana kuasa tribunal ini dalam membela pengguna yang teraniaya dan menegakkan keadilan, bolehkah dibawa ke mahkamah? Bagaimanakah menyemai sikap agar orang ramai mengambil berat keputusan yang dibuat oleh tribunal? Banyak kes selepas keputusan dibuat, tiada tindakan diambil oleh yang disabit kesalahan.

Apakah hak pengguna dalam isu ini dan adakah Yang Berhormat Menteri yakin kemampuan Suruhanjaya Penerbangan mengendalikn kes-kes tuntutan yang jumlahnya besar dan memakan masa

serta isu yang kompleks seperti contoh kes MH370 dan MH17 yang masih tertangguh? Adakah kes sedia ada akan dipindah ke Suruhanjaya Penerbangan selepas ini? Bagaimanakah bentuk sokongan oleh Kementerian KPDNKK terhadap inisiatif utama termasuk penubuhan sebuah Suruhanjaya Penerbangan dan mengambil alih aduan daripada Tribunal Pengguna ini?

Adakah pandangan orang luar diambil kira, daripada *Union MAS* contohnya? Apakah kelebihan pada Suruhanjaya Penerbangan serta kelebihan Tribunal Pengguna ini sendiri? Apa pula peranan Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri (JPM), semakin hilang fungsi dan kurang promosinya? Saya cadangkan agar KPDNKK mengambil alih biro atau gabungan dengan mana-mana agensi di bawah KPDNKK agar jimat kos dan kakitangannya.

Berhubung dengan promosi iaitu satu strategi memperkasakan tuntutan pengguna. Tribunal Tuntutan kurang dipromosikan di kalangan pengguna dan pengguna pula kurang keprihatinan dan keputusan oleh tribunal kurang diambil berat oleh pengguna yang dihukum dan keperluan untuk menambah kuasa mendakwa. Adakah keperluan Tribunal Pengguna ditambah kuasa mendakwa malah kes pendengaran juga kadang-kadang plaintif tidak hadir atau hanya menghantar wakil yang tidak berkebolehan menjawab dakwaan mempertahankan sesuatu organisasi.

Memandangkan Tribunal Pengguna ini perlu diperkasakan, justeru saya mencadangkan kepada kementerian untuk mencari inisiatif langkah-langkah memperkasakan Tribunal Pengguna ini agar lebih dihormati peranannya. Kaedah penyelesaian kes-kes yang kerap dibawa ke tribunal seperti gores dan menang, kes baiki rumah, beli rumah dan sebagainya. Adakah kementerian mempunyai rekod kes berkaitan penerbangan yang dilaporkan kepada Tribunal Pengguna ini dan sebelum diambil alih Suruhanjaya Penerbangan, berapa kes yang telah diselesaikan?

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon mencadangkan bahawa rakyat hanya perlukan *one-stop center* untuk membuat aduan berkaitan tuntutan pengguna yang jumlahnya rendah tetapi hari ini rakyat keliru kerana banyak agensi dan biro yang wujud malah fungsinya mungkin bertindih. Adakah Yang Berhormat Menteri mahu mencadangkan kepada kerajaan agar apa-apa tuntutan berkaitan pengguna dalam hal jumlah had yang munasabah, biarlah KPDNKK yang uruskan? Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kepada Yang Berhormat Menteri, sudah bersedia kah menjawab segala apa yang dibangkitkan itu Yang Berhormat? Boleh? Silakan.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya ada hantar surat untuk bahas isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf Yang Berhormat ya. Dalam catatan tak nampak. Silakan Yang Berhormat, ada masa.

**12.39 tgh.**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang



untuk saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015 ini. Pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memindahkan kes-kes pengguna berkaitan perkhidmatan penerbangan kepada tribunal yang akan dibentuk oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia nanti. Paling tidak, kuranglah kes yang didengar di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

■1240

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan sejarah sebab tidak ada lagi sebelum ini suruhanjaya lain buat tribunal pengguna sendiri. Hatta Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 pun tidak disebut fasal tubuh tribunal dakwa saman, bawa ke mahkamah mungkin adalah.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakpuasan hati pengguna ini ada banyak sebab. Antara lain sebab rasa tertipu, rasa kena aniaya, rasa kena buli, tidak adil. Paling biasa memang suka hendak kompelin. Minyak naik kompelin, harga makanan naik kompelin, kena beratur naik bas pun kompelin, kerajaan lambat bagi duit BR1M kompelin tetapi sudah dapat, tidak terima kasih. Inilah dia dinamakan manusia agaknya tetapi mungkin tidak semua. Jawapan menteri tidak jawab dengan betul pun kompelin. Jadi, rentetan orang kita merungut dan kompelin ini kalau serius biasalah, dia buat *report*, cari *lawyer* naik *court* dan minta pampasan. Jadi, disebabkan itulah penuh kes ke mahkamah di buatnya. Kerajaan peka, maka kerajaan buatkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), kes tuntutan bawah RM25,000 semua dibawa ke tribunal ini.

Tribunal ini bagus Tuan Yang di-Pertua, sebab tidak perlu bayar *lawyer* dan tidak perlu tunggu lama-lama. Berbalik kepada kes-kes berkaitan dengan perkhidmatan penerbangan sebelum ini, saya ingin bertanya berapa banyak yang dibawa ke TTPM ini dan juga saya ingin tahu apakah jenis-jenis tuntutan yang dibuat? Saya ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, kes tumpah air kopi dalam kapal terbang tetapi kes ini dibawa ke mahkamah. Kes beg hilang rasa-rasanya tidak ada lagi yang masuk dalam surat khabar tetapi saya pun tidak pasti. Mohon menteri memberi statistik kalau jika ada.

Saya ingin sentuh sedikit fasal tribunal kes-kes perkhidmatan penerbangan ini nanti. Saya pun tertanya-tanya ada *court* macam TTPM kah Yang Berhormat Menteri? Siapakah yang *handle* kes ini? Kes ini didengar dekat mana? Sebab saya risau nanti rakyat akan bising nanti di peringkat bawah. Contoh, kes *refund* tiket kapal terbang. Dahulu ke tribunal pengguna di Wisma Sing Long, Batu Pahat, sekarang ini pergi ke KLIA Sepang sebab Suruhanjaya Penerbangan Malaysia tidak ada sebab buka cawangan di batu Pahat dan cubalah sama ada ia logik ataupun tidak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tinggalkan dahulu cerita mengenai perlindungan pengguna perkhidmatan penerbangan ini dahulu sebab menteri berkaitan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini ada, saya ada beberapa soalan. Sepanjang pengalaman KPDNKK menyediakan Tribunal Tuntutan Pengguna ini, apakah struktur asas untuk mewujudkan sebuah tribunal? Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan. Agaknya sebuah tribunal ini berapa ramai kakitangan minimumnya? Untuk mendengar kes, berapa ramai presiden tribunal perlu dilantik? Apakah cabaran tribunal ini? Ada atau

tidak kes-kes *backlog* tertangguh? Adakah rakyat hormat atau tidak dengan keputusan yang dibuat oleh tribunal ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rujuk mengenai dengan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 ini kita tengok Bahagian V, bawah tajuk Perlindungan Pengguna tidak ada disebut pun pasal Tribunal Perkhidmatan Penerbangan. Perkara yang ada disebut fasal kod pengguna. Itu pun akan disebut dalam warta. Oleh sebab ia belum dikuatkuasakan lagi ataupun tidak tahu lagipun apa perkembangannya. Analoginya rumah baru tidak siap dan sudah hendak pindah masuk hendak duduk tempat yang lain. Jangan jadi kata orang tua-tua, belum duduk sudah berlunjur.

Mengenai pematuhan, adakah yang didenda patuh kepada keputusan kes? Berapa ramai mereka yang tidak patuh kepada keputusan kes yang dibuat. Oleh sebab KPDNKK ada pengalaman, kita mesti dengar pengalamannya dan struktur ini penting tetapi cerita senang susahya kita tidak tahu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja perbahasan saya. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Oleh sebab saya dapati agaknya rang undang-undang ini *very technical*, dengan izin, melibatkan kedudukan. Inilah jadi akan jadi undang-undang nanti dan tadi ada beberapa perkara daripada segi perundangan dibangkitkan dan saya harap pihak pegawai-pegawai perundangan di kementerian akan beri jawapan yang munasabah. Ada juga beberapa soalan saya harap Yang Berhormat boleh beri jawapan yang berpatutan juga kepada Dewan ini supaya undang-undang ini nanti untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat. Banyak rang undang-undang ini ada pindaan dan sebagainya. Sebelum Yang Berhormat agaknya kalau boleh baca undang-undang induknya itu dahulu dan dari situ dapat gambaran seluruhnya.

Akan tetapi mungkin agaknya Ahli-ahli yang kurang fasih berkenaan perundangan susahlah sedikit. Saya faham. Walau bagaimanapun, bagi pihak yang mengetahui itu, tolong buat satu kajian lebih ilmiah, lebih terperinci supaya rang undang-undang ini nanti akan jadi undang-undang. Kalau sekiranya rang undang-undang ini didapati ada banyak masalah esok agaknya, kita pun sama-sama akan bertanggungjawab juga.

Oleh yang demikian, saya persilakan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat fikir ini Yang Berhormat boleh umum dahulu. Selepas itu mungkin agaknya esok dalam tempoh masa satu jam setengah nanti Yang Berhormat boleh rujuk dengan pihak yang berkenaan. Beri jawapan Yang Berhormat boleh jawab dahulu, yang teknikal dan melibatkan perundangan itu boleh rujuk masa waktu makan atau berhenti jam 1 petang hingga 2.30 petang nanti. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat menjawab.

**12.47 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk menyoal mengenai dengan pindaan Akta

Kepenggunaan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ucap terima kasih ada lima orang daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang ambil peranan.

Pertamanya, mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Mengenai dengan sejauh mana tuntutan yang dibuat oleh pengguna setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pemfailan dan juga nilai tuntutan bagi kes berkaitan dengan syarikat penerbangan sahaja.

Jadi, bermakna kata kita mengambil keluar mengenai dengan penerbangan semata-mata kerana akta ini mengenai dengan Akta Penerbangan. Pada tahun 2013, bilangan yang membuat pemfailan kes pada tahun 2013 ialah sebanyak 86 bilangan pemfailan yang dibuat dan jumlah tuntutan pada tahun 2013 ialah sebanyak RM91,619.96. Ia merangkumi negeri-negeri yang dibuat tuntutan. Pada tahun 2014, bilangan pemfailan yang kita buat sebanyak 87 dan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM142,897.34. Pada tahun 2015, ada 27 pemfailan berkaitan dengan syarikat penerbangan dan jumlah tuntutan yang dibuat oleh pengguna pada tahun ini ialah RM69,418.22.

#### ■1250

Untuk makluman Yang Berhormat, semua kes ataupun pemfailan tuntutan ini telah kita selesaikan iaitu di seluruh Kedah, Perlis, Pulau Pinang cuma ada satu kes di Sarawak sahaja yang masih lagi ada di dalam tangan TTPM untuk kita selesaikan pada penghujung ini. Jadi yang lain yang ada di dalam TTPM sudah kita selesaikan. Jadi itu membuktikan bahawa tuntutan-tuntutan yang telah dibuat oleh pihak pengguna berkaitan dengan syarikat penerbangan ini telah kita laksanakan.

Mengenai dengan kelewatan ataupun selepas daripada akta ini diluluskan aduan selepas ini. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang tercatat di dalam kertas akta ini, cuma sekiranya satu kes itu masih lagi ada pada pihak TTPM bermakna apa-apa prosiding di bawah seksyen 97, Akta Ibu berhubung dengan sesuatu tuntutan pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah dan selepas daripada tarikh ini masih lagi di bawah TTPM dan kalau sekiranya tuntutan selepas ini apa-apa tuntutan pengguna yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan yang boleh dikemukakan di bawah seksyen 97, Akta Ibu hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa. Jadi sekarang ini kita hendak ubah daripada TTPM supaya dikendalikan oleh pihak Suruhanjaya Penerbangan. Jadi ini yang berlaku dan akan dilaksanakan selepas daripada ini.

Satu lagi Yang Berhormat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya soal kepada seksyen...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ya, seksyen 97 itu. Seksyen 97 itu yang pertama itu *pending*. *Pending* itu jelaslah kalau *pending* di bawah seksyen 97 dia masih akan diteruskan oleh tribunal

tuntutan cuma yang di *lodge* belum didengar tapi sudah di *logde* di tribunal. Belum didengar. Sudah di *lodge* sebelum penguatkuasaan akta ini sudah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Difailkan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Sudah difailkan tapi bukan *pending* cuma sudah fail. Apa taraf kes-kes macam mana itu. Sama ada ia akan diteruskan oleh tribunal atau akan di *transfer* kepada suruhanjaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan beri penjelasan selepas ini. Mengenai dengan ada satu lagi Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar mengenai dengan meminta hukuman yang lebih tinggi ke atas kesalahan perkhidmatan penerbangan. Untuk makluman Yang Berhormat, selepas daripada penguatkuasaan Akta Suruhanjaya ini, kesemua tuntutan yang berkaitan dengan perkhidmatan penerbangan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Penerbangan macam saya sebutkan tadi dan TTPM tidak lagi ada bidang kuasa untuk mendengar tuntutan sedemikian. Itu selepas akta ini diluluskan.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan juga Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah yang membangkitkan fasal di bawah Rang Undang-undang Penerbangan Awam dan juga aduan remeh. Mengenai perkara ini tidak di bawah Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015 mahupun bidang kuasa kementerian.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed membangkitkan isu mengenai adakah hak pengguna akan lebih terjamin. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam menangani aduan daripada pengguna berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang berhubungan dengan perkhidmatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan? Minta penjelasan? Sebut.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Fasal aduan yang saya buat dalam perbahasan saya mengenai aduan yang remeh itu fasal dia tidak terkandung dalam akta ibu. Maka daripada segi hak pengguna itu sekarang ini macam tidak digalakkan untuk buat. Itu isunya. Saya akui dia tidak ada di akta ibu tetapi sekarang ada di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih. Nanti akan saya jelaskan. Mengenai dengan hak pengguna seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua dalam menangani isu ini sekiranya ia diuruskan oleh Suruhanjaya Penerbangan tuntutan tersebut akan diteliti oleh pegawai yang mahir dalam bidang berkenaan. Ini adalah kerana Suruhanjaya Penerbangan telah menyediakan mekanisme perlindungan pengguna termasuklah penyelesaian pertikaian antara pihak yang terlibat di dalam industri penerbangan.

Mengenai dengan kenapa hendak dikeluarkan ataupun dibataskan kuasa tribunal. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah dan juga Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Berkenaan dengan itu, pembatasan kuasa berkaitan dengan pendengaran tuntutan pengguna terhadap perkhidmatan penerbangan akan didengar di bawah Akta

Suruhanjaya Penerbangan 2015 dan untuk mengelakkan pertindihan kuasa TTPM dan juga Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015. Kalau kita masih kekalkan di bawah TTPM ini akan mengakibatkan pertindihan kuasa. Jadi sebab itu kita telah diminta untuk dipindahkan akta ini supaya kalau aduan pengguna mengenai dengan penerbangan harus dikendalikan oleh pihak Suruhanjaya Penerbangan.

Keperluan untuk meminda Akta Pengguna 1999 untuk membataskan kuasa tribunal, kita hanya bataskan pendengaran terhadap kes tuntutan pengguna berhubung dengan perkhidmatan penerbangan. Peruntukan lain di bawah Akta Pengguna masih lagi boleh digunakan.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga membangkitkan, berapa peratus penyelesaian kes di bawah TTPM dan jumlah award syarikat penerbangan? Untuk makluman Yang Berhormat, kes-kes yang difailkan di TTPM akan diselesaikan dalam tempoh 40 hari daripada tarikh pemfailan dan jumlah tuntutan kes perkhidmatan penerbangan yang telah difailkan adalah sebanyak macam saya sebut tadi jumlahnya RM303,935.52. Ini jumlah tuntutan kes perkhidmatan yang telah difailkan.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon saya hendak tanya satu soalan sebab saya faham ini melibatkan kementerian yang berbeza tetapi tidakkah menjadi tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan apabila bidang kuasanya ingin diserahkan kepada pihak yang satu lagi perlu mengkaji keberkesanan akta-akta tersebut sebelum diserahkan. Sekiranya peruntukan yang akan diguna pakai itu dalam kondisi yang tidak lebih baik maka seeloknya peruntukan itu ditambahbaik dahulu supaya kebajikan dan perlindungan pengguna ini lebih terjamin. Adakah pihak kementerian mengkaji keberkesanan peruntukan-peruntukan yang ada ini untuk melindungi pengguna selain daripada mengelakkan pertindihan bidang kuasa.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Akan diperjelaskan nanti apabila saya dapat jawapan yang agak khusus daripada pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan tiga perkara iaitu tambahan kuasa mendakwa kepada TTPM, memperkasakan TTPM dan juga inisiatif supaya lebih dihormati. Untuk makluman Yang Berhormat tambahan kuasa ini tidak perlu kerana pengguna boleh menguatkuasakan perintah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup jam 1 dan saya harap Yang Berhormat boleh rujuk dengan pegawai-pegawai dan beri jawapan pada jam 2.30. Sekarang kita tangguhkan persidangan kita hingga jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]***

**[Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri, teruskan menggulung.

### **2.32 ptg.**

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung kepada jawapan persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan iaitu mengenai dengan subseksyen 97 iaitu masih diteruskan. Mengenai dengan *lodge* ataupun tetapi belum difailkan. Apakah taraf? Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes-kes macam saya sebutkan tadi kes-kes yang telah difailkan dan kes-kes yang sedang didengar TTPM boleh terus mendengar sehinggalah Akta Suruhanjaya Penerbangan ini dikuatkuasakan. Jadi sekiranya kes ini difailkan sekarang, makna kata akan diambil oleh TTPM sehingga akhir, sehingga selesai kes tersebut.

Mengenai dengan aduan remeh ini Yang Berhormat, perkara berkaitan aduan-aduan remeh ini ikut dalam Akta Perlindungan Pengguna...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Cuma satu penjelasan sahaja. Saya terima Yang Berhormat beritahu. Cuma daripada segi *public* ini dia tidak tahu bila akta ini akan dikuatkuasakan. Kalau kita tengok dalam sini, perenggan 3(2) ia jelas masih seksyen 97 masih akan dipakai sehingga kuat kuasa. Cuma daripada segi *public*, kalau Akta Suruhanjaya Penerbangan itu telah dikuatkuasakan, *of course you* akan umum melalui gazet dan sebagainya. Akan tetapi secara amnya orang tidak tahu. So, maka dia pergi dan daripada segi proses itu *double work* kepada dia. Dia kena pergi sana kemudian dia akan disalurkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tidak macam itu Yang Berhormat. Apabila kes itu difailkan sekarang, sebelum akta itu dikuatkuasa, bermakna kata, akan dikendalikan oleh TTPM sehingga selesai. Dia tidak perlu lagi bawa kes itu ke Suruhanjaya Penerbangan. Jadi akan dikendalikan oleh TTPM daripada awal ke akhirnya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Maksud saya selepas dikuatkuasakan ini, *public* tidak akan tahu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu kita akan maklumkan. Yalah, makna kata akan diwartakan sebagainya. Saya ingat mungkin selepas daripada ini pengguna akan mengetahui mengenai dengan setelah dikuatkuasakan.

Mengenai dengan akta remeh ini Yang Berhormat, perkara berkaitan dengan aduan-aduan remeh ini yang sebenarnya tidak ada di bawah Akta Perlindungan Pengguna, memang tidak ada. Sebaliknya dibuat di bawah seksyen 71, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Ia ada di

bawah. Jadi bagi saya untuk hendak menjelaskan perkara ini, tidak. Ini kerana tanggungjawab pihak MOT. Sepatutnya perkara ini dibangkitkan dalam perbahasan semasa dibentangkan Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015. Jadi ini dan pindaan ini bersifat ialah *consequential*. Jadi...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia hendak mencelah lagi Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Penjelasan. Kenapakah tidak ditimbulkan semasa perbahasan Akta Suruhanjaya Penerbangan? Masa itu memang ada dalam peruntukan seksyen 73 dan sebagainya. Akan tetapi pada masa itu tidak ada pindaan ini. Jadi pada masa itu, rakyat ada pilihan kerana dia boleh pergi kepada tribunal atau dia boleh pergi melalui Akta Suruhanjaya Penerbangan. So, tidak timbul isu *vexatious*. *Vexatious claim* hanya timbul kalau dia buat aduan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan. Semasa itu ada pilihan. Oleh sebab itu masa ini hendak jelaskan kenapa pada masa perbahasan hari itu kita tidak bangkitkan isu ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Ini kerana apa yang disebut dalam Akta 21(3) mana-mana yang didapati telah membuat aduan yang menyusahkan ataupun remeh seperti Yang Berhormat sebut itu, hendaklah tertakluk kepada penalti kewangan berjumlah RM200. Akta ini ada dalam Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan mengenai apa pandangan orang luar diambil kira. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan rang undang-undang akta ini adalah pindaan susulan daripada Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015. Oleh yang demikian perbincangan rang undang-undang pindaan ini hanya melibatkan Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Pengangkutan. Tidak ada sebarang masalah timbul semasa perbincangan. Semua pihak telah bersetuju dengan pindaan-pindaan tersebut.

Mengenai dengan peranan Biro Pengaduan Awam dan juga cadangan KPDNKK untuk ambil alih Biro Pengaduan Awam, untuk makluman Yang Berhormat, Biro Pengaduan Awam bertanggungjawab menerima bagi menyelesaikan aduan orang ramai terhadap agensi-agensi kerajaan manakala skop dan juga bidang kuasa KPDNKK adalah berkaitan dengan aduan daripada pengguna mengenai dengan tuntutan mengenai apa-apa barang dan perkhidmatan yang tidak mempunyai mekanisme tebus rugi yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang lain. Oleh itu aduan terhadap agensi-agensi kerajaan adalah perlu dikekalkan di bawah Biro Pengaduan Awam.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas juga bertanya mengenai dengan tambahan kuasa mendakwa kepada TTPM dan juga memperkasakan TTPM. Untuk makluman Yang Berhormat tidak perlu tambahan kerana pengguna boleh menguatkuasakan perintah *award* ini secara sivil di mana perintah *award* tersebut oleh dikuatkuasakan di mahkamah dan semua kedah pelaksanaan kes-kes sivil seperti pengeluaran *writ*, penyitaan dan penjualan terhadap penentang dan sebagainya.

Kedua, memperkasakan TTPM juga tidak perlu kerana pada masa kini setiap kes yang difailkan akan diselesaikan dalam tempoh 40 hari daripada tarikh pemfailan. TTPM mengamalkan konsep mudah, murah dan cepat.

## ■1440

Ketiganya Yang Berhormat bangkit mengenai dengan cari inisiatif supaya lebih dihormati. Untuk makluman, Malaysia mempunyai undang-undang pengguna yang cukup komprehensif tetapi walau bagaimana lengkap pun undang-undang yang ada, ia tidak dapat memenuhi pengguna daripada sifat kecuaiian dan sebagainya. Akan tetapi kita rasa kita mempunyai undang-undang yang cukup komprehensif untuk kita *protect* pengguna.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah bangkit mengenai dengan sikap pindah kes tuntutan penerbangan kepada Suruhanjaya Udara Pengangkutan dan berapa banyak kes TTPM dan juga jenis-jenis tuntutan. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes dari tahun 2013 sehingga Jun, macam saya sebut tadi, lebih kurang 200 kes dan jenis tuntutan banyaknya ialah pemulangan harga tiket yang telah dibayar. Itu tuntutan yang terbanyak dalam kes-kes tuntutan ini.

Adakah- ini di bawah Suruhanjaya Penerbangan seperti di TTPM? Operasi Suruhanjaya Penerbangan adalah berbeza dengan TTPM.

Apakah struktur asas untuk mewujudkan tribunal? Struktur asas tribunal adalah sama dengan sesebuah mahkamah di mana perlu ada hakim, bilik bicara dan sebagainya.

Apakah cabaran yang kita hadapi? Cabarannya ialah pengguna perlu faham bagaimanakah caranya untuk penguatkuasaan award secara sivil di mahkamah biasa.

Jadi itulah jawapan-jawapan yang telah dibangkitkan persoalan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat saya jelaskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*



**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam  
1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengimbas kembali sejarah penubuhan akta ini, Akta Ahli Kimia 1975 [Akta 158] yang telah pun mendapat perkenan Diraja pada 15 Mei 1975. Melalui akta ini, sebuah pertubuhan perbadanan iaitu Institut Kimia Malaysia ataupun IKM telah pun ditubuhkan. IKM telah dirasmikan pada 8 April 1967 dan telah didaftarkan sebagai *Societies Act 1966* pada 13 Oktober 1967.

Institut tersebut kemudiannya diperbadankan di bawah Akta Ahli Kimia 1975 pada 1 November 1977 di bawah peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) untuk mengawal selia amalan profesion kimia di Malaysia;
- (ii) mewakili profesion kimia di Malaysia; dan
- (iii) mempromosi kesedaran dan penghargaan awam serta kemajuan dalam bidang kimia di Malaysia.

Tahun demi tahun, IKM mula berkembang selaras dengan perkembangan Malaysia dan menjadi sebuah badan profesional yang kukuh dan mantap serta diiktiraf di peringkat dalam negara dan juga di luar negara. Pendaftar bagi institut ini merupakan Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia. Keahlian Institut Kimia terbuka kepada individu berumur lebih 21 tahun dengan kelulusan ijazah yang diiktiraf dalam bidang kimia atau bidang yang spesifik berkaitan dengan kimia dan mempunyai pengalaman bekerja. Sehingga 26 Mei 2015, seramai 3,669 orang ahli kimia telah berdaftar dengan Institut Kimia Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira perkembangan semasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bercadang untuk membuat pindaan Akta 158 ini. Beberapa siri perbincangan di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kementerian terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pejabat Peguam Negara telah dibuat bagi memastikan pindaan akta tersebut mengambil kira kepentingan semua yang terbabit.

Sehubungan dengan ini, Memorandum Rang Undang-undang Akta Ahli Kimia (Pindaan) 2015 No. M92/2015 telah dibentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Februari 2015 dan Jemaah Menteri bersetuju dengan cadangan memorandum tersebut.

Cadangan pindaan bagi Akta 158 adalah bertujuan untuk:

- (i) memperluaskan fungsi IKM seiring dengan perkembangan teknik terkini dalam bidang kimia serta amalan profesion kimia;
- (ii) meminda kelayakan akademik dan keperluan pengalaman amali makmal untuk mencerminkan perkembangan akademik terkini di institut pengajian tinggi dalam negara mahupun di luar negara; dan
- (iii) melicinkan pentadbiran dan pengurusan Institut Kimia Malaysia dengan menambah ahli bilangan Majlis Institut Kimia Malaysia dan meminda atau membatalkan peraturan amalan yang sudah pun tidak relevan.

Pindaan-pindaan yang terlibat seksyen 2, 7, 9, 14, 15, 17, 18, 19, 23, 25 dan 27, Jadual Pertama dan tambahan satu kekecualian cadangan pindaan 158 akan merangkumi perkara-perkara seperti berikut.

Pertama, memasukkan takrif baru menteri iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Kedua, pindaan kepada subseksyen 7 dengan menghuraikan fungsi Institut Kimia Malaysia dengan membahagikan Perenggan 7(b), Akta 158 kepada dua bahagian bagi mengadakan peruntukan mengenai latihan bagi mereka yang bercadang untuk menjadi anggota dan bagi anggota yang sedang atau bercadang untuk mengamalkan profesion kimia di Malaysia.

Ketiga, memperkenalkan enam fungsi baru institut yang mana salah satunya menentukan kelulusan bagi orang untuk diterima masuk sebagai anggota. Oleh itu, Institut Kimia Malaysia perlu memainkan penting untuk memastikan program-program kimia di institut pengajian tinggi mencapai standard bertaraf tinggi. *Malaysia Qualification Agency* (MQA) ialah badan yang memberi akreditasi manakala Institut Kimia Malaysia merupakan ahli dalam *Joint Technical Committee* (JTC) yang ditubuhkan di bawah Akta MQA.

#### ■1450

Keempat, perkataan ijazah lulus atau kepujian dengan perkataan Ijazah mengikut kelayakan semasa yang diperkenalkan. Begitu juga perkataan pelajaran digantikan dengan pendidikan agar selaras dengan Akta Institut Pendidikan, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta tahun 1996 dan terminologi yang terkini digunakan di Kementerian Pendidikan.

Kelima, menambah keanggotaan Majlis menjadi 16 orang supaya Majlis itu dapat memainkan peranan lebih aktif dalam isu yang melibatkan pembangunan kimia dan profesion kimia di Malaysia dan juga di dunia.

Keenam, membolehkan Yang Berhormat Menteri melantik seseorang untuk melaksanakan tugas Ketua Pengarah Kimia semasa kekosongan jawatan Ketua Pengarah Kimia yang mana orang ini hendaklah menjalankan tugas pendaftar institut supaya operasi institut tidak diganggu sehinggalah Ketua Pengarah Kimia yang baru dilantik.

Ketujuh, menggantikan istilah *associate* dengan istilah member di mana kategori keanggotaan *associate* dicadangkan dipinda kepada member kerana *associate* sering dikaitkan dengan orang yang

tidak layak untuk menjadi anggota. Kelayakan akademik dan pengalaman amali untuk menjadi anggota juga dipinda mengikut struktur kelulusan ijazah sekarang. Akta sedia ada mengambil kira Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam permohonan menjadi anggota KPM sedangkan pada masa kini semua universiti hanya mengeluarkan ijazah sarjana muda sahaja.

Kelapan, menaikkan nilai hukuman denda bagi kesalahan-kesalahan iaitu membenarkan orang lain yang bukan anggota menjalankan amalan. Seseorang yang tidak berdaftar namun mengeluarkan laporan mengenai kimia, amalan fraud dan seseorang yang menghalang tugas memeriksa. Pindaan yang dibuat terhadap nilai hukuman kesalahan adalah seperti berikut:

- (i) bagi kesalahan seorang anggota yang membenarkan orang lain yang bukan anggota menjalankan amalan, seksyen 9, subseksyen 2, denda tidak melebihi RM5,000 dan Majlis boleh menggantung keanggotaan tidak lebih setahun dan jika disabitkan kali kedua Majlis boleh menamatkan keanggotaan serta-merta. Bagi seseorang yang tidak berdaftar namun mengeluarkan laporan kimia seksyen 23, subseksyen 3, denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya;
- (ii) bagi kesalahan kedua dan berikutnya didenda dan tidak melebihi RM50,000 dan penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya;
- (iii) bagi kesalahan amalan *fraud* seksyen 25, denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya; dan
- (iv) bagi kesalahan seorang yang menghalang pemeriksaan dalam menjalankan kuasa seksyen 27, subseksyen 3, denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih satu.

Meminda Jadual Pertama dengan menambah bilangan anggota bagi membentuk kuorum satu mesyuarat majlis sejak penubuhan 1995, Institut Kimia Malaysia telah berkembang dengan pesat. Sehingga kini, Institut Kimia Malaysia mempunyai seramai 3,669 orang ahli dan dijangka bertambah dengan kadar 8% ke-10% setahun. Selaras dengan perkembangan tersebut, bilangan Ahli Majlis atau *council* perlu ditambah serta beberapa peruntukan Institut Kimia Malaysia dipinda untuk mencerminkan komposisi yang seimbang serta menjadikan tadbir urus Institut Kimia Malaysia lebih berkesan.

Sehubungan dengan itu, pindaan Akta 158 bertujuan untuk memperjelaskan serta menambah bilangan ahli kimia di negara ini. Yang kesepuluh klausa pengecualian bagi orang-orang yang pada atau sebelum tarikh tersebut, kuasa akta telah didaftarkan sebagai *associate* hendaklah disifatkan telah didaftarkan sebagai member di bawah akta ini. Kandungan Akta 158 secara keseluruhannya perlu disemak bagi memperkasa dan memperkukuhkan peranan serta fungsi IKM dalam pembangunan bidang kimia dan profesion kimia di Malaysia dan antarabangsa.

Pindaan ke atas Akta 158 akan mempertingkatkan tadbir urus Institut Kimia Malaysia untuk menjadi sebuah organisasi profesional yang akan terus membangunkan bidang dan profesion kimia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ada sesiapa yang menyokong.

**Dato' Lee Chee Leong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som. Silakan.

**2.55 ptg.**

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian perbincangan usul meminda Akta Ahli Kimia 1975. Walaupun lebih kurang 15 hari lagi kita menyambut Ramadan, saya ucapkan *in advance* Selamat Menyambut Aidilfitri kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Muslim termasuk Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya. Semoga pada tahun ini menyambut lebih meriah, lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong pindaan beberapa seksyen seperti yang diluaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana ia bertujuan untuk menambah baik pengurusan ahli-ahli kimia yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ahli-ahli kimia juga mempunyai peranan dan sumbangan yang besar dalam pembangunan negara sama seperti kerjaya yang lain tetapi agak tidak berapa popular kimia ini tapi peranan zaman moden ini, kimia amat diperlukan, ahli-ahli kimia amat diperlukan. Bagaimanapun saya ingin bertanya berapakah bilangan sebenarnya ahli kimia yang telah dilatih dan dikeluarkan institusi pengajian tinggi kita. Berapa bilangankah sebenarnya ahli kimia yang diperlukan menjelang tahun 2020? Adakah bilangan ahli kimia yang kita ada sekarang mencukupi untuk memenuhi dan menangani segala cabaran yang kita hadapi sekarang dan masa akan datang.

Sebab kalau kita lihat negara kita sekarang dan juga negara lain di Asia seolah-olah telah menjadi tempat lambakan teknologi dan bahan-bahan lain termasuk bahan-bahan kimia yang sudah tidak diperlukan lagi di negara-negara maju. Ini membabitkan produk-produk kosmetik, pewangi dan penjagaan kesihatan. Kita dapati produk-produk ini melambak di pasaran negara kita baik yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan, mahupun yang diimport. Sesetengahnya diragui kualiti dan kandungan apakah ia selamat digunakan. Laman web bahagian perkhidmatan farmasi Kementerian Kesihatan sendiri memaparkan senarai 100 jenis produk yang diharamkan oleh Kementerian Kesihatan kerana didapati mengandungi bahan kimia terlarang termasuk racun berbahaya yang boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius kepada pengguna ini termasuk produk-produk kosmetik, kopi pra campuran, ubat kurus atau pelangsing serta ubat tradisional. Ubat kuat pun ada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah.

Biasanya produk-produk ini sudah masuk dan dijual di pasaran, sudah sampai ke tangan pengguna dan digunakan oleh mereka sebelum ia dikesan mengandungi racun berbahaya dan memberi

kesan sampingan. Selain itu kita juga berdepan dengan ancaman penggunaan bahan-bahan kimia berbahaya dalam makanan seperti buah-buahan dan ikan. Misalnya baru-baru ini di laman sosial dakwaan bahawa buah durian yang dikatakan diimport dari negeri sempadan telah direndam dengan sejenis bahan kimia supaya buah itu cepat masak. Ada yang mengatakan ia pewarna supaya buah itu nampak baik tapi tiada siapa yang dapat membuktikan apakah pewarna tersebut dan apakah fungsi sebenarnya air itu.

Ada yang mendakwa supaya buah durian direndam dalam larutan kuning itu supaya warna kulitnya lebih kuning dan kilat, untuk bunuh kuman pada kulit buah, untuk pastikan buah masak bila tiba kepada pelanggan dan untuk beri ketahanan kepada buah tersebut. Ada mendakwa bahawa larutan kuning itu sebenarnya mengandungi kunyit dan bahan lain yang tidak dinyatakan. Soalnya, apakah bahan-bahan itu, adakah ia bahan yang selamat? Jika buah itu pecah dan isinya terdedah kepada air itu, adakah ia memberi kesan mudarat kesihatan kepada orang yang memakannya?

#### ■1500

Kita tahu negara jiran kita memang agak ke hadapan dalam kegiatan membabitkan teknologi lepas tuai. Sebelum ini kita pernah digemparkan dengan berita kemungkinan bahan kimia formalin digunakan untuk mengawet ikan yang dibawa dari negara berkenaan dan dijual di sini serta di Singapura. Kita banyak mengimport buah-buahan dan ikan dari negara berkenaan. Oleh itu, kita perlu berhati-hati. Malangnya sudah menjadi rahsia umum, di negara kita rakyat Malaysia kurang mengambil berat dalam perkara ini.

Kita juga pernah membaca dan melihat di media sosial mengenai beras palsu dari China yang dikatakan dibuat daripada resin dan plastik. Kita pernah membaca tentang telur tiruan dari China, cangkerang atau kulitnya serta kuning telur dan putih telur dikatakan dibuat daripada campuran bahan-bahan kimia. Malah, pernah tersebar di media sosial bahawa di China ada juga kacang *walnut* tiruan yang isinya dibuat daripada konkrit.

Selain itu, di *Youtube* pernah ditunjukkan cara membuat kubis tiruan menggunakan bahan kimia tetapi siapakah yang boleh mengesahkan bahan kimia- kita bimbang jika ia benar dan masuk ke negara kita atau ada pihak yang mengambil kesempatan meniru perlakuan itu seperti mana penjenayah di negara ini meniru kelakuan penjenayah yang ditayangkan di televisyen dan layar perak di panggung wayang.

Pada tahun 2013, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pernah merampas ratusan biji botol minyak wangi berjenama *Chanel*, *Louis Vuitton*, *Prada* dan *Burberry* di ibu negara kerana sebenarnya ia minyak wangi tiruan dijual pada harga yang murah. Sebenarnya penjualan minyak wangi palsu itu berlaku di seluruh negara, termasuk di KLIA. Ramai yang tertipu. Memang dijual pada harga murah tetapi apabila dipakai, wanginya perlahan tidak sampai dua jam sedangkan kalau kita pakai minyak wangi yang tulen, wanginya tahan selama satu hari. Ini pengalaman saya dan ramai rakan saya yang menyatakan hal ini. Ia dijual pula di KLIA, di pintu masuk negara.

Bayangkan jika pelancong dan pengunjung datang dari luar negara membeli minyak wangi berkenaan, ia akan menjejaskan imej Malaysia sebagai syurga beli-belah ataupun *shopping heaven*.

Ini belum lagi mengambil kira beberapa buah produk yang digunakan dalam sektor pertanian dan perladangan. Sesetengah bukan sahaja berbahaya pengguna, peladang dan penternak tetapi juga kepada tumbuhan, haiwan serta alam sekitar sendiri. Pendek kata, kita berhadapan dengan cabaran besar berkaitan dengan perkara ini. Dunia sekarang semakin kompleks dan ahli-ahli kimia semakin penting dan mencabar. Saya ingin tahu, sejauh manakah ahli-ahli kimia ini telah diberi tempat untuk melaksanakan peranan mereka dengan sewajarnya bagi membantu mengekang kejadian-kejadian yang saya sebut tadi dan juga sejauh manakah mereka diberi peluang untuk membantu memberi maklumat dan mendidik masyarakat serta industri dalam hal ini?

Sehubungan itu, saya berpendapat pindaan kepada subseksyen 7 akta ini bertujuan memperkenalkan enam fungsi baru Institut Kimia Malaysia memang kena pada masanya. Saya sebutkan cuma dua daripadanya iaitu memberi maklumat dan nasihat kepada anggota dan orang awam mengenai perkara yang berhubung dengan kimia dan memberi input profesional, nasihat dan perundingan tentang isu nasional dan global yang melibatkan orang awam melalui kerjasama rapat dengan ahli akademik, badan profesional yang lain dan industri.

Perluasan fungsi ini memang kena pada masanya kerana situasi sekarang menunjukkan seolah-olah pertama, masyarakat kita kekurangan pengetahuan dan maklumat mengenai bahan-bahan kimia berbahaya serta kesannya kepada pengguna dan alam sekitar. Kedua, masyarakat kita kurang kesedaran dan kepekaan mengenai bahaya penyalahgunaan bahan kimia dalam kehidupan dan produk kegunaan harian. Akibatnya, kita tidak ambil kisah dan tidak ambil peduli mengenainya. Ketiga, para pengeluar produk kurang sikap bertanggungjawab dalam melindungi serta menjaga keselamatan pengguna. Ini mendorong mereka menggunakan bahan-bahan kimia dalam produk keluaran mereka tanpa mematuhi had dan sukatan yang ditetapkan atau menggunakan bahan-bahan yang terlarang.

Semua ini sebenarnya menunjukkan pentingnya peranan ahli-ahli kimia dan kita memerlukan ahli kimia yang mempunyai sikap dan amalan profesionalisme yang tinggi, jujur, telus dan amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Sekarang ini, kesedaran masyarakat kita mengenai kepentingan penjagaan kesihatan semakin meningkat. Namun, kita tidak seharusnya membiarkan ada pihak yang terus mengeksploitasi perkara ini dengan menyogokkan kepada rakyat kita produk-produk yang sebenarnya mempunyai bahan-bahan kimia terlarang dan juga melebihi paras yang dibenarkan.

Perkara ini bukan sahaja akan mengancam kesihatan dan nyawa rakyat kita, tetapi juga mengancam keselamatan negara kita. Kita tidak boleh membiarkan negara kita menjadi tempat lambakan bahan-bahan kimia yang berbahaya seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya cuma Yang Berhormat yang berminat membahaskan rang undang-undang ini, yang lain itu jika berminat boleh berdiri. Bagus, silakan Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim.

**3.06 ptg.**

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada dua perkara yang saya rasa ingin saya bangkitkan dalam rang undang-undang kimia ini dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang mengambil inisiatif untuk rang undang-undang Akta Ahli kimia ini sebab saya rasa ia sangat penting dalam dunia moden pada ketika ini. Apa yang ingin saya bangkitkan isu sedikit berlainan dengan Dato' Boon tadi, mengenai graduan juga.

Graduan kelulusan kimia, sebabnya saya terdapat dua kes. Kalau ingin saya kongsi bersama pihak kementerian. Di pejabat saya ada empat orang pekerja lulusan kimia yang bekerja bukan dalam *line* kimia sebab pejabat saya melaksanakan projek-projek pembangunan, *construction* tetapi mereka ini aliran kimia yang tidak ada pekerjaan. Jadi menganggur sehingga tempoh empat atau lima tahun. Jadi susah, tidak ada kerja. Jadi tidak ada kerja, kita ambil kerja buat kerja-kerja *marketing, sales*. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah *demand*, keperluan untuk pelajar-pelajar lulusan kimia ini di pasaran kini? Jadi, kita tidak mahu apabila dia masuk universiti, dia melanjutkan pelajaran dalam bidang kimia tetapi dia keluar, dia tidak dapat pekerjaan. Jadi saya rasa *demand and supply* itu kena seiring supaya mereka ini tidak menganggur.

Keduanya, kalau kita lihat keperluan kimia ini sebenarnya amat-amat penting tetapi ia seolah-olah mereka ini di belakang tabir dan tidak diperkasakan ahli-ahli kimia ini. Saya rasa mereka ini harus diberi sedikit insentif ataupun ruang untuk mereka membuat lebih penyelidikan yang menguntungkan kepada masalah semasa negara.

Sebagaimana yang kita lihat sekarang, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kita tengok dalam surat khabar, TV, banyak *advertisement* mengenai produk-produk kecantikan, produk-produk menguruskan badan, memutihkan kulit. Jadi saya rasa ini adalah sangat diminati oleh golongan yang muda dan juga golongan yang berumur lagi minat hendak kuruskan badan bukan. Jadi saya rasa ada kalanya ada produk yang sangat masyhur, katanya dalam tempoh 10 hari boleh turun 11 kilogram. Jadi khususnya untuk orang perempuan ini, kalau 10 hari 11 kilogram itu kira *alhamdulillah* tanpa membuat *exercise*. Jadi saya pun pergilah hendak tengok apa itu boleh turun 11 kilogram atau 10 kilogram ini dalam 11 hari. Akan tetapi apabila kita ambil kotak itu atas dasar kita ini orang yang mementingkan kesihatan, kita *check* dengan pusat perubatan, dengan doktor dan saya difahamkan bahan yang digunakan itu dalam jangka masa panjang akan memberi kesan kepada buah pinggang.

Jadi kita rasa kalau kita tidak mengenali mana-mana doktor, kita hanya makan benda-benda begitu, betul kita kurus. Akan tetapi impaknya di masa akan datang, akan memberi impak kepada organ-organ dalam badan kita. Jadi di sini saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana ahli-ahli kimia ini atau pelajar graduan-graduan ini kalau boleh bekerjasama dengan kementerian lain agar kita dapat menangani isu-isu bahan-bahan perubatan ini supaya ia tidak berleluasa. Kita semak dahulu supaya rakyat tidak membeli atau menggunakan bahan-bahan yang kita agak, kita rasa akan memberi masalah jangka panjang.

## ■1510

Seterusnya saya ingin bercakap mengenai *internship, practical training*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan sekiranya pelajar itu- saya ada pelajar UiTM Perlis dalam bidang Kimia, dia ingin membuat latihan amali atau *internship* di hospital swasta. Akan tetapi, dia tidak mendapat tempat sebab hospital swasta agak tegas mengenai *internship* ini. Jadi, sama ada kementerian dapat memainkan peranan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar IPTA kita supaya dapat membuat latihan amali di hospital-hospital swasta sekiranya hospital-hospital kerajaan ataupun *lab-lab*, makmal-makmal kerajaan tidak mempunyai tempat yang cukup untuk mereka, mungkin kita boleh pergi kepada makmal-makmal swasta.

Jadi saya rasa, sama ada kementerian menggalakkan agar makmal-makmal swasta ini mengambil pelajar-pelajar daripada IPTA dan IPTS untuk membuat latihan amali mereka.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan. Hendak berbahas ya?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya, hendak berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**3.11 ptg.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pertama hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah buah Institut Kimia yang terdapat di Malaysia? Di Melaka ada satu. Apakah fungsi yang dimainkan di Melaka dan juga di negeri-negeri lain?

Kedua, boleh terangkan peluang-peluang kerjaya macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau dia lulus itu dia hendak pergi ke mana? Adakah untuk kerja dengan Jabatan Kimia kerajaan sahaja? Atau ada peluang yang besar dalam sektor swasta?

Ini kerana sekarang dunia semakin mementingkan kepada bidang kesihatan, tak hendak ada toksik yang berlebihan dan sebagainya. Ini kerana, hari ini macam disebut, ramai orang ada kelulusan tetapi tak ada kerja dalam bidang kimia yang mereka dapatkan *degree* di universiti-universiti.

Ketiga, adakah kita menggunakan akreditasi negara dalam mengiktiraf satu-satu barang, misalnya bebas toksik dan sebagainya. Masa kita tubuh dahulu, Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah ingat Perbadanan Bioteknologi Melaka. Kita tubuhkan *Toxicology Lab*. Saya difahamkan, kebanyakan kelulusan sama ada satu-satu barang itu ada toksik atau tidak semuanya menggunakan agensi ataupun institut dari luar negara. Kerana itu pun duit kita mengalir keluar. Kita tidak *develop* satu buah badan dalam negara sendiri.

Di Melaka telah ditubuhkan Institut Toksikologi Melaka. Apa sumbangan kerajaan supaya akreditasi ini dibuat di dalam negara, tidak hanya menggunakan kepakaran luar?

Saya percaya banyak bidang-bidang baru yang boleh menjana pendapatan berasaskan teknologi pengetahuan ini ataupun ekonomi pengetahuan yang kita terlepas pandang. Sebab itu saya berharap



bidang kimia ini dapat dipertingkatkan lagi supaya ia dapat juga penyebaran yang lebih luas, supaya orang ramai dapat mengetahui pentingnya bidang kimia dalam kehidupan harian kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat- ada lagi? Silakan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad.

### 3.13 ptg.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian ini untuk hendak mengisi kekosongan yang ada di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kekosongan apa itu Yang Berhormat?

**Dato' Khairudin bin Samad:** Kekosongan hendak berucap, hendak berbahas.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Jadi, hari pula hari petang, kawan-kawan banyak yang sudah mengantuk Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya dengan segala hormatnya mukadimah dengan lebih panjang sedikit, *point* sedikit sahaja.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Saya punya mukadimah panjang. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat. Keizinan telah diberi.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak beritahu kepada Dato' Boon Som A/L Inong, dengan izin, *sawadikap*, tahun ini tak boleh hendak sambut sebab *mai mee tang*.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Saraan itu belum lagi dapat. Sudah lulus tetapi tak dapat lagi. Jadi tak boleh hendak sambut Hari Raya dengan hebat.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tak boleh hendak sambut puasa pun dengan hebat. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini, yang pertama saya hendak menegur sedikit kerana sebelum saya berbahas tentang kimia ini yang tak banyak *point* pun, saya hendak menegur sedikit. Ini kerana bukan saya hendak menyalahkan Menteri ataupun Timbalan Menteri yang menjawab apa yang disuarakan oleh rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini.

Ada rakan-rakan yang ada berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beritahu saya, PM kata, "*Cakap sahaja, asalkan constructive*". Hendak *constructive* macam mana, yang ada Dewan ini, kebanyakan rakan-rakan Islam ini, sudah mengantuk. Bulan puasa. Kalau kita adakan persidangan dalam puasa, ini lah penyakitnya, itu yang tak banyak orang hendak berbahas. Mengantuk, letih, dalam *lounge* itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa mengantuk ini tak ada kaitan dengan kimia.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tidak,tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Sekejap sahaja.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Di dalam- saya tengok dalam *lounge* itu, berdengkur ramai. Saya kasihan. Ini sahaja lah, hendak memanjangkan masa Tuan Yang di-Pertua. Saya memang diminta buat benda itu pun [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tegur, yang ini. Bila Menteri-menteri hendak jawab, pegawai beri jawapan kepada Menteri untuk jawab. Di dalam Dewan ini, kadang-kadang tidak menjawab apa yang kita tanya. Itu yang kadang-kadang kita berulang-ulang dan kita tak boleh hendak tanya banyak kali.

Jadi saya minta pegawai-pegawai yang ada, jawab apa yang kita tanya. Bukan kita hendak salahkan. Saya kasihan Presiden MSM sebab dia cuba hendak tegur Timbalan Menteri, padahal maksud dia bukannya itu. Maksud dia, kita tak dapat jawapan yang tepat.

Kalau ini, kita rasa macam seolah-olah anggota pentadbiran ini ada di sini untuk menjawab kepada kita, hendak bersilat. Kalau hendak bersilat, Tuan Yang di-Pertua, di depan saya Presiden Persatuan Silat Kebangsaan, di belakang saya Setiausaha Agung, *absent* hari ini. Setiausaha Agung Persatuan Silat Kebangsaan. Saya sendiri Bendahari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Itu kalau hendak bersilat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tengok reaksi Yang Berhormat ini macam sudah kena kimia Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Khairudin bin Samad:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya kasihan, bukan kasihan- pasal kawan-kawan...

Ini cerita yang benar Tuan Yang di-Pertua. Mereka mengatakan, sudah bahas sudah di dalam Dewan Rakyat. Tidak ada tindakan. Jadi datang sini hendak bahas lagi. Tak tahu apa hendak jadi. Ini kawan-kawan beritahu saya. Rakan-rakan kata pasal itu yang ramai tak hendak bahas. Saya kasihan kepada Tuan Yang di-Pertua hendak *adjust* orang, selepas itu hari ini ada seorang sahaja yang beri nama, Dato' Boon Som A/L Inong. Nasib baik lah Datuk Norliza binti Abdul Rahim sebagai sukarelawan bangun. Saya sebagai sukarelawan.

Saya melihat masalah kimia ini, yang ini kita masuk *line* kimia. Masalah kimia ini yang sebenarnya bila kita dok cerita kepada Menteri yang bentang usul kimia ini, kita cerita sampai kosmetik semua keluar. Yang hendak buat tangkapan itu KPDNKK. Tolong. Yang hendak buat tangkapan. Hantar

ke Jabatan Kimia untuk *check*, tangkap coklat pun kena hantar- itu Kementerian Kesihatan dan JAKIM, tangkap coklat *Cadbury*, dihantar ke Jabatan Kimia.

Kalau semua kita hendak bebaskan Jabatan Kimia, jadi masalah. Melainkan Kementerian MOSTI sanggup untuk letak ahli-ahli kimia ini, jadi kita perbanyakkan, jadi kurang pengangguran.

Jadi hantar ramai ahli kimia ini, saya cadangkan kepada kementerian, beri kepada kementerian-kementerian yang memerlukan. KPDKK, Kementerian Kesihatan, letak ahli-ahli kimia kita di situ jadi selesai masalah.

Cuma ahli-ahli kimia ini juga belajar begitu lama Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak dapatkan sijil sebagai ahli kimia, berilah gaji yang setimpal. Baru lah dia tak lari pergi ke swasta ataupun pergi kerja ke luar negara. Mereka ini kalau kita hendak bercakap soal hendak buat pindaan apa sekalipun, saya selalu melihat yang itu dahulu. Kita kena perhatikan agar mereka ini diberikan gaji yang setimpal dengan kemampuan, kebolehan mereka. Kalau tidak, seperti yang berlaku sekarang ini, tiap-tiap kali ada kes mahkamah, ahli kimia dibawa masuk ke mahkamah, cerita-cerita, kena gril, dengan izin, kena gril dengan *lawyer*, dengan peguam, tak boleh hendak jawab, kes buang. Ini kerana ahli kimia tidak betul, dan itu dan ini.

#### ■1520

Jadi, kita kena cari kepakaran yang hebat supaya kita boleh, kalau bawa ke mahkamah beres, habis, boleh jatuh hukum. Bukan bawa ke mahkamah, kemudian tangguh kerana ahli kimia ini tak betul, kena bawa ahli kimia dari luar negara dan sebagainya. Ini semua...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Khairudin bin Samad:** ...Setiausaha Agung hendak masuk Tuan Yang di-Pertua. saya kata *absent* tadi, semua masuk. Semua ini hendak bersila ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah serba sedikit yang saya hendak sampaikan. Sebab itu saya kata *point* tidak banyak, semua *point* semua kawan pun cerita kata Dewan Rakyat pun tidak laku bercakap, jadi di sini kita dalam Dewan yang mulia ini, saya memerhati, ini pengalaman setahun setengah di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kebanyakan jawapan yang diberikan, jawapan yang bersilat. Jadi saya minta janganlah sebab Dewan Rakyat dengan Dewan Negara lain, di sana selalunya berkelahi di sini ahli silat yang hebat-hebat. Presiden, setiausaha, bendahari. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015 pada petang yang berbahagia ini. Sekian terima kasih banyak-banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, saya rasa setakat itu sahajalah yang boleh berbahas. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 3.21 ptg.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak bersilat saya tidak perlu menjawab semua kerana jawapan yang dibahaskan itu tidak ada kena mengena dengan institut kimia, yang dibahas itu ialah jabatan kimia. Itu yang ditanya itu, yang dibahas jabatan kimia, apa yang saya bantangkan ini

institit kimia. Kalau hendak suruh saya bersilat termasuklah Yang Berhormat bos saya lama, Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dia kata ada dekat Melaka, itu bukan institut kimia itu jabatan kimia. Itu hendak kena jelaskan balik semula ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, Menteri jelaskan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** ...Saya akan jawab semua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** ...Saya tidak hendak bersilat, jangan risau. Ya berkenaan dengan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som tadi berapa orang dari Jabatan Kimia tidak ada data dengan saya berkenaan beberapa buah universiti yang ada. Akan tetapi yang berdaftar yang sekarang saya cakap dalam ucapan saya tadi, ahli kimia ini sebenarnya ada, yang berdaftar ini- dia bidang kimia ini satu bidang sokongan, dia tidak perlu hendak glamor sangatlah. Dia macam ini, macam contoh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin tadi, dia kalau misal kata ada orang kena rogol, benda dekat dalam itu hendak cek dia buat dekat jabatan kimia tetapi itu polis yang bawa. Ada orang tinggal air mani dekat- itu saya tidak teruskan pun kita yang buktikan dekat dalam mahkamah. Itu ada orang kata air mani dalam kecil itu pun boleh cari, kapal terbang yang besar pun tidak boleh cari tetapi itu kerja jabatan kimia.

Kalau ada alat solek yang dijumpai, yang tidak benar itu, yang itu Kementerian Kesihatan akan hantar dekat jabatan kimia. Kalau makanan yang ada, beras tiruan, telur tiruan itu dia cakap sahaja tidak pun sampai ke jabatan kimia- ini tugas jabatan kimia.

Jadi, jabatan kimia ini Tuan Yang di-Pertua kerjanya orang bawa semua alat kepada kita, kita akan mempertahankan benda itu di mahkamah. Jadi tidak perlu hendak glamor dan tidak pernah pun dalam sejarah kita hendak bawa jabatan kimia dari luar negara, orang kimia nak bawa ke negara kita kerana kita mempunyai peralatan, pegawai dan kepakaran yang cukup. Akan tetapi, kalau pihak pembangkang- bukan pembangkang, pembela hendak *argue* balik kita punya kimia *methode* yang itu dibawa dari luar negeri, itu ada. Akan tetapi kita bila polis hantar, orang kita. Jadi bidang ini tidak perlu glamor tetapi bagi kami jabatan kimia di Kementerian Sains, jabatan ini sangat glamor kerana banyak kes besar yang telah pun berjaya dibuktikan berdasarkan sebenarnya bukti-bukti dari Jabatan Kimia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan yang tadi, jadi tidak perlulah kita hendak kata minyak wangi dan semua itu, kalau saya pelawa Datuk Norliza ada minyak aroma yang tidak popular itu datanglah hantar ke jabatan kimia, biar saya *test*, tidak ada masalah. Boleh tidak ada masalah, ujian yang itu saya beri *free* kalau Jabatan Kimia minta, saya bayarkan tidak ada masalah. Bayarannya tidak banyak, dia selalunya hanya beberapa persen daripada di luar.

Jadi, itu sebabnya Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som belilah barang original. Kita sudah kata kalau Yang Berhormat Senator pun beli barang tidak original mana boleh. Jadi kena faham jawapan saya itu lah. Jadi sejauh mana keberkesannya, maknanya bidang kimia ini adalah satu bidang yang tidak perlu glamor sangat? Akan tetapi ia memainkan peranan yang sangat penting membuktikan. Dadah kita buktikan, makanan kita buktikan, sehinggakan air yang dekat label itu yang Yang Berhormat Senator

minum air dekat ada *carbon dioxide* berapa, bahan kimia berapa itu sebenarnya telah diuji di Jabatan Kimia.

Jadi yang air semua yang air mineral *water* yang ada ditulis kandungan air, *water contain*, *chemical contain* semua ini diuji oleh Jabatan Kimia. Akan tetapi kita tidak tulis Jabatan Kimialah di situ kerana mereka membayar duit kepada kita, kita sebahagian daripada duit lah tetapi bagi kita tetapi kita bagi dekat Perbendaharaan. Air, minyak, dadah, benda-benda organ dalam badan semuanya diuji di Jabatan Kimia dihantar kepada *legal department* dan kita akan menjadi saksi. Kita tidak membuat pendakwaan di mahkamah, itu sebabnya kita tidak popular seperti *lawyer*.

Tentang lulusan kimia itu sebenarnya bidang kerja ini meluas sebenarnya yang perlu jadi ahli institut kimia itu yang mana dia melahirkan satu, dia menghasilkan sesuatu data yang perlu disahkan. Akan tetapi kalau di universiti itu sebenarnya, Jabatan Kimia adalah satu bidang yang banyak membuat penyelidikan dan ini semua dibuat oleh orang-orang kimia yang sebenarnya. Bidang sangat meluas. cikgu kimia, penyelidik kimia, bidang ini sangat luas sebenarnya. Kalau kata dia itu bidang kimia, dia tidak hendak kerja di bidang kimia maknanya dia takut dengan darah kah apa, tidak tahulah hendak katalah kan tetapi *so far* yang kita tahu dalam bidang kimia ini kita tidak ada banyak pengangguran kerana bidangnya sangat luas. Mereka memang bekerja di belakang tabir dan mereka ini bukanlah mereka yang berprofesion seperti peguam ataupun ahli politik yang memerlukan glamor yang sangat tinggi.

Saya bersetuju walaupun tadi bercakap dalam bentuk gurauan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin tadi memang betul, memang bidang itulah kerja kami di Jabatan Kimia. Akan tetapi tentang gaji itu, Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua itu bukan dalam bidang kuasa jabatan kimia. Kalau hendak *fight* untuk gajinya baik saya mengalu-alukannya tetapi jabatan kimia, bidang gaji kalau di perkhidmatan jabatan kimia ia tertakluk pada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagaimana gaji pun tertakluk kepada perkara-perkara tersebut. Saya ingat itu sahaja bidang-bidang yang telah diterangkan, saya mohon terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita berbincang hari ini Akta Ahli Kimia. Satu yang tanya tadi, apabila kita membuat akreditasi untuk mengesahkan satu-satu bahan dalam satu-satu barang makanan, air dan sebagainya. Dahulu saya difahamkan kita menggunakan makmal yang dimiliki oleh orang luar negara. Apabila kita menubuhkan makmal *toxicology* di Melaka dan kita dapat kerja itu, kita mengumpul kerja-kerja itu semuanya makmal itu milik luar negara. Apakah benar demikian? Apakah kerajaan sekarang boleh pula menggunakan makmal dalam negara seperti Melaka Toxicology Lab yang telah pun ditubuhkan?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih. Inilah susahnya apabila bos tanya balik semula dekat orang yang biasa bekerja di bawah dia kan, sangat susah hendak menjawabnya tetapi saya boleh menjawab dengan baik, tidak ada masalah. Sebenarnya *lab* itu hanya perlu diakreditasi sahaja oleh Jabatan Kimia dan beberapa buah jabatan dan seterusnya makmal itu boleh digunakan untuk ujian-ujian yang selanjutnya, ia hanya perlukan pengiktirafan. Apa yang penting di sini di institut

kimia, mereka yang bekerja di makmal *toxicology* itu mesti ahli kimia yang berdaftar dengan Institut Kimia Malaysia, itu sahaja yang kita perlu dan untuk menjadi berdaftar tadi, dia mesti ada MQA semua itu kena ikut Kementerian Pelajaran lah. Selepas itu dia berdaftar dengan jabatan pendidikan kerana kalau dia tidak berdaftar maknanya kita tidak tahu sama ada dia ini ahli kimia yang *qualified* atau tidak sebab apa dia esok dia ada perlu menandatangani dokumen yang sensitif, mungkin dokumen itu menentukan kesihatan orang lain ataupun dokumen itu perlu digunakan di mahkamah.

■1530

Jadi, itu yang penting makmal ini tidak ada masalah kalau dia perlukan akreditasi, kalau akreditasi itu dia boleh menjalankan tugas seperti biasa dan banyak pun di Jabatan Kimia Malaysia pun juga ada beberapa buah makmal itu yang telah digunakan sekarang. Terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya punya soalan, adakah kerajaan hari ini menggunakan makmal Malaysia dalam mengesahkan satu-satu barang macam kata tadi isu-isu kes katakanlah yang lepas berkaitan dengan DNA ataupun kita gunakan makmal yang dimiliki oleh warga luar negara? Itu yang saya hendak tanya sama ada kerajaan gunakan tidak *lab* milik Malaysia sendiri?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Di Jabatan Kimia makmal ini semua ada di Shah Alam. Di makmal memang semua digunakan di Jabatan Kimia Malaysia semua ujian tidak dilakukan di luar negara, semua digunakan di Malaysia. Termasuklah semua ujian kosmetik, air ke tadi, semua tidak pernah dijalankan- buat masa sekarang semua boleh dilakukan di Malaysia. Maknanya, kita mengamalkan kita. Akan tetapi ada juga orang yang menggunakan makmal swasta kalau dia hendak pakai.

Jadi, untuk makmal itu mungkin dia telah mendapat pengiktirafan ataupun orang yang bekerja di makmal itu adalah merupakan juga ahli kimia. Itu fasalnya kita katakan dalam akta ini kalau dia *fraud* benda perkara ini kita dapat naikkan denda dia. Daripada beberapa ribu kepada beberapa ribu. Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli Dewan semua, tidak ada satu pun pendakwaan yang dibuat, tidak ada seorang pun yang didapati bersalah lagi di bawah kes ini. Jadi maknanya, semua ujian itu dilakukan di makmal kita di Petaling Jaya. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (PINDAAN) 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang AntiPemerdagangan Orang dan AntiPenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 dibacakan kali kedua sekarang.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, jenayah pemerdagangan orang merupakan bentuk perhambaan moden yang merupakan cabaran global yang dihadapi oleh semua negara di dunia, termasuk Malaysia. Jenayah ini agak unik kerana ia boleh berlaku di dalam negara dan juga merentas sempadan. Pemerdagangan orang merangkumi aspek eksploitasi seks, eksploitasi buruh, perhambaan, pengabdian termasuk pemindahan organ manusia. Jumlah sebenar mereka yang diperdagangkan adalah sukar untuk dinyatakan. Akan tetapi pada tahun 2014, laporan tahunan mengenai jenayah ini yang disediakan oleh Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai dadah dan jenayah ataupun UNODC telah menganggarkan bahawa jumlah mangsa jenayah ini adalah dalam lingkungan 2.5 juta pada satu masa.

Pada jumlah tersebut, 53% merupakan mangsa eksploitasi seksual, buruh paksaan – 40%, pemindahan organ – 0.3%; dan lain-lain bentuk eksploitasi – 7%. Buruh paksa telah menunjukkan peningkatan peratusan dan sekarang ini merupakan salah satu daripada bentuk pemerdagangan orang yang utama di mana untuk Laporan UNODC pada tahun 2009. Ia di tahap 18% berbanding dengan eksploitasi seksual 79%. Dari sudut keuntungan pula, jenayah pemerdagangan orang ini memberikan keuntungan yang lumayan kepada sindiket yang terlibat. Di mana dianggarkan jumlah keuntungan daripada aktiviti ini adalah dalam lingkungan USD32-USD38 bilion setiap tahun. Ini merupakan jenayah kedua mendatangkan hasil pendapatan lumayan selepas penyeludupan dadah.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labor Organization*) pada tahun 2012 pula telah menganggarkan bahawa 21 juta telah menjadi mangsa buruh paksa. Di mana yang paling ramai ialah di Asia Selatan, Asia Timur dan Pasifik iaitu seramai 11.7 juta orang mangsa - 56%, diikuti oleh Afrika 3.7

juta orang mangsa iaitu 18%, Latin Amerika dan Caribbean 1.8 juta orang mangsa hingga ke-9%, negara membangun Kesatuan Eropah 1.5 juta orang mangsa ataupun 7%. Senario tempatan pula mengenai kes-kes pemerdagangan orang sehingga 28 Februari 2015 telah melibatkan sebanyak 627 kes pemerdagangan orang telah dituduh di Mahkamah Sesyen. Daripada jumlah tersebut, 129 kes telah disabitkan dan 48 kes dilepas tanpa dibebaskan, manakala 300 kes masih di peringkat pembicaraan. Dalam tempoh sama, seramai 2,008 orang mangsa pemerdagangan orang daripada 21 buah negara telah diberi perintah perlindungan ataupun *protection* order. Pada peringkat permulaan kewujudan Akta AntiPemerdagangan Orang dan AntiPenyeludupan Migran ataupun ATIPSOM 2007, tumpuan lebih menjurus kepada isu eksploitasi seksual, di mana kemudiannya dapat dilihat peringkat kepada aspek eksploitasi buruh dan buruh paksa.

Perkara ini perlu diberikan perhatian yang lebih serius oleh Kerajaan Malaysia kerana pada 1 Disember 2014, Jabatan Buruh Amerika Syarikat telah mengumumkan senarai barangan dan produk keluaran Malaysia yang mempunyai elemen buruh paksa iaitu barangan produk kelapa sawit, tekstil dan elektronik. Isu ini dibangkitkan susulan daripada kajian oleh Verite Inc. yang dikeluarkan pada 16 September 2014, di mana kajian tersebut mendapati wujudnya elemen buruh paksa secara jelas dalam sektor elektronik di Malaysia.

#### ■1540

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Buruh Amerika dan mendapati bahawa antara elemen buruh paksa merangkumi pegangan pasport oleh majikan. Tahap pemerhutangan yang tinggi oleh pekerja asing kerana fi yang tinggi dikenakan oleh agensi pekerja serta persekitaran kerja dan tempat tinggal pekerja yang tidak kondusif.

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diluluskan pada 24 April 2007 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Akta ini kemudiannya telah dipinda pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan pada 15 November 2010 dan kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Di antara komponen penting pindaan ATIPSOM 2007 pada 2010 adalah seperti berikut:

- (i) menjadikan satu kesalahan jenayah bagi aktiviti penyeludupan migran;
- (ii) memperluaskan definisi pemerdagangan orang dengan menjadikan eksploitasi buruh sebagai pemerdagangan orang;
- (iii) memperuntukkan hukuman yang lebih berat, penjara maksimum 20 tahun penjara dan penalti sehingga mencecah RM1 juta bagi kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan;
- (iv) memberi kuasa pada Jabatan Tenaga Kerja sebagai agensi penguat kuasa; dan
- (v) mewujudkan dua kesalahan baru iaitu perdagangan orang dan penyeludupan migran semasa transit.

Peringkat antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggubal konvensyen mengenai jenayah terancang, UNTOC pada tahun 2000 di mana Malaysia telah menandatangani



UNTOC pada 26 September 2002 dan meratifikasi pada 24 September 2004. Malaysia seterusnya menyertai protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pemerdagangan orang *Protocol TIP* pada 26 Februari 2009. Kewujudan ATIPSOM 2007 adalah selaras dengan obligasi dan komitmen negara di bawah UNTOC.

Selain itu, negara anggota PBB termasuk Malaysia telah dinilai rekod dan prestasi dalam menangani isu hak asasi manusia sejak 2009 oleh Majlis Hak Asasi Manusia. PBB yang berpusat di Geneva menerusi proses semakan berkala sejagat, *universal periodic review*. Antara isu yang dinilai mengenai negara termasuk mengenai aspek pemerdagangan orang. Ini adalah kerana jenayah pemerdagangan orang berkait rapat dengan pelanggaran kepada hak asasi manusia. Semasa proses *universal periodic review* kali kedua untuk negara di Geneva pada 20 hingga 30 Oktober 2013, Malaysia telah menyatakan kewujudan untuk mempertingkatkan inisiatif negara dalam menangani jenayah pemerdagangan orang.

Dalam hubungan ini, Malaysia telah menyatakan kewujudan untuk menerima kunjungan pelapor khas PBB mengenai perdagangan orang terutamanya wanita dan kanak-kanak di negara ini. Lawatan tersebut telah dilaksanakan dari 23 hingga 28 Februari yang lalu. Lawatan ini melambangkan keterbukaan negara untuk menerima teguran dan cadangan yang konstruktif dalam menangani jenayah ini mengikut amalan standard antarabangsa. Di akhir lawatan tersebut, pelapor khas PBB juga telah menyatakan sokongan terhadap cadangan pindaan kepada akta ini terutamanya dalam mempertingkatkan aspek perlindungan dan kebajikan mangsa termasuk menggalakkan penyertaan pihak badan bukan kerajaan.

Di peringkat serantau pula, ASEAN sedang dalam proses untuk merangka sebuah konvensyen mengenai pemerdagangan orang terutama wanita dan kanak-kanak serta pelan tindakan serantau untuk memerangi jenayah ini. Isu ini merupakan masalah yang kompleks kerana pada sepuluh buah negara rantau ini tujuh buah merupakan negara penghantar buruh. Manakala tiga buah lagi ialah negara penerima buruh termasuk Malaysia. Konvensyen ini mengikut daripada segi perundangan dan dijangkakan, dimuktamadkan pada tahun ini semasa kepengerusian ASEAN oleh Malaysia dan negara pula memastikan bahawa perundangan domestik kelak akan selaras dengannya.

Akta ini adalah merupakan satu-satunya perundangan yang dinilai di peringkat antarabangsa menerusi Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS). Laporan tersebut menilai 188 buah negara lain di samping Malaysia terutamanya mengenai aspek kepatuhan terhadap obligasi dan komitmen di bawah UNTOC. Malaysia telah dinilai sejak tahun 2006 dan Laporan JNAS pada tahun 2014 telah meletakkan Malaysia di tahap tiga iaitu *tier 3*, yang merupakan tahap yang terbawah. Penurunan ini adalah secara automatik selepas negara menduduki tahap kedua pemerhatian ataupun *tier 2 watch list* selama empat tahun berturut-turut bagi tahun 2010 hingga 2013. Kritikan utama yang sering dibangkitkan oleh Laporan JNAS termasuk laporan 2014 menangani aspek perlindungan mangsa perdagangan orang. Ini adalah kerana mangsa-mangsa pemerdagangan orang tidak bebas bergerak, tidak dibenarkan bekerja, tidak dibenarkan tinggal di luar rumah perlindungan.

Pihak Amerika Syarikat berpandangan bahawa amalan begini tidak menyediakan persekitaran yang kondusif kepada mangsa-mangsa pemerdagangan kerana mereka dikurung dan tidak bebas bergerak yang menjuruskan kepada pelanggaran hak asasi manusia dari sudut kebebasan. Pihak Amerika Syarikat juga menegur mengenai penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) yang terhad daripada aspek perlindungan mangsa kerana bagi pegawai perlindungan hanya dihadkan kepada penjawat awam khususnya personel dari Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Malahan rumah-rumah perlindungan sedia ada juga sepenuhnya di bawah pengurusan kedua jabatan tersebut. Penglibatan pihak NGO kritikal kerana terdapatnya kepakaran mengenai aspek perlindungan mangsa yang boleh disumbang oleh pihak NGO seperti khidmat kaunseling.

Rang undang-undang ini memperuntukkan penubuhan jawatankuasa peringkat tertinggi, *high level committee* mengenai pemerdagangan orang yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan keahliannya melibatkan Menteri-Menteri yang mana kementerian, agensi di bawah kementerian, Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). Kewujudan jawatankuasa peringkat tertinggi ini signifikan dalam membuat keputusan dasar termasuk kewangan bagi membuktikan komitmen peringkat tertinggi negara dalam menangani jenayah ini.

Pemindaan kepada rang undang-undang ini juga melibatkan pemeriksaan keanggotaan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dengan penambahan anggota baru merangkumi Kementerian Pertahanan, Kementerian Industri, Perdagangan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Belia dan Sukan. Dengan menjadi ahli majlis kementerian agensi berkenaan akan turut sama menyumbang dan terlibat dalam usaha membanteras jenayah ini secara kolektif dan bersepadu, mengambil kira kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing. Keanggotaan MITI dan MPIC adalah penting bagi menangani aspek buruh paksa yang menjurus kepada pemerdagangan orang seperti yang dinyatakan pada peringkat awal tadi. Pindaan ini juga memperuntukkan kebenaran bagi mangsa pemerdagangan orang untuk bergerak bebas dan tinggal di luar rumah perlindungan serta diberi peluang bekerja. Pindaan juga akan membolehkan majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan diberi kepentingan kebajikan mangsa.

Selain daripada itu, pindaan kali ini juga adalah bertujuan untuk membolehkan penglibatan lebih aktif badan bukan kerajaan ataupun NGO.

#### ■1550

Petugas NGO bagi aspek perlindungan dan penjagaan mangsa, pemberian pampasan kepada mangsa. Pindaan juga melibatkan peruntukan baru bagi membolehkan pembayaran pampasan ataupun pembayaran gaji tertunggak kepada mangsa pemerdagangan orang. UNTOC dan Protokol TIP dengan secara jelas merujuk kepada pembayaran pampasan kepada mangsa dan kemungkinan untuk menggunakan keuntungan yang disita daripada jenayah ini juga bertujuan pembayaran pampasan tersebut. Sitaan keuntungan daripada jenayah ini akan bertindak sebagai satu bentuk hukuman serta juga bertujuan untuk mencegah penularan jenayah ini pada masa sekarang.

Bagi aspek pembayaran gaji tertunggak kepada mangsa pemerdagangan orang isu ini kritikal kerana kebanyakan daripada mangsa yang berstatus PATI tidak dapat membuat tuntutan disebabkan kekangan perundangan sedia ada. Tambahan pula, Akta Kerja 1955 hanya membenarkan tuntutan tunggakan gaji kepada mangsa warga asing yang masuk bekerja di negara ini secara sah sahaja. Perkara penting yang perlu dijelaskan ini ialah sekiranya seorang individu dikategorikan sebagai mangsa pemerdagangan orang oleh Mahkamah Majistret status imigran sama ada sah ataupun PATI adalah tidak lagi relevan.

Peruntukan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015, elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 670 ini untuk memasukkan takrif "*tempat perlindungan*".

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen akta ini bagi menambah anggota baru dalam Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IA berhubung dengan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi. Bahagian 1A ini mengandungi 3 seksyen baru iaitu seksyen 5A, seksyen 5B dan seksyen 5C.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 670 untuk membolehkan majlis membayar akaun pada orang yang diperdagangkan tertakluk kepada kesediaan wang.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 670 untuk mengadakan peruntukan bagi Menteri untuk menentukan fungsi setiausaha majlis.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 43, Akta 670 untuk memasukkan subseksyen 1A untuk membolehkan Menteri melantik mana-mana orang sebagai pegawai pelindung.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 44(2), Akta 670 untuk melanjutkan tempoh perintah perlindungan Menteri daripada 14 hari kepada 21 hari.

Fasal 10B bertujuan untuk meminda subseksyen 51(1)(3)(a)(i) Akta 670 untuk memendekkan tempoh perintah perlindungan dari tempoh maksimum dua tahun kepada tiga bulan.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 51A ke dalam Akta 670 untuk memberikan *release* kuasa untuk memberi kebenaran untuk bergerak bebas dan untuk bekerja semasa tempoh perintah perlindungan interim ataupun perintah perlindungan.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda perenggan 54B, Akta 670 berhubung dengan pelepasan dan pemulangan balik orang yang diperdagangkan dengan merupakan wang warga asing ke negara asalnya.

Fasal 16 bertujuan memasukkan seksyen baru 66A dan 66B ke dalam Akta 670 untuk membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah pembayaran pampasan orang yang disabitkan kepada orang yang diperdagangkan dan perintah pembayaran gaji yang tertunggak dalam hal apabila tidak

disabitkan pada orang yang diperdagangkan dan pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan pindaan dan tambahan peruntukan baru dalam rang undang-undang ini ia dapat mempertingkatkan inisiatif negara dalam membendung dan menangani jenayah pemerdagangan terutamanya penambah baik kepada aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang. Ia secara jelas membuktikan komitmen dan kesungguhan negara dalam memenuhi obligasi di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Kerajaan berpandangan bahawa rang undang-undang ini akan memperkasakan peruntukan undang-undang sedia ada dalam menangani jenayah secara lebih efektif.

Menjadi harapan kerajaan agar jenayah pemerdagangan orang ini dapat dicegah dan dihapuskan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

**3.56 ptg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahas rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Ibu iaitu Akta Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran serta memperkenalkan beberapa seksyen yang baru. Kebanyakan perbahasan saya, saya akan fokus kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan dan secara khususnya mungkin pada Fasal 11.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Akan tetapi sebelum itu ada sedikit perkara yang perlu atau beberapa soalan yang perlu dijawab daripada segi latar belakangnya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita balik ke awal bulan Mei tahun ini, Malaysia digemparkan dengan penemuan-penemuan kem-kem penampungan pelarian, kubur dan juga rangka manusia di kawasan hutan Wang Kelian. Penemuan mengejutkan ini sekali lagi telah membawa Malaysia kepada penelitian antarabangsa dan telah juga mencemarkan nama Malaysia.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pemerdagangan orang bukan lah satu isu baru atau bukanlah isu tempatan. Pada masa kini, seperti yang telah diterangkan angka-

angka telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi daripada segi secara am kalau kita tengok dia merupakan jenayah antarabangsa yang kedua, *next to track trafficking*.

Pada hari ini saya tidak berhasrat untuk membahaskan apa yang berlaku di Wang Kelian pada awal bulan Mei kerana sejak hari itu sehingga sekarang pelbagai teori, pelbagai laporan telah muncul baik secara rasmi atau tidak rasmi. Namun terdapat beberapa perkara yang perlu dijawab ataupun beberapa soalan yang perlu jawapan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua ialah kenyataan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa ada kemungkinan kem-kem ini yang ditemui itu telah berada selama lima tahun atau mungkin lebih dari lima tahun. Pada saya kenyataan Yang Berhormat Menteri itu menimbulkan pelbagai persoalan. Bukan sahaja persoalan dia sudah jadi macam satu soalan tanda tanya ke atas kemampuan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengawal sempadan negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

■1600

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ini pun saya belajar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia cakap tidak boleh cakap sehingga Tuan Yang di-Pertua duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih, terima kasih. Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benar kem-kem ini telah wujud lebih daripada lima tahun, yang menjadi isunya ialah integriti agensi-agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga sempadan dan juga urusan-urusan yang lain. Agensi seperti Jabatan Imigresen, pihak polis, Jabatan Perhutanan dan sebagainya.

Jadi pada saya, soalan yang timbul ialah adakah kejadian ini berlaku kerana kecuaiian atau sikap leka atau ketidakcekan anggota-anggota yang berkenaan? Atau lebih serius, adakah ia berlaku kerana berlaku atau terdapat *collaboration* antara *traffickers* dengan anggota-anggota penguatkuasaan?

Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang penting kerana kalau kita baca laporan-laporan dalam surat khabar, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri telah mengesyaki bahawa kemungkinan, bukan tuduhan, bahawa kemungkinan ada penglibatan anggota-anggota badan-badan berkenaan dalam isu ini. Yang Berhormat Menteri juga telah mengarahkan supaya satu penyiasatan dijalankan untuk menentukan kemungkinan ini.

Jadi soalan saya pada hari ini ialah sudahkah siasatan itu telah dijalankan? Kalau sudah, adakah ia menunjukkan penglibatan anggota-anggota agensi penguatkuasaan? Kalau betul ia menunjukkan penglibatan anggota-anggota ini, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka? Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua ialah bilakah kerajaan mula-mula dapat tahu mengenai isu ini? Bukan secara khusus kepada kejadian di Wang Kelian tetapi secara am kepada aktiviti penyeludupan migran dan juga

pemerdagangan manusia. Adakah kerajaan baru dapat tahu mengenai isu ini atau telah tahu lebih awal dari ini tetapi gagal untuk bertindak *for whatever reason*, dengan izin?

*Now*, kenapa saya timbulkan ini Tuan Yang di-Pertua ialah pasal saya tengah baca dalam beberapa laporan yang mengatakan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti pemerdagangan manusia telah dibawa ke perhatian kerajaan beberapa tahun dahulu. Contohnya oleh satu NGO, Tenaganita, pernah mengadu bukan sahaja kepada pihak polis tetapi juga kepada *ASEAN Secretariat Committee* tetapi tidak diambil secara serius. Saya pernah juga baca ada satu tuduhan dari UNHCR bahawa UNHCR telah memberi maklumat secara *detail* nama pemerdagangan, butir-butir akaun bank dan sebagainya kepada pihak-pihak tertentu tetapi tidak ada apa-apa tindakan.

Saya tidak tahu sama ada benda ini betul atau tidak. Jadi saya harap saya boleh dapat penjelasan daripada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana isu dia kalau benar, kalau laporan-laporan ini benar, dia ini menyoalkan kesungguhan kerajaan untuk menangani isu pemerdagangan manusia.

Saya cakap tadi secara khusus saya akan fokus kepada, itu secara am ya, secara khusus saya akan fokus kepada fasal 11, seksyen 51A. Ada dua perkara khusus di bawah fasal 11. Pertama ialah isu berkaitan dengan kebenaran bagi orang yang diperdagangkan itu untuk bergerak bebas dan juga untuk bekerja. Itu *first issue*. Macam saya cakap tadi, seksyen 51, Akta Ibu ada berkaitan dan juga seksyen 51A. Seksyen 51A yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini. Seksyen 51 adalah daripada Akta Ibu.

Secara prinsipal, saya terima dengan baik cadangan yang dibuat melalui pindaan ini terutama seksyen 51A kerana seksyen 51A ini dia memberi fokus atau dia memberi kebenaran untuk bergerak dengan bebas dan membenarkan supaya diambil bekerja. *Of course*, tertakluk kepada mana-mana sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Pada saya, ini adalah satu pindaan yang baik dan patut diterima kerana ia akan dapat membantu mangsa-mangsa pemerdagangan untuk mencari pendapatan supaya dapat menampung keperluan harian.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu cadangan. Seksyen 51A saya terima tetapi saya ada satu cadangan untuk tambah baik seksyen 51A ini. Kalau kita tengok sekarang peruntukan seksyen 51A ini, kebenaran untuk bergerak bebas dan kebenaran untuk bekerja hanya diberi kepada mereka yang berada di bawah Perintah Perlindungan. Mereka kena dapat Perintah Perlindungan dulu, kemudian boleh dapat kebebasan atau kebenaran untuk bergerak bebas dan sebagainya. Saya cadang dan saya berharap peluang ini juga boleh dilanjutkan kepada semua pelarian. Bukan sahaja orang yang dapat Perintah Perlindungan tetapi juga kepada semua pelarian yang telah didaftarkan dengan UNHCR.

Mungkin kalau kementerian setuju untuk melanjutkannya kepada semua pelarian, mungkin boleh dikenakan beberapa sekatan atau syarat. Contohnya, hanya daripada segi industri mungkin hanya boleh dibenarkan bekerja di industri 3D. Pagi tadi pun kita telah dengar jawapan daripada Timbalan Menteri Kerja Raya berkenaan dengan pekerja asing di industri 3D ini. Mungkin ini akan membantu mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing. Sebenarnya kalau kita tengok sekarang pun,

kebanyakan pekerja pelarian atau *refugees* yang didaftar dengan UNHCR telah bekerja, cuma dia bekerja secara haram. Kalau bekerja secara haram ini, sudah tentu mereka ini subjek kepada pelbagai eksploitasi oleh majikan. Itu *first* isu mengenai seksyen 51A.

Isu yang kedua mengenai seksyen 51A, pada saya, ialah kegagalan seksyen 51A yang baru ini untuk mengambil kira keperluan kanak-kanak. Sekarang kalau kita tengok seksyen 51A ini, dia hanya fokus kepada orang dewasa daripada segi kebenaran untuk bergerak dan juga bekerja. Tidak langsung mengambil kira berkenaan dengan keperluan kanak-kanak terutama daripada segi pendidikan. Pada saya, pindaan 51A ini juga perlu mengambil kira *Convention on the Rights of the Child* dan seterusnya membenarkan mangsa-mangsa perdagangan untuk bersekolah.

Ini kerana sekarang pun kalau kita tengok Perintah Perlindungan, walaupun dia cakap Perintah Perlindungan itu untuk satu tempoh yang *fixed period* tetapi ada juga peruntukan di akta ibu di mana Perintah Perlindungan itu mungkin dilanjutkan, dilanjutkan, dilanjutkan sehingga beberapa tahun. Pasal, dia kena lanjut sehingga *evidence* semua *dicollect*. Mungkin benda ini akan ambil masa bertahun-tahun. Jadi pada saya kalau benda ini berlanjutan bertahun-tahun, ini untuk mangsa-mangsa di bawah Perintah Perlindungan, maka bertahun-tahun ini dia orang tidak boleh menghadiri sekolah. Pada saya, kita kena mementingkan juga masa depan kanak-kanak ini.

Jadi dengan ini, saya cadangkan supaya seksyen 51A yang dicadangkan itu diperluaskan untuk membenarkan kanak-kanak mangsa perdagangan untuk menghadiri sekolah sekurang-kurangnya *at least at primary level*, dengan izin. Itu cadangan mengenai seksyen 51A.

#### ■1610

Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, yang juga disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi semasa pembentangan tadi, Malaysia telah menandatangani *United Nations Transnational Organized Crime* (UNTOC), Malaysia telah menandatangani pada bulan September tahun 2002 dan telah meratifikasi pada tahun 2004. Itu pada saya satu inisiatif yang bagus, bukan sahaja UNTOC tetapi juga protokol TIP di mana Malaysia telah menyertai pada tahun 2009 seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Akan tetapi isu saya kalau kita boleh terima UNTOC, TIP dan sebagainya, isu saya adalah berkaitan dengan konvensyen 1951 punya konvensyen, konvensyen pelarian 1951. Konvensyen seperti yang kita sudah maklum, konvensyen 1951 itu telah menggariskan beberapa hak sosial yang perlu dihormati oleh negara-negara terhadap pelarian ini. Sebenarnya kalau kita tengok apa yang dicadangkan oleh seksyen 51A ini, hak untuk bergerak dengan bebas dan hak untuk bekerja ini adalah datangnya dari Konvensyen 1951. So, soalan saya sehingga hari ini walaupun kita telah terima UNTOC dan TIP dan sebagainya, Konvensyen 1951 ini sehingga ini kita belum menandatangani.

Malaysia belum menandatangani *refugee convention* dengan pelbagai alasan. Yang pertama sekali, setiap kali kita dapat alasan bahawa kalau Malaysia menandatangani *Refugees Convention* 1951 itu, ia akan galak lagi banyak pelarian datang ke Malaysia. Mungkin tidak, mungkin betul. Akan tetapi itu bukan *argument*. Mungkin betul, *argument-argument* itu tetapi pada saya, kalau kita tak menandatangani

*refugee convention*, salah satu daripada kehendak konvensyen itu ialah supaya kita mewujudkan *legal framework*. Pasal kalau kita tengok sekarang ini tak ada *legal framework* untuk mengendalikan isu-isu berkaitan dengan pelarian. Seperti Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri telah bagi tahu tadi, kelemahan yang ada dalam Akta Kerja dan sebagainya, kenapa berlakunya eksploitasi mangsa-mangsa ini. Salah satunya ialah pasal kita tak ada satu *legal framework*.

Jadi pada saya, kalau tak boleh pada saya, *first* permintaan saya ialah supaya kita dapat menandatangani konvensyen kita, terima konvensyen itu dan proses untuk meratifikasi dia. Kalau tak boleh, sekurang-kurangnya buat satu *legal framework* untuk menjaga hak-hak perlindungan. Kalau tidak, *then* seolah-olah dia akan memberi gambaran dan kepercayaan kepada dakwaan bahawa sekarang ini Malaysia membenarkan, kerajaan sekarang ini membentangkan rang undang-undang ini bukan kerana kita mementingkan hak mangsa perdagangan atau dan sebagainya tetapi hanya pasal kita hendak meningkatkan rating kita dari tier 2 ke tier 3 seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita telah jatuh ke tier 3 selepas empat tahun di tier 4.

Jadi sebenarnya kalau kita kaji latar belakang ini, kalau kita ambil semasa pembentangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa *the first act* ditubuh pada tahun 2007. Sebenarnya pada tahun 2007 pun kita menggubal, kerajaan menggubal akta itu kerana masa itu pun rating Malaysia telah jatuh ke tier 3 dan selepas tahun 2007, bila kita *introduce anti-trafficking in persons*, akta tahun 2007 baru kita punya *rating* meningkat, kalau tak salah pada tahun 2010 sehingga tahun 2013.

So isu yang, / tak tahu sama ada benda ini betul ataupun tidak tetapi kalau kita tengok fokus dalam semasa pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak fokus kepada lawatan JNAS, lawatan pasukan khas PBB dan banyak kali telah sebut tentang *tier* dua, jatuh ke *tier* tiga. Kalau kita tak buat satu *legal framework* atau kita tak *recognize convention* 1951, maka dia akan memberi satu gambaran dan satu kepercayaan bahawa Malaysia buat ini semata-mata untuk menjaga penyertaan kami di TPPA. Fasal baru-baru ini ada satu *call in the American Senate*, kalau tak salah, *Senate Robert Mandel* telah buat satu *statement* supaya Malaysia disingkir dari TPPA kerana telah jatuh ke tier 3 pasal secara automatik, kalau *you* jatuh ke tier 3 kena disingkir. So pada saya, saya walau apa niat kerajaan pun, saya terima mengalu-alukan rang undang-undang ini terutama seksyen 51A.

Cuma saya cadang, biar kita buat ini dengan niat yang betul supaya kita hendak tolong mangsa-mangsa ini, bukan semata-mata untuk jaga kepentingan kerajaan sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.



**4.16 ptg.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang dalam membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 di Dewan Negara pada petang ini.

Kalau kita lihat bahawa taktik pemerdagangan manusia berubah pantas mengikut masa. Ada agensi pekerjaan yang menawarkan kerja yang baik di sesebuah negara tetapi sebenarnya ia hanya topeng menutup motif jahat mereka. Pendekatan menjerat mangsa sentiasa berubah-ubah termasuk cara tawaran pengambilan guru ataupun mempergunakan dengan polisi migrasi penduduk bagi sesebuah negara. Dalam situasi negara kita, kehadiran pendatang tanpa izin, pencari suaka dan pelarian sekiranya tidak diuruskan dengan baik sebagaimana menyumbang kepada peningkatan kelemahan sosial pendatang yang boleh menyebabkan mangsa terdedah untuk diedarkan.

Banyak kes saya lihat membabitkan pekerja dalam pelbagai kategori termasuk separuh mahir dan pekerja lelaki kemahiran rendah sekitar rantau Pasifik dan Barat Daya Asia. Situasi lebih buruk berlaku dalam kalangan pekerja asing separuh mahir dan kemahiran rendah yang sering dieksploitasi sebagai pemerdagangan buruh oleh agensi pekerjaan yang tidak bertanggungjawab sama ada dalam negara sumber atau sebaliknya.

Contoh paling lazim di negara ini dilakukan majikan menerusi perlanggaran kontrak kerja. Kadar bayaran yuran pengambilan yang berlebihan, penebusan hutang, tidak membayar gaji, memegang passport, tempoh waktu kerja berlebihan, kurang hari rehat serta penderaan sama ada daripada segi fizikal ataupun seksual. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 21 juta orang manusia lelaki dan kanak-kanak terpaksa bekerja dalam keadaan yang tidak berperikemanusiaan di ladang, kilang jahit dan dalam industri seks ataupun di rumah persendirian. Selain itu penyeludupan wanita dan kanak-kanak asing bagi tujuan eksploitasi seks juga berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui Malaysia sekali lagi berada dalam radar perhatian dunia apabila menahan 1,018 orang pendatang tanpa izin yang mendarat di Pesisiran Pantai Pulau Langkawi pada awal bulan Mei yang lalu yang terdiri daripada 555 orang warga Bangladesh dan 463 orang etnik Rohingya dari Myanmar, termasuk 99 orang wanita dan 54 orang kanak-kanak.

Pelbagai reaksi daripada masyarakat dunia dan warga tempatan dilontarkan terhadap Malaysia termasuk dakwaan bahawa Malaysia mempamerkan sikap tidak berperikemanusiaan susulan tidak menerima kehadiran mangsa sindiket pemerdagangan orang termasuk ribuan lagi yang dilaporkan menunggu peluang untuk masuk ke negara kita.

**■1620**

Krisis kemanusiaan ini yang membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand memaksa ketiga-tiga negara mengadakan rundingan bersama bagi tujuan menangani masalah kebanjiran pendatang tanpa izin dan pemerdagangan manusia di Asia Tenggara. Dalam hal ini, saya mengesyorkan supaya kita sebagai Pengerusi ASEAN mengenal pasti punca utama berlakunya kebanjiran pendatang asing tanpa izin ini, termasuklah harus ditangani bersama atas semangat ASEAN. Saya ingin mencadangkan di

samping kita menubuhkan jawatankuasa di peringkat negara, ASEAN juga perlu menubuhkan jawatankuasa tetap antiperdagangan orang dan antipenyeludupan migran. Ertinya dalam setiap Mesyuarat ASEAN, jawatankuasa tetap ini kena melaporkan dan diwakili semua wakil daripada semua negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, Malaysia, Thailand dan juga Indonesia terutamanya Myanmar, hendaklah terus melaksanakan tanggungjawab dan obligasi mereka mengikut undang-undang sejagat dan juga domestik termasuk menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa terbabit. Sekarang ini kita lihat Myanmar dia lepas diri, kita yang menanggung semua rakyatnya yang lari ke negara kita. Patut Myanmar telah pun dipanggil dengan segera untuk berbincang, tak boleh lepaskan dia begitu sahaja.

Saya berterima kasih kepada negara kita serta negara jiran, Indonesia kerana sudah bersetuju menyediakan penempatan sementara kepada mangsa yang ditahan dengan syarat komuniti antarabangsa membantu proses penempatan semula dan penghantaran pulang dalam tempoh satu tahun. Malahan saya difahamkan kita dan negara jiran, Indonesia bersetuju untuk terus menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada lebih kurang 7,000 lagi pendatang yang terkandas di laut.

Soal ini penting, apatah lagi anggota ASEAN harus memainkan peranan yang aktif dalam memerangi jenayah lintas sempadan dengan efektif dan segera, termasuk mencantas sindiket pemerdagangan manusia demi mengekalkan semangat kerjasama dan perpaduan ASEAN. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sudah membantu MERCY Malaysia menghantar bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya sama ada melalui laut atau darat. Saya percaya Kerajaan Malaysia memegang teguh prinsip asas belas kasihan sesama insan untuk memastikan mereka yang kelaparan diberi makanan dan air, sementara mereka yang sakit menerima rawatan dan bekalan perubatan.

Bagi menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini, saya mengesyorkan pihak berwajib seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil pelbagai pendekatan yang holistik seperti berikut iaitu:

- (i) mengadakan operasi bersepadu dengan Jabatan Imigresen, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (ii) meningkatkan pemantauan di perairan Malaysia dan persisiran pantai untuk menghalang pendatang asing tanpa izin daripada menyusup masuk ke Malaysia;
- (iii) saya mencadangkan kepada mahkamah supaya mengenakan hukuman lebih berat terhadap mereka yang terbabit dalam kegiatan ini dan mengambil tindakan di bawah undang-undang yang sedia ada. Selalu Tuan Yang di-Pertua, yang kita lihat yang kena tangkap dan kena tahan ini ialah orang yang didagangkan, termasuklah dalam kes-kes jenayah menjual orang di pusat-pusat hiburan seperti bapa ayam. Selalu kena tangkap itu anak-anak ayam, bapa ayam terlepas. Berapa bapa ayam yang telah ditangkap? Berapa lesen niaga mereka ditarik balik dan premis mereka ditutup terus dan tidak dibenarkan lagi meniaga di premis berkenaan? Kita perlu

ada undang-undang. Orang yang mendagangkan orang dalam bangunan, bangunan itu segera perlu ditutup, disita, bekalan elektrik, bekalan air semua dipotong dan tak boleh lagi berniaga yang sama di dalam bangunan yang telah pun dikenal pasti. Di samping itu juga, tauke-tauke ini patut dilaporkan kepada CCRIS. Kalau dia lain kali nak pinjam duit bank, dia dah masuk dalam *blacklist*. Tak boleh lagi berniaga kerana kita mesti tangkap taukenya, orang yang menjual orang ini. Sekarang ini mereka banyak terlepas, kita pula terpaksa menjaga mereka yang teraniaya;

- (iv) saya mencadangkan juga perlu ditingkatkan usaha di peringkat antarabangsa seperti kerjasama serantau dan bilateral terutama negara-negara asal mangsa dan negara transit; dan
- (v) meningkatkan usaha mendapatkan maklumat risikan berhubung aktiviti pemerdagangan orang dan menjalin kerjasama erat dengan badan-badan bukan kerajaan, NGO khususnya *National Council for Women's Organizations* (NCWO) dengan izin, bagi memberi kefahaman meluas mengenai aktiviti dan kegiatan pemerdagangan orang melalui Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO).

Berdasarkan statistik, saya melihat dalam tempoh kajian Januari hingga April 2015 yang lepas, terdapat 41 kes pemerdagangan orang berbanding 47 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2014. Ini menunjukkan penurunan enam kes dan saya percaya menerusi pindaan dalam rang undang-undang ini akan memberi kesan yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, dalam tempoh kajian itu juga telah mengenal pasti jumlah mangsa *Interim Protection Order* (IPO) 575 orang dan mangsa *Protection Order* (PO) adalah seramai 32 orang. Untuk makluman, IPO iaitu Perintah Perlindungan Interim selama 14 hari yang dikeluarkan majistret di bawah seksyen 44 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 kepada orang yang disyaki diperdagangkan. Apa pun, dalam pindaan di bawah fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 44(2), Akta 670 untuk melanjutkan tempoh perintah perlindungan interim daripada 14 hari kepada 21 hari. Ini satu langkah yang proaktif.

Selepas siasatan dijalankan, pegawai penyiasat IO dan kes dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya ataupun DPP, maka satu Perintah Perlindungan (PO) bagi tempoh tiga bulan dikeluarkan Majistret bagi warga asing dan dua tahun bagi warga tempatan di bawah seksyen 51 akta yang sama kepada mangsa yang disahkan diperdagangkan. Biasanya jumlah mangsa IPO adalah lebih tinggi daripada jumlah mangsa PO kerana mangsa dalam IPO disiasat dengan terperinci dan selepas disahkan mangsa benar-benar diperdagangkan, maka mangsa dipindahkan selepas mendapat Perintah Perlindungan (PO) daripada majistret. Ini prosesnya.

## ■1630

Tuan Yang di-Pertua, ada kes disebabkan eksploitasi seks dan kes kerja secara paksa warga asing yang diseludup masuk, ini mangsa penipuan ejen yang menjanjikan mereka kerja yang sah di Malaysia, tetapi akhirnya dipaksa menjalankan aktiviti persundalan iaitu eksploitasi seks.

Ada juga dalam kalangan mereka ditipu dengan upah perjalanan yang murah dan selepas sampai di Malaysia mereka dipaksa membayar kos perjalanan yang tinggi. Akhirnya mereka bekerja secara paksa dengan gaji yang tidak setimpal atau tidak dibayar gaji langsung bagi membiayai hutang upah perjalanan berkenaan iaitu kerja paksa.

Bagaimanapun laporan tahunan yang disediakan oleh *US Department of State* (USDS) bagi tahun lalu, tadi Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan ada sebut meletakkan Malaysia di tier 3 iaitu dalam kategori negara-negara yang tidak memenuhi sepenuhnya standard minimum Akta Perlindungan Mangsa Perdagangan. Akan tetapi menerusi pindaan ini akan pasti mengambil kira langkah-langkah untuk memperbaiki dan memantapkan usaha untuk memerangi jenayah perdagangan orang.

Dalam laporan USDS 2014 itu, 31 buah negara diletakkan pada tier 1 terbaik. Sebanyak 89 buah negara di tier 2 peringkat satu dan sebanyak 44 buah negara di tier 2 pemerhatian dan 23 buah negara diletakkan pada tier 3. Malaysia sudah jatuh daripada tier 2 kepada tier 3 pada tahun 2014 yang lepas. Saya amatlah berharap PDRM sebagai agensi peneraju dapat mempertingkatkan usaha melumpuhkan kegiatan perdagangan dan penyeludupan orang terutama untuk mengembalikan Malaysia ke tier 2 ataupun ke tier 1.

Dengan kerjasama semua pihak termasuk hubungan dan kolaborasi dengan agensi penguatkuasaan tempatan dan serantau, isu perdagangan orang ini dapat ditangani dengan lebih kompetitif hasil terkesannya pindaan rang undang-undang ini. Saya cukup yakin Malaysia begitu komited untuk menambah baik inisiatif untuk memerangi jenayah seperti itu termasuk mengukuhkan Majlis bagi Sekretariat Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang kini dikenali sebagai Pejabat Strategik Nasional untuk MAPO (NSO-MAPO)

Kawalan di sempadan negara hendaklah diperkukuhkan menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta agensi penguatkuasaan yang lain. Malah saya pernah membangkitkan supaya dibina prasarana jalan raya seperti jalan raya kampung di sempadan bagi memudahkan pemantauan yang lebih berkesan. Kita buat sahaja jalan raya sekali gus memudahkan untuk kita meronda dan mengawasi laluan tikus yang telah diterangkan. Ini kerana jika dibina jalan kampung katalah lebarnya 10 kaki ia tidak memakan kos yang tinggi. Jika 100 kilometer satu pasukan ulang-alik, dari 100 kilometer satu pasukan lagi ulang alik, saya percaya dengan mudah kita boleh menjaga sempadan kita dari Kelantan sampailah ke negeri Perlis.

Kalau setakat tembok yang menghalang, saya fikir sudah tidak relevan lagi pada masa sekarang. Sebagai contohnya sempadan Amerika Syarikat dan Mexico terlalu canggih dan kukuh tembok di sana

tetapi ada 11 juta orang pendatang asing tanpa izin di Amerika Syarikat. Temboknya tinggi tetapi tidak ada orang ulang-alik jadi orang ini datang naik tembok dan masuk ke seberang.

Itulah sebabnya kita sudah tahu tempat mana yang banyak pendatang tanpa izin ini datang, jadi membuat jalan kampung di sempadan ini saya fikir cara yang terbaik dan tentera kita boleh berulang alik. Begitu juga pasukan-pasukan keselamatan yang lain termasuk juga polis sukarelawan, RELA dan sebagainya.

Di samping itu juga di pantai-pantai. Dahulu saya lihat kita ada pasukan tentera yang jaga pantai. Saya ingat dekat Melaka pun ada dahulu, satu dekat Pantai Kundur, satu belah Masjid Tanah. Jadi mereka *camping* kerana di situ tempat yang selalu pendatang tanpa izin atau PATI dari Indonesia datang mendarat dan ini juga dapat mengawal keadaan. Saya fikir...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Oh, hendak keluar [Ketawa] Tidak mengapa teruskan Yang Berhormat. Saya ingat dia bangun tadi.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Mungkin perkara yang sama juga kita boleh lakukan di kawasan seperti di Sabah dan Sarawak yang selalu juga berlaku penyeludupan. Satu lagi tadi saya difahamkan Amerika masukkan kelapa sawit sebagai satu juga sebab berlakunya pemerdagangan manusia.

Kedua, kilang elektronik. Saya ragu juga sama ada ini betul atau tidak betul. Kilang elektronik kita boleh lihat dengan jelas Tuan Yang di-Pertua berapa orang bekerja, hari-hari mereka datang kita boleh *check* pasportnya. Macam mana pula boleh ada?

Tengok Tuan Yang di-Pertua, jangan tengok Datuk Seri Nallakaruppan. Bagaimanakah pula kita tidak boleh tahu bahawa pekerja elektronik ini pekerja yang sah? Jadi macam mana pula mereka kata kita gunakan pekerja luar ini? Ini kita kena semak betul-betul sama ada betul atau tidak? Termasuk juga kelapa sawit. Kita ada isu kelapa sawit dengan minyak soya. Jadi laporan mereka ini pun kita kena semak juga betul-betullah. Ini Amerika cakap betul ke atau cakap tidak betul, kerana Amerika ini kadang-kadang cakapnya betul, tetapi kadang-kadang tidak betul juga.

Macam dahulukan dia kata Saddam Hussein ada banyak senjata, *mess instructions*, satu dunia sokong. Apabila sudah pergi, tidak ada apa-apa pun. Jadi oleh sebab itu yang dua ini saya minta kerajaan kita kena semaklah berkaitan dengan kelapa sawit dan juga berkaitan dengan industri elektronik yang mengikut laporan daripada United State kita menggunakan pendatang yang diperdagangkan.

Jadi saya berharap dan mengesyorkan barisan hadapan pasukan keselamatan kita supaya memperkuat lagi rondaan dengan bantuan-bantuan strategik iaitu seperti membina jalan kampung dan sebagainya. Begitu juga memantau kawasan-kawasan sempadan perairan dan yang lebih penting juga kita patut memikirkan juga bagaimana mereka yang jadi tauke jual orang ini supaya dapat dihukum dengan lebih berat dan dengan lebih berkesan. Sebaran kepada media juga patut diperkuatkan supaya mereka yang memperdagangkan orang ini benar-benar merasa takut. Di samping itu sokongan daripada rakyat jelata supaya dapat melaporkan jika mereka mengetahui apa yang berlaku.

Dengan itu saya pohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**4.39 ptg.**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua rakan-rakan yang dikasihi sekalian, sebelum saya meneruskan perbahasan pada petang ini saya secara peribadi ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih khasnya kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim yang baru-baru ini bagi kita makan buka puasa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kalau orang yang arif, orang yang beri makan orang buka puasa ini pahalanya *masya-Allah* tidak ternilai gunung. Oleh sebab itulah awal-awal Tuan Yang di-Pertua sudah panggil kita untuk berbuka puasa. Kalau yang lain-lain hendak mengikuti Tuan Yang di-Pertua, silalah. Satu Tuan Yang di-Pertua kita hendak *release tension* pada bulan puasa ini Tuan Yang di-Pertua.

**■1640**

Saya pun bukan hendak cakap banyak sangat. Satu lagi yang saya ingat hari itu Datuk Seri Nallakaruppan dia datang pakai baju Melayu, tapi tidak pakai baju Melayu pula dia pakai songkok. Mungkin itu satu petanda baik kepada kita, dan kalau boleh hari-harilah pakai songkok dengan baju Melayu itu Datuk Seri Nallakaruppan dan hari ini pula saya tengok bila tiba kita bincangkan pemerdagangan manusia ini dia datang pula. Tadi saya tidak berapa hendak nampak. Jadi dia minat dengan antipemerdagangan orang dan juga penyeludupan migran ini agaknya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana diberi peluang membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 pada hari ini. Kali ini merupakan kali ketiga akta ini dipinda sejak dikuatkuasakan pada 2007. Penggubalan akta ini selaras dengan obligasi dan komitmen negara di bawah konvensyen mengenai jenayah terancang UNTOC 2000 di mana Malaysia telah menandatangani UNTOC pada 26 September 2002 dan meratifikasikannya pada 24 September 2004.

Saya merujuk kepada reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang dianggap sebagai agresif di dalam bidang pemerdagangan orang. Malaysia telah dinilai sejak tahun 2006 dan dilaporkan JNAS pada tahun 2014 telah meletakkan Malaysia di tahap tiga ataupun *tier 3* sebagaimana yang rakan saya katakan tadi yang merupakan tahap terbawah. Apatah lagi dengan isu-isu terkini dengan terjumpanya kubur-kubur dan perkampungan mangsa pemerdagangan manusia di sempadan Malaysia dan Thailand baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini telah dinyatakan oleh rakan-rakan saya, saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam bab ini kerana peristiwa ini amat memalukan negara kita Malaysia. Jadi berkenaan dengan penempatan pemerdagangan yang dijumpai di sempadan, rakyat hairan kenapa orang Rohingya datangnya ikut Thailand tetapi buka penempatan haram di Malaysia? Persoalannya kenapa di Malaysia? Adakah mereka menganggap Malaysia ini terlalu longgar kawalannya dan kita ada askar dan kita ada agen-agen penguat kuasa. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Sepatutnya

daripada kubur baru satu dua orang sudah terjumpa. Ini kubur sudah begitu besar. Ini cakap orang Muar. Kubur sudah begitu besar, sudah panjang baru terjumpa. Ini macam pelik bin ajaib Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya kawalan ketat perlu dibuat dan sebagaimana kata rakan saya Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam kita ada askar dan kita ada polis dan lain-lain kita bagi peluang askar jaga di perairan ini dan di tepi sungai-sungai di mana mereka ini mudah mendarat. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya dibentuk satu *special force* untuk menangani masalah ini.

Menyentuh saya mengenai fasal 4 rang undang-undang ini memperuntukkan penubuhan jawatankuasa peringkat tertinggi iaitu *high level committee* mengenai pemerdagangan orang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan keahliannya melibatkan Menteri-Menteri yang menerajui kementerian-kementerian, agensi-agensi di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). Saya mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa tertinggi ini yang menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menangani isu pemerdagangan orang. Saya ingin tekankan agar isu yang melibatkan wanita dan kanak-kanak di dalam membuat dasar dan polisi berkaitan pemerdagangan orang ini hendaklah dititikberatkan kerana isu-isu berkaitan kanak-kanak seperti pendidikan manakala wanita pula melibatkan sanitari dan sebagainya sering terlepas pandang.

Menyentuh fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 51A ke dalam Akta 670 untuk memberikan majlis kuasa untuk memberi kebenaran untuk bergerak bebas dan untuk bekerja semasa tempoh perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan. Dalam hal inilah melibatkan NGO sokongan dan penglibatan lebih aktif badan bukan kerajaan (NGO) dan petugas NGO bagi aspek perlindungan dan penjagaan mangsa pemberi pampasan kepada mangsa.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 670 untuk membolehkan majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan tertakluk kepada kesediaan wang. Sebenarnya agak pelik juga bila kata terpaksa membayar elaun kepada mangsa pemerdagangan orang ini. Mereka yang pilih untuk datang melalui pemerdagangan orang tetapi kita pula terpaksa menanggung mereka. Namun atas dasar kemanusiaan maka kita redha.

Pindaan ini membolehkan majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan dan mempertimbangkan kebajikan mangsa. Namun apakah garis panduan untuk menentukan elaun kepada mereka ini? Pindaan ini juga melibatkan peruntukan baru bagi membolehkan pembayaran pampasan ataupun pembayaran gaji tertunggak kepada mangsa pemerdagangan orang. UNTOC dan Protokol TIP dengan secara jelasnya merujuk kepada pembayaran pampasan kepada mangsa dan kemungkinan untuk menggunakan kegunaan yang disita daripada penjenayah bagi tujuan pembayaran pampasan tersebut.

Sitaan keuntungan daripada jenayah ini akan bertindak sebagai satu bentuk hukuman serta juga tujuan untuk mencegah penularan jenayah ini pada masa yang akan datang. Bagi aspek pembayaran gaji tertunggak kepada mangsa pemerdagangan orang itu, isu ini kritikal kerana kebanyakan daripada mangsa-mangsa yang berstatus PATI yang tidak membuat tuntutan ini disebabkan kekangan undang-

undang yang sedia ada. Tambahan pula Akta Kerja 1955 hanya membenarkan tuntutan tunggakan gaji kepada mangsa yang warga asing masuk dan bekerja di negara ini secara sah sahaja. Perkara penting yang perlu dijelaskan di sini ialah sekiranya seseorang individu dikategorikan sebagai mangsa pemerdagangan orang oleh Mahkamah majistret status imigran sama ada sah ataupun PATI adalah tidak relevan. Isunya berapa banyak tangkapan kepada penjenayah pemerdagangan orang ditangkap setakat ini dan berapakah wang yang dapat disita daripada mereka?

Saya percaya di negara kita jenayah pemerdagangan orang ini dapat dicegah dan dihapus dengan jayanya dengan sokongan dan kerjasama dari semua pihak terutama daripada NGO dan mereka yang berkenaan yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja perbincangan saya mengenai rang undang-undang ini dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

#### 4.49 ptg

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa pemerdagangan manusia satu masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad yang lepas. Kalau kita melihat kepada, dengan izin, *Amnesty International* pada 2004, dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan setiap tahun bagi tujuan seks. Jenayah terancang ini dikenali sebagai pemerdagangan manusia yang kini adalah ketiga terbesar di dunia selepas penyeludupan dadah dan senjata api.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, amat malang sekali kerana negara kitalah yang dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket pemerdagangan manusia ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Jadi, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang telah dibuat oleh takrif mengenai tahap atau *tier* daripada tahap 3 dalam Laporan Senarai Pemerhatian Perdagangan Malaysia. Dalam Laporan TAP ini menyatakan kedudukan negara-negara dunia berdasarkan tahap pematuhan standard minimum dalam memerangi pemerdagangan manusia.

Kalau kita imbas kembali, pada tahun 2009 kedudukan Malaysia ini merosot daripada tahap 2 pada 2008 ke tahap 3 pada 2009. Pencapaian TAP adalah berdasarkan kepada kepatuhan negara menerusi Akta Perlindungan Pemerdagangan dan Keganasan atau TVPA Amerika Syarikat. Menurut klasifikasi antarabangsa, tahap 1 - negara yang melakukan pematuhan sepenuhnya. Tahap 2 - mempunyai usaha *significant* mematuhi TVPA, manakala tahap 3 - negara yang tidak ada usaha untuk memenuhi standard minimum TVPA.



Tuan Yang di-Pertua, berikutan itu Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dipinda bagi memasukkan kesalahan penyeludupan migran untuk dijadikan akta baru yang kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang dikuatkuasakan pada 15 November lalu. Pindaan itu bagi menangani sindiket antarabangsa yang menjadikan negara ini sebagai negara transit pemerdagangan dan penyeludupan manusia untuk membawa mangsa ke negara ketiga, terutama di Australia. Persoalan saya juga kepada pihak berkenaan, berapa banyakkah kes yang telah ditangkap setakat ini ke atas sindiket-sindiket yang telah menjalankan kegiatan ini sehingga hari ini dan apakah strategi dan langkah kerajaan menangani masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mangsa adalah dari negara Afghanistan, Pakistan dan Myanmar yang dibawa masuk ke Malaysia terlebih dahulu sebelum ke Indonesia dan seterusnya ke Australia. Namun, hari ini kita juga dikejutkan dengan kemasukan beramai-ramai etnik Rohingya dari Myanmar. Malah negara digemparkan dengan penemuan kubur besar dan kem transit yang seolah-olah berlaku penyeksan manusia seperti zaman perang dunia kedua dahulu.

PDRM ataupun Polis Diraja Malaysia memberi jaminan akan mengambil langkah berterusan memerangi pemerdagangan manusia dengan mengadakan lebih banyak operasi dalam usaha menyelamatkan mangsa sindiket. Lebih ramai anggota polis dan penguat kuasa akan ditempatkan di kawasan panas atau, dengan izin, *hotspots* seperti sempadan tanah air, Kedah, Perlis, Kelantan dan di perairan negara Selat Melaka dan Laut China Selatan yang dikenali sebagai laluan masuk utama sindiket itu sebelum mangsa diperdagangkan ke negara destinasi.

Malah, saya mohon mencadangkan agar pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilibat turut serta dalam mengawal sempadan. Oleh sebab kita mempunyai kepercayaan bahawa mereka ada disyaki berlakunya gejala rasuah di kalangan penguat kuasa yang telah lama bertugas di sempadan. Saya minta kepada kementerian, apakah tatacara yang terbaik untuk menangani masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan turut mengambil tindakan yang lebih teratur melalui Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang yang menetapkan hala tuju dan fokus dalam usaha mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan orang. Pelan yang dirangka bagi tempoh lima tahun 2010/2015 adalah antara usaha dan komitmen kerajaan membanteras masalah pemerdagangan orang. Aktiviti jenayah ini yang mempunyai jaringan dan sindiket profesional harus dilihat secara menyeluruh. Jika tidak dibanteras secepat mungkin, boleh menjejaskan imej, prestasi dan nama baik negara di mata dunia, terutama Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh. Sasaran Malaysia untuk tahap 1 pada tahun ini mungkin akan tercapai jika kerjasama dan komitmen semua pihak digembleng dalam usaha membasmi jenayah yang tidak berperikemanusiaan ini.

Namun Tuan Yang di-Pertua, saya amat khawatir juga isu pembongkaran kubur besar dan kem transit etnik Rohingya di Perlis baru-baru ini bakal memberi impak negatif kepada imej Malaysia dan risiko diturunkan *ranking*. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam menangani masalah kehadiran manusia dari negara-negara seperti Pakistan, Afghanistan, Myanmar, Filipina serta Indonesia dan terbaharu etnik Rohingya, apakah penyelesaian UNHCR berkaitan kad pelarian palsu yang dijual oleh

sindiket? Berapa lamakah tempoh kerajaan menanggung pelarian ini di kem-kem negara kita dan kos meningkat di sebalik ke perikemanusiaan yang ditunjukkan oleh negara kita?

Kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak mahu terlalu nampak baik di mata pelarian kerana ini membolehkan orang memberi gambaran dan mesej yang salah di kalangan pelarian. Dengan izin, *words of mouth* akan tersebar bahawa Malaysia memberi perlindungan dan semakin ramai pula akan masuk ke Malaysia. Ibarat pepatah 'di mana ada gula, di situ ada semutnya'. Isu ini bukan hanya seperti kes Rohingya sahaja tetapi saya juga ingin menyentuh tentang kes pembantu rumah tanpa dokumen yang di manipulasi oleh agen, kes *China doll* yang masuk atas visa pelancong serta kes bayi yang dijual di pasaran gelap.

Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, kes-kes ini bakal menjadikan Malaysia sebagai lubuk pemerdagangan manusia dan pusat transit. Persoalan saya, apakah tahap kesedaran rakyat Malaysia? Contohnya, masih ramai yang menggunakan pembantu rumah tanpa dokumen yang sah, masih ramai rakyat kita yang mahu membeli bayi yang dijual oleh sindiket. Sejauh manakah hasil dari Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Manusia yang menetapkan hala tuju dan fokus dalam usaha mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan orang?

Di negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lalu kita ada daripada UNHCR, pelarian UNHCR dan pemegang IMM13. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa ramai lagi pelarian UNHCR yang diberi dokumen IMM13 di Sabah dan apakah status kedudukan pemegang dokumen IMM13 di Sabah setakat ini?

#### ■1700

Kerana apa Tuan Yang di-Pertua, sindiket-sindiket ini akan mencari orang-orang yang tidak ada dokumen ini untuk memperdagangkan mereka dan mungkin negeri Sabah malah Sarawak akan menjadi pusat-pusat sindiket mencari jenayah melakukan pemerdagangan manusia ini .

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang demikian, saya dengan ini mohon menyokong rang undang-undang ini. sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

#### 5.00 ptg

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk saya sama-sama mengambil bahagian dan berbahas Rang Undang-undang Antipemerdagangan Manusia dan Antipenyeludupan Migran Pindaan 2015. Saya melihat isu pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran, isu yang bersifat global yang kompleks, dan Malaysia ketika ini adalah antara negara yang sedang berhadapan cabaran besar dalam menanganinya. Ditambah lagi krisis kemanusiaan yang

melibatkan pelarian etnik Rohingya hari ini turut terpalit dan diburukkan dengan kes pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran.

Tuan Yang di-Pertua, secara teorinya warga asing ini dari Indonesia, Bangladesh, Filipina, Nepal, Sri Lanka, India, Myanmar, Kemboja dan Vietnam secara rela berhijrah ke Malaysia bagi mencari pekerjaan dan peluang ekonomi yang lebih baik, sebenarnya telah membawa banyak implikasi. Kesan kebanjiran ini menjadikan Malaysia sebagai tempat menarik bagi sindiket pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran menjalankan aktiviti jenayah rentas sempadan, ditambah lagi kedudukan geografi Malaysia di tengah-tengah rantau ASEAN menjadikannya lokasi strategik sama ada negara destinasi atau transit bagi pemerdagangan manusia atau penyeludupan migran.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa fasal yang saya kira penting dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 670 untuk memasukkan takrif tempat perlindungan dan fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 670 bagi menambah anggota baru dalam majlis bagi antipemerdagangan orang dan antipenyeludupan. Untuk fasal 2 apakah takrifan sebenar perlindungan ini. Adakah transit sementara dan di manakah lokasi yang telah dipersetujui. Juga fasal 2 adakah tempoh ditetapkan iaitu kenyataan kerajaan dengan persetujuan Indonesia dan Thailand bahawa tempoh setahun bersesuaian untuk kerajaan menanggung pelarian ini atas dasar perikemanusiaan.

Bagi fasal 3 pula, mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri berkaitan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran ini, siapa ahlinya sekarang, latar belakangnya terdiri dari agensi penguat kuasa dan mengapa timbulnya keperluan menambah ahli majlis? Adakah bertujuan memperkasakan majlis ini?

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 670 untuk membolehkan majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan tertakluk kepada ketersediaan wang. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri berkaitan isu majlis membayar elaun kepada orang yang diperdagangkan dan soalnya berapakah jumlah yang dipersetujui dibayar.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda perenggan 54(b), Akta 670 yang berhubungan dengan pelepasan dan pemulangan balik orang yang diperdagangkan yang merupakan warga negara asing ke negara asal dan apakah persetujuan terkini berkaitan penghantaran pulang pelarian ini. Bagaimanakah pula dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini untuk membawa masuk 1.5 juta orang pekerja dari Bangladesh dalam tempoh beberapa tahun ini? Saya difahamkan untuk menampung beberapa buah industri yang kritikal kekurangan pekerja buruh tetapi isunya saya difahamkan juga Yang Berhormat Menteri mahu memastikan semua PATI dan Bangladesh ini dihantar pulang dahulu sebelum 1.5 juta orang pekerja baru dibawa masuk. Isunya di sini bolehkah kita memastikan semua PATI berjaya dihantar pulang. Mereka mungkin lari menyembunyikan diri.

Juga adakah kerajaan terpaksa menanggung kos menghantar pulang. Kosnya sudah tentu tinggi ini tidak termasuk kos makanan dan tempat tinggal semasa di kem transit. Bagaimana pula reaksi

ASEAN dan Bangladesh, Myanmar sendiri. Adakah persetujuan untuk *cost sharing*. Bolehkah ASEAN berperanan memberi tekanan pada Bangladesh dan Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Malaysia mempunyai daya tarikan tersendiri. Faktor mudah mendapat kerja di pelbagai sektor dengan gaji yang lumayan, kekuatan mata wang ringgit berbanding dengan mata wang asal memberi ganjaran besar apabila mereka kembali ke negara asal. Tidak kira mereka masuk ke negara ini secara sah atau haram, kebanyakannya adalah secara sukarela bukan dipaksa. Namun ramai juga ditipu sindiket pemerdagangan manusia setelah mereka membayar sejumlah wang untuk bekerja secara sah di sini. Apa jua motif dan meskipun mereka masuk secara haram, selagi mereka mangsa, maka mereka perlu dilindungi.

Menyedari isu pemerdagangan orang dan pendatang asing tanpa izin yang memberi kesan buruk kepada negara, saya sarankan agar dapat segera mengambil beberapa langkah penambahbaikan. Ini termasuk mengadakan pindaan terhadap Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan mengukuhkan Sekretariat Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). Ini kerana berdasarkan statistik Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh Februari 2008 hingga 2014 sebanyak 738 kes yang disiasat di bawah akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Apakah pindaan rang undang-undang itu cukup untuk menangani masalah yang timbul?

Penguatkuasaan undang-undang dengan tegas mesti dilakukan bagi membanteras jenayah berkenaan. Tiga ciri utama penguatkuasaan ialah pencegahan, penyiasatan dan tindakan. Pencegahan memerlukan kawalan efektif di setiap bahagian sempadan negara dan ini penguatkuasaan yang ramai serta kemudahan logistik mencukupi kerana garis sempadan negara yang panjang. Penggunaan teknologi juga dapat membantu usaha pencegahan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta yang disertai dengan penguatkuasaan ketat termasuk peranan pelbagai agensi penguatkuasaan mampu membantu memerangi jenayah berkenaan. Apabila ramai orang ditangkap dan diberi hukuman yang berat, orang akan takut untuk melakukan kesalahan tersebut. Itu secara teorinya. Sama ada hukuman yang lebih berat akan mengurangkan jenayah ini atau tidak, ia sebenarnya amat bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang atau akta itu sendiri.

#### ■1710

Saya melihat isu penguatkuasaan undang-undang yang lemah menjadi punca majikan berani menggaji pekerja tanpa permit. Daripada satu sudut lain meskipun terdapat tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa, jumlah pekerja asing tanpa permit yang ramai pula menyukarkan penguatkuasaan dijalankan secara efektif. Selain itu masalah integriti dalam penguatkuasaan undang-undang turut menimbulkan persoalan. Tidak terkecuali penyalahgunaan kuasa dan rasuah turut menyumbang kepada pelaksanaan undang-undang yang tidak efektif.

Sekiranya tidak ada permintaan aktiviti pemerdagangan orang tidak akan wujud. Maka saya mencadangkan agar penguatkuasaan ketat akta itu perlu dikenakan terhadap pengguna manusia yang diperdagangkan. Rakyat Malaysia seharusnya tidak terlibat sebagai pengguna kepada manusia yang dijadikan hamba pemerdagangan kerana ia menyumbang kepada faktor penggalak kegiatan tidak

bermoral itu. Sekiranya terdapat mana-mana pihak di negara ini tidak kira di sektor industri perkilangan, pembinaan dan perladangan yang terlibat melanggan buruh haram, mereka wajib dikenakan tindakan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkan saya mengajukan beberapa persoalan terhadap Yang Berhormat Menteri kerana berkaitan isu pelarian Rohingya. Saya ada terbaca beberapa laporan, jadi izinkan saya menanya soalan-soalan kepada Yang Berhormat Menteri apakah bentuk komitmen yang dijanjikan oleh Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu ataupun OIC yang dilapor bersetuju membantu dalam menangani isu pelarian Rohingya ini.

Adakah mereka ini sanggup mengambil pelarian Rohingya tinggal di negara mereka? Soalan yang akhir, apakah pendekatan diambil peringkat ASEAN? Bolehkah pendekatan drastik Myanmar memikul tanggungjawab dan menyelesaikan secara konflik kemanusiaan? Bolehkah ASEAN sepakat dalam isu ini? Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ariffin. Kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin saya terlepas pandang Yang Berhormat, saya sedia maklum perkara ini. Walau bagaimanapun, akan diberi peluang *inshaa-Allah*.

### 5.13 ptg.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia sekarang dianggap sebagai sebuah negara yang dilanda oleh masalah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini warganegara Indonesia, Nepal, India, Thailand, negeri China, Filipina, Myanmar, *Cambodia*, Bangladesh, Pakistan, Vietnam dan juga negara-negara di Benua Afrika.

Negara ini seolah-olah sudah jadi macam sebuah stesen untuk penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Jelaslah negara Malaysia telah menjadi sasaran penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam pemerdagangan orang serta penyeludupan migran. Mangsa yang diseludup masuk terdiri daripada mereka yang cuba datang di sini untuk cari kerja ataupun cari peluang ekonomi. Akan tetapi ramai daripada mereka yang datang jadi pekerja paksa kerana tidak boleh bayar hutang mereka ataupun cari kerja di mana-mana tempat yang beri peluang kepada mereka ataupun jika mereka ini wanita jadi GRO ataupun pelacur di negara ini.

Soalan yang penting ialah macam mana begitu ramai daripada mereka dapat diseludup masuk ke negara ini tanpa dikesan ataupun dihalang. Kalau saya tidak salah jumlah mereka yang diseludup masuk telah sampai ke tahap yang membimbangkan. Saya difahamkan hampir 1.9 juta daripada mereka telah dibawa masuk ke negara ini.

Ini merupakan satu angka yang konservatif. Apa yang memeranjatkan ialah bukan sahaja negara ini telah jadi sasaran penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam pemerdagangan manusia tetapi

Malaysia digunakan sebagai *staging point*, dengan izin, untuk pemerdagangan orang serta menyeludup migran ke negara-negara lain. Ini satu perkara yang harus kita ambil kira. Oleh sebab itulah Malaysia malangnya mempunyai rekod yang amat buruk dalam soal ini sehingga negara kita diletak ke tahap ketiga ataupun *the third tier* dalam laporan *State Department* Amerika Syarikat tentang pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran.

Oleh sebab itu wajarlah kita bertanya kenapa negara Malaysia tercemar oleh kegiatan pemerdagangan serta penyeludupan orang? Siapakah mereka ini yang terlibat dalam pemerdagangan orang dan juga penyeludupan migran? Laporan-laporan yang tidak rasmi menyampaikan bahawa mereka yang terlibat terdiri daripada peniaga-peniaga individu dan juga organisasi-organisasi penjenayah yang tersusun yang mempunyai hubungan dengan pihak-pihak tertentu dan yang lebih teruk lagi, mereka ini mempunyai jaringan, *network* di peringkat antarabangsa.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menjelaskan juga bahawa pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang bukan sahaja melibatkan orang asing tetapi apa yang tidak ditegaskan oleh Ahli-ahli Dewan ini ialah warga Malaysia pun telah menjadi mangsa sindiket-sindiket pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang. Warganegara ini telah diseludup masuk ke Singapura, Hong Kong, negara Perancis dan *United Kingdom*. Kalau wanita mereka dijual jadi pelacur atau GRO di sana. Kalau kaum lelaki mereka kerja dengan gaji yang paling rendah. Eksploitasi tidak berperikemanusiaan yang dikenakan atas mereka.

Maka bolehkah kita diberi penjelasan dari Menteri berapa ramai warga Malaysia yang jatuh mangsa kepada pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang? Apakah tindakan yang sedang diambil untuk membanteras sindiket-sindiket jenayah ini dan menyelamatkan mereka yang telah jatuh mangsa kepada sindiket-sindiket tersebut? Setakat ini apa yang kita bincang di sini ialah mangsa yang datang dari luar negeri. Macam mana dengan warga kita yang telah jadi mangsa kepada penjenayah-penjenayah ini? Adakah kepentingan mereka tidak diambil kira?

Malangnya dan ini jelas terbukti jarang-jarang sekali ketua-ketua sindiket-sindiket pemerdagangan manusia serta penyeludupan migran dapat diberkas. Saya cuba cari juga dalam rekod-rekod atau surat khabar laporan, tidak ada langsung. Apalagi setiap kali Ketua Polis Negara ditanya tentang soal memberkas ketua-ketua sindiket-sindiket tersebut jawapannya ialah, dengan izin, *the big fish are abroad*. Maka kalau *the big fish are abroad*, siapalah yang terlibat dan mengendalikan penyeludupan manusia dan pemerdagangan manusia di negara ini. Mereka yang diberkas ialah mereka yang diperdagangan serta migran yang diseludup masuk. Ini bermakna mereka ditimpa dua kali musibah. Mula-mula dibawa masuk secara haram, kemudian diberkas dan dilayan dengan buruk. Kes-kes Rohingya di sempadan Malaysia-Thai sudah jelas terbukti.

#### ■1720

Pada hari ini kita sedang membahaskan suatu Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. Akan tetapi kita harus sedar bahawa cara untuk membendung gejala pemerdagangan orang dan penyeludupan migran tidak boleh dicapai melalui undang-undang sahaja.

Undang-undang itu mesti dikuatkuasakan dengan cara adil dan saksama untuk membuktikan keberkesanan undang-undang itu.

Maka Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan undang-undang itu hanya dapat dibuktikan jika pegawai-pegawai yang diberi tugas serta tanggungjawab untuk mengawasi pintu masuk ke negara ini serta sempadan negara ini mestilah terdiri daripada pegawai-pegawai yang ikhlas, jujur dan faham betapa beratnya tanggungjawab mereka untuk menjaga kepentingan negara ini.

Baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa hampir 80% daripada pegawai-pegawai yang menjaga sempadan negara ini terlibat dengan gejala rasuah. Maklumat ini kononnya datang daripada dengan izin, *Special Branch* PDRM. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan bahawa mestilah ada suatu mekanisme yang dapat memantau pegawai-pegawai yang diberi tugas menjaga sempadan negara serta pintu masuk negara ini untuk menentukan mereka ini tidak terlibat dalam gejala rasuah.

Kedua yang saya hendak cadangkan, jika polis biasa atau pegawai-pegawai imigresen tidak ada kemampuan untuk menyiasat atau membendung pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran, maka satu unit istimewa didirikan untuk bertindak membendung gejala pemerdagangan manusia dan penyeludupan manusia. Mungkin dengan cara sebeginilah sahaja baru kita dapat mengatasi masalah pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad.

### 5.23 ptg.

**Dato' Khairudin bin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015... *[Disampuk]* Kawan-kawan minta saya panjangkan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya pandai, ayat setakat itu sahaja. Hendak panjangkan lagi kena belajar dengan... *[Disampuk]* Ya? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pada petang yang berbahagia ini, saya ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi kalau boleh saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan, boleh tak kalau saya dibenarkan guna bahasa Inggeris, *human trafficking*. Sebab, nak sebut ini panjang sangat ini, "Rang Undang-undang Antipemerdagangan..." Takut tersasul. Takut tersasul, terlepas satu ayat. Kalau diizinkan saya bercakap bahasa Inggeris, saya rasa selamat sikit. Bukan bererti saya tidak patriotik, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup patriotik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua saja itu. Satu, pemerdagangan, *human trafficking*. Penyeludupan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Penyeludupan- semua sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat dah cakap begitu, bagi Yang Berhormat saja sebab dah mohon tadi, saya benarkanlah.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak kena sebut Tuan Yang di-Pertua, saya masih patriotik walaupun berbahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham, faham, faham.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Saya bukan saja itu, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh juga berbahasa Hokkien sebab anak Pulau Pinang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** *[Berucap dalam dialek Hokkien] [Ketawa]* Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya dah luluskan. Teruskan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Saya nak teruskan ini, Tuan Yang di-Pertua. Cuma, saya nak kena cerita, takut kawan-kawan ingat saya dah tukar, tak jadi orang Melayu. Walau bagaimanapun, saya tetap orang Melayu, ahli UMNO 42 tahun. Itu nak kena sebut itu, Tuan Yang di-Pertua, sebab bila pakai kot ini, orang ingat dah jadi Orang Putih sebab sebut *human trafficking*. *Human trafficking, human smuggling*. Orang ingat kita dah jadi Orang Putih. Tidak, saya masih Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, sebelum kita lihat- saya ada lagi empat minit saja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya *start* masuk gear satu ini, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Hari Isnin saya nak masuk gear dua, saya nak kena *start* balik gear satu *[Ketawa]* Ini yang saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, teruskan Yang Berhormat. Kalau dah berhenti, Yang Berhormat boleh sambung nanti.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tak, sebab saya kesian Yang Berhormat Timbalan Menteri tunggu saya nak berhujah ini... *[Disampuk]* Ha?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan peduli, Yang Berhormat. Teruskan *[Ketawa]*

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tak, dia orang suruh minta izin, Tuan Yang di-Pertua... *[Berucap dalam dialek Hokkien]* Ha, dia minta saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat yang pertama ini, saya nak kaitkan dengan apa yang berlaku pada 70-an sebelum kita masuk ke Rohingya. Pada tahun 70-an, *boat people*, dengan izin, *the boat people* ketika itu- ataupun *Hai Hong*. *Hai Hong* ini bukan bahasa Hokkien. Yang Berhormat jangan pula *confuse*, dengan izin. *Hai Hong* ini bahasa Vietnam. Kapal *Hai Hong* yang membawa pelarian yang begitu ramai pada ketika itu dan berlabuh di Pulau Bidong di Terengganu di perairan kita. Waktu itu sudah ada dah pelarian. Sama ada mereka ini didagang atau mereka berdagang ataupun *dismuggle* masuk, dengan izin, tapi saya dah dapat izin awal dah tadi. Sama ada mereka ini *dismuggle* masuk.

Akan tetapi hakikatnya pada ketika itu kita dah ada pun pelarian-pelarian ini yang datang begitu ramai yang bawa duit *US Dollar*, bukan bawa Dong, bawa *US Dollar*, kenapakah? Sebab mereka ini lari



daripada *Viet Cong* pada ketika itu, sebab *Viet Cong* sudah serang Saigon atau Ho Chi Minh sekarang. Pada ketika itu mereka ini lari hendak keluar daripada yang mana yang bersubahat dengan orang-orang Amerika.

Waktu saya berada di Ho Chi Minh pada awal selepas Amerika keluar itu, saya dibawa untuk melawat, Tuan Yang di-Pertua. Waktu itu saya masih ingat lagi, petang-petang dia akan datang ke hotel yang saya tinggal, tempat Tengku Ahmad Rithauddeen waktu itu Menteri Luar, dia akan datang petang-petang sebab dia ada *French* punya cara minum kopi. Dia akan datang dan dia akan panggil saya, "*Duh, duh, duh*". Saya hairan kenapa disebut tidak boleh. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua, hamba Allah ini sudah kena potong lidah. Sebab dia dulu *marine, American Marine*. Dia kena potong lidah sebab dia daripada *American Marine*, jadi orang *Viet Cong* dapat tangkap dia dan potong lidah. Akhirnya daripada *Marine* dia jadi penarik beca. Waktu dia datang tiap-tiap petang sebab saya akan bayar dia *US Dollar* untuk dia bawa saya *round* melihat Ho Chi Minh yang sudah hancur, hampir-hampir hancur.

Akan tetapi *moral of the story* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, saya hendak bercerita bahawa yang tidak dapat lari ini kena potong lidah. Jadi mereka terpaksa lari. Lari untuk jadi pelarian dan tempat yang mereka berebut ialah di negara kita. Itu zaman itu sudah. Pada zaman itu. Belum lagi kita hendak cerita kita hendak masuk gear dua untuk nak sampai ke Rohingya *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat... *[Ketawa]* Saya minta maaf Yang Berhormat kerana kita masa sudah cukup.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat akan boleh sambung pada hari Isnin nanti.

**Dato' Khairudin bin Samad:** *Inshaa-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita berhenti setakat ini.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya percaya banyak lagi Yang Berhormat boleh sumbangkan. Sekian, terima kasih. Mesyuarat kita akan bersambung semula pada hari Isnin, 6 Julai, jam 10 pagi.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]***